



**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil. 7</b>	<b>Selasa</b>	<b>21 Julai 2020</b>
---------------	---------------	----------------------

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Penggunaan Perkataan Berbentuk Hasutan, Rasis, Biadab dan Seksis (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 11)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 35)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 36)

Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong (Halaman 36)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA  
Isnin, 21 Julai 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA**

**PENGUNAAN PERKATAAN-PERKATAAN BERBENTUK  
HASUTAN, RASIS, BIADAB DAN SEKSIS**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pada Isnin, 20 Julai 2020 iaitu semalam, saya telah mengadakan perjumpaan bersama *Whip* parti mengenai penggunaan perkataan-perkataan yang berbentuk hasutan, rasis, biadab dan seksis dalam Dewan ini. *Whip* parti yang hadir adalah Yang Berhormat Gombak sebagai Ketua *Whip* Kerajaan, Yang Berhormat Bagan Datuk mewakili Barisan Nasional, Yang Berhormat Larut yang mewakili BERSATU, Yang Berhormat Kota Bharu yang mewakili PAS, Yang Berhormat Petrajaya yang mewakili GPS, Yang Berhormat Sungai Petani yang mewakili PKR, Yang Berhormat Lanang yang mewakili DAP, Yang Berhormat Hulu Langat yang mewakili AMANAH, Yang Berhormat Papar yang mewakili WARISAN, Yang Berhormat Simpang Renggam yang mewakili BEBAS dan Yang Berhormat Arau sebagai Pengerusi Backbenchers.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah hadir dan terlibat pada perjumpaan semalam. Kesemua *Whip* parti tersebut telah sebulat suara memperbaharui komitmen mereka untuk mempertahankan peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dalam memastikan perkataan berbau hasutan, rasis, biadab dan seksis tidak digunakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Adalah diharapkan semua Ahli Yang Berhormat juga memberi komitmen yang sama demi menjamin perjalanan Dewan yang berkualiti dan beradab sopan.

Oleh itu, saya dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua, akan mengambil tindakan berlandaskan peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat sekiranya perkataan-perkataan yang dimaksudkan tadi masih disebut selepas ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat dan diri saya sendiri bahawa keberadaan kita di dalam Dewan ini membawa satu tanggungjawab yang amat berat iaitu harapan rakyat kepada kita semua. Rakyat berharap agar masalah-masalah dan keluh

kesah mereka dibincangkan di Dewan ini dan penyelesaian dapat dicari. Oleh itu, saya menyeru setiap Ahli Yang Berhormat untuk berbahas dalam ketertiban dan adab susila yang sopan supaya kepentingan rakyat dapat dibela dan kesucian Dewan yang mulia ini sentiasa dijaga. Sekian, terima kasih.

### **JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** minta Menteri Kewangan menyatakan status terkini pelaksanaan Program Prihatin dan PENJANA. Adakah program-program ini akan diteruskan lagi dengan pengumuman lain yang baru kerana ianya mendatangkan manfaat yang besar kepada rakyat, perniagaan dan ekonomi negara.

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah memulihkan ekonomi akibat COVID-19, kerajaan telah memperkenalkan lebih 80 inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) pada 27 Mac bernilai RM250 bilion. Pakej Prihatin PKS tambahan pada 6 April bernilai RM10 bilion dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun bernilai RM35 bilion.

Bagi Pakej Prihatin, sehingga 17 Julai secara keseluruhannya bagi inisiatif yang bersifat *one-off*, prestasi pelaksanaan adalah di tahap 91 peratus. Ini termasuk RM11.14 bilion bantuan tunai secara *one-off* di bawah Bantuan Prihatin Nasional (BPN) kepada 10.4 juta penerima B40 dan M40. Bagi subsidi upah dan program pengkalan pekerja pula, jumlah bayaran setakat ini adalah RM7.6 bilion yang menyelamatkan 2.75 juta pekerjaan.

Nilai moratorium dianggarkan berjumlah RM59 bilion. Sebanyak RM9.23 bilion di bawah Dana Pinjaman Mudah PKS telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujui terima oleh lebih kurang 20,800 PKS. Sebanyak RM1.64 bilion bantuan Geran Khas Prihatin (GKP) telah dibayar dan memanfaatkan 545 ribu PKS mikro. Sebanyak RM370.8 juta telah diluluskan di bawah skim kredit mikro BSN yang memanfaatkan 11,200 PKS.

Manakala, RM194.6 juta telah diluluskan di bawah Program TEKUN yang memanfaatkan 25,500 PKS. Bagi pakej PENJANA pula, sehingga 17 Julai lebih 119,800 pas telah dijual di bawah Program My30 bagi perkhidmatan pengangkutan awam dengan subsidi kerajaan bernilai RM20.4 juta.

#### **■1010**

Seramai 5,050 orang pekerja telah mendapat pekerjaan melalui Program Pengambilan Pekerja atau bantuan latihan. Bayaran secara *one-off* sebanyak RM300 di bawah bantuan sosial bagi golongan mudah terjejas telah dibuat, contohnya kepada 108,000 OKU, bernilai RM32.3 juta.

Pelaksanaan PRIHATIN dan PENJANA dipantau rapat oleh LAKSANA ataupun Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional di bawah Kementerian Kewangan. Unit ini membuat laporan mingguan kepada Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin menjemput semua Yang Berhormat untuk mengikuti laporan LAKSANA mingguan saya sama ada secara *Facebook Live* atau menerusi siaran media untuk mendapatkan status terkini dan perincian mengenai pelaksanaan PRIHATIN dan juga PENJANA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya persilakan Yang Berhormat Pontian untuk mengemukakan soalan tambahan pertama dalam masa 30 saat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya ingin bertanyakan soalan yang popular di luar sana iaitu adakah moratorium pinjaman balik bank ini akan dilanjutkan? Setidak-tidaknya kepada mereka yang hilang pekerjaan ataupun juga pada sektor yang terjejas seperti pelancongan. Jumlah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi RM59 bilion itu banyak. Adakah bank kita mempunyai keupayaan untuk menambahkan lagi masa moratorium itu?

Tadi Yang Berhormat tidak menjawab satu lagi iaitu adakah pengumuman baharu akan dibuat selain daripada 80 inisiatif yang ada ini? Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Penangguhan pembayaran balik ini, moratorium ini adalah untuk enam bulan sehinggalah bulan September 2020. Jumlahnya yang diperuntukkan ialah lebih kurang RM100 bilion. Moratorium ini, seperti saya sebut, berakhir pada akhir bulan September. Dengan pembukaan ekonomi pada 4 Mei, rakyat dan peniaga, perniagaan juga mula menjana pendapatan dan ada yang sudah boleh membayar semula pinjaman.

Jadi langkah seterusnya, setelah berbincang— masih lagi berbincang dengan bank-bank tempatan— ialah untuk membuat pertolongan secara lebih bersasar ya. Satu contoh ialah memanjangkan tempoh bayaran sekali gus mengurangkan ansuran bulanan. Satu lagi contoh ialah mengubah terma dan syarat serta mengurangkan kadar faedah. Juga memberi pelepasan lain sehingga peminjam stabil.

Akan tetapi buat masa ini, kita mengharapkan peminjam semua, dengan izin, *meet the banks*, jumpa dengan bank dan mendapatkan bantuan daripada AKPK dan juga SPPK iaitu Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil.

Mengenai soalan kedua tadi, sama ada kerajaan akan mengemukakan pakej tambahan. Ini bergantung kepada proses pemulihan ekonomi negara. Buat masa ini, kita belum lagi ada rancangan untuk membuat tambahan kepada pakej PRIHATIN dan PENJANA. Fokus kita sekarang ialah untuk melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan memperkukuhkan ekonomi kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu untuk mengemukakan soalan tambahan yang kedua dalam masa 30 saat.

**Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sering kali jawapan di Parlimen akan berkisar kepada angka dan data. Kadang-kadang dalam keghairahan itu, kita sebenarnya *exaggerate*, dengan izin. Saya bagi contoh. Saya membaca dengan teliti pengumuman Perdana Menteri semalam.

Faedah yang dinikmati oleh 1.4 juta *e-hailing* yang berdaftar dengan APAD sebenarnya 120,000 sahaja. Akan tetapi Perdana Menteri terus mengumumkan faedah itu dinikmati oleh 1.4 juta dengan komitmen RM34 juta. Kalau 1.4 juta terima RM500, sebenarnya RM700 juta. Saya bagi contoh.

Seramai 447,000 pemandu teksi, pemandu bas, pemandu pelancong menerima RM600. Perdana Menteri umumkan semalam kerajaan terpaksa belanja RM28 juta. Sebenarnya kalau 477,000 menerima RM600, jumlahnya RM286.2 juta.

Jadi, Yang Berhormat Menteri, dalam keghairahan ini, Dewan ini berhak untuk mengetahui data yang tepat sebab itu memberi gambaran sebenar. Apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju untuk angka ini diteliti? Sebab ini datang daripada Perdana Menteri dalam pengumuman semalam.

Moratorium itu penting. Saya mengikuti kenyataan Yang Berhormat Menteri semacam *non-committal* dan *open-ended*. Saya hendak sebut aset sektor perbankan di Malaysia setakat Oktober 2018, jumlahnya RM2.63 trilion. Kalau setakat dia *let go* RM59 bilion, tidak jadi kudis. Daripada RM2.63 trilion ini, lebih separuh adalah hutang isi rumah. Rakyat berhutang untuk kenderaan, pinjaman peribadi dan perumahan.

Jadi, saya mohon sangat-sangat, Yang Berhormat Menteri, soal moratorium ini adalah soal perut dan kocek rakyat. Saya minta reaksi Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai nombor-nombor yang dipetik tadi daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada nombor yang kurang tepat ya. Jadi, pihak... [*Dewan riuh*] Jadi, saya percaya pembetulan akan diumumkan oleh Pejabat Perdana Menteri. Mungkin saya boleh beri nombor yang betul dalam Dewan ini.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Inisiatif tunai bagi pemandu teksi, pemandu pelancong dan pemandu bas ini semuanya RM110 juta. Bagi tunai secara *one-off* RM500 pemandu sepenuh masa *e-hailing* dan bagi teksi RM600. Juga bagi pemandu pelancong dan pemandu bas. Jumlah pembayaran, seperti mana Yang Berhormat cakap tadi, RM22.7 juta, penerimanya 37,100 penerima. Untuk *e-hailing* RM34 juta – 68,300 penerima. Ada lagi yang menunggu bayaran. Menunggu bayaran, 4,800 pemandu teksi kerana mereka baru hendak membaharui kad pemandu. Ini lebih kurang 4,800 tadi. Pemandu bas pelancong 3.1 ribu pemandu, RM1.9 juta. *Insyallah*, dia akan bayar pada 22 Julai ini. Dan 30,000 pemandu bas sekolah yang kita pelan untuk bayar 14 Ogos ini.

Mengenai moratorium, kita masih lagi berbincang. Belum lagi ada keputusan muktamad. Akan tetapi saya akan *take note* lah cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]:** [*Bangun*]

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta satu?

**Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, maaf. Kita sudah terlampau melebihi masa. Saya menjemput sekarang Yang Berhormat Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus untuk menanyakan soalan beliau.

**2. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]** minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan adakah kerajaan dapat menjamin tarif air di Lembah Klang tidak naik selepas kerajaan menyerahkan Loji Rawatan Air Langat 2 kepada Pengurusan Air Selangor untuk mengelakkan bebanan pengguna. Ini kerana Kerajaan PH memberi jaminan kadar faedah yang diberikan kepada syarikat pengurusan air adalah pada kadar nominal dan tidak membebankan.

**Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada yang bertanya.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Projek Loji Rawatan Air Langat 2 bertujuan bagi memastikan kelangsungan bekalan air terawat bagi Lembah Klang sehingga tahun 2025 di mana akan menaikkan rizab margin air terawat daripada 3.8 peratus kepada 10 peratus.

Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) melabur lebih daripada RM4 bilion secara pinjaman untuk Projek Loji Langat 2 yang mampu membekalkan air terawat sebanyak 1,130 juta liter sehari apabila ia siap sepenuhnya pada tahun 2023. Ini tidak termasuk peruntukan berjumlah RM3.9 bilion bagi membawa air mentah daripada Empangan Kelau di Pahang untuk dirawat di Loji Langat 2.

Projek Langat 2 kelak akan diserahkan kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) berdasarkan Perjanjian Penstrukturan Semula Industri Bekalan Air Selangor yang ditandatangani pada tahun 2014. Air Selangor dijangka membayar balik sewa pajakan berjumlah RM232 juta setahun kepada PAAB selama 45 tahun.

#### ■1020

Kadar sewa pajakan ini adalah lebih rendah kalau kita bandingkan dengan kadar komersial yang lain kerana pinjaman PAAP adalah pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana pelaksanaan projek-projek lain, peruntukkan ke atas projek ini akan diterjemahkan dalam bentuk tarif yang bersesuaian dan bagi memastikan Air Selangor mampu membayar sewa pajakan kepada PAAP. Ini merangkumi kos keseluruhan pembangunan projek dan kos operasi air dan kos operasi loji yang meliputi kos rawatan, agihan, perkhidmatan pelanggan dan pentadbiran.

Dalam perkara ini penting bagi memastikan kemampuan kewangan Air Selangor dapat beroperasi dan rakyat dapat bekalan air bersih yang mencukupi menjelang tahun 2023. Saya ingin beri jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebarang semakan tarif air di seluruh negara termasuk Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan sebagainya akan diambil kira soal pelbagai pihak yang terlibat dalam pengurusan air dan pihak Suruhanjaya

Perkhidmatan Air Negara sebagai badan kawal selia industri air negara akan melakukan perundingan perbincangan.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin tegaskan bahawa dalam situasi rakyat berdepan dengan bebanan ekonomi yang teruk, pandemik COVID-19 yang masih belum selesai, tekanan bebanan hidup, saya ingin beri jaminan di dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak akan menaikkan tarif air dalam situasi rakyat masih terbeban ini. *[Tepuk]* Kerajaan akan menanggung kos dalam situasi susah sebagai kerajaan prihatin dengan tawaran pelbagai yang telah diberi, kita jamin bahawa rakyat tidak perlu risau dalam situasi yang kritikal begini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mempersilakan Yang Berhormat Hulu Langat untuk soalan tambahan pertama.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga sebenarnya telah menghubungi Kerajaan Selangor sebelum menyiapkan soalan ini dan mereka juga memberi jaminan kepada rakyat bahawa mereka juga tidak akan menaikkan harga air tersebut. *[Tepuk]*

Saya ingin merujuk kepada berkaitan dengan kejayaan Langat 2 ini. Saya ingin merujuk kepada kenyataan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang mengatakan bahawa penggunaan air individu di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 222 liter sehari. Ini lebih tinggi 30 peratus daripada kadar yang disyorkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebanyak 164 liter air.

Jadi bila kita dah nampak keadaan seperti ini, sejauh mana kerajaan akan memanfaatkan sungai-sungai lain, sumber-sumber air bersih daripada negeri lain seperti Terengganu, Pahang, Perak, Kedah untuk disalurkan ke negeri-negeri yang memang kekurangan air seperti Melaka dan juga di Pulau Pinang dengan menggunakan Sungai Muda. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Terima kasih kepada yang bertanya. Saya ingin menjelaskan bahawa kadar penggunaan air di Selangor dan di negeri-negeri lain sebagaimana yang telah dimaklumkan sebenarnya lebih tinggi daripada apa yang sepatutnya. Penggunaan normal bagi air dalam konteks negara, *target* kita tahun 2030 ialah 160 liter sehari bagi seorang pengguna tetapi di Selangor 220 liter sehari. Bererti kita perlu galakkan kempen kesedaran supaya penjimatan air berlaku dan supaya kos – walaupun harga air ini sangat rendah tetapi rakyat tidak perlu bermewah-mewah dengan air yang ada.

Bagi soalan kedua, untuk makluman, kita di peringkat kementerian sedang melakukan satu kajian teliti bagi mewujudkan suatu *highway* air. *Highway* air ni bagi menampung keseluruhan bekalan air bagi negeri-negeri yang banyak sumber air macam Pahang, Terengganu. Empangan Kenyir sahaja boleh menampung empat buah negeri, Tuan Yang di-Pertua.

Di waktu yang sama kita dapati ada beberapa buah negeri yang memang berdepan dengan masalah air yang agak kritikal terutama musim-musim kemarau. Jadi, kajian sedang dibuat supaya satu mekanisme dapat kita cari, supaya negeri-negeri yang banyak air dapat

berkongsi sumber dengan negeri yang kurang air. Untuk itu, dalam jangka pendek kita sedang merangka beberapa program supaya *dam* ataupun loji air berhampiran di antara dua negeri dapat kita wujudkan.

Untuk makluman sekarang dalam proses kita sedang membuat rundingan di antara Kerajaan Melaka dan Negeri Sembilan. Di mana air di Negeri Sembilan ini ada lebih dan Melaka ada kekurangan tetapi loji bersama akan diwujudkan berhampiran supaya kita berkongsi sumber dan berkongsi kesenangan dan kesusahan waktu mana negeri-negeri lain, jiran kita tidak ada bekalan air. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya persilakan Yang Berhormat Kuala Krai untuk soalan tambahan kedua.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya apakah motif? Maaf, apakah tarif air ketika ini membebankan rakyat berbanding dengan kos sara hidup yang lain di Malaysia dan apakah ada ataupun terdapat perbandingan tarif-tarif air mengikut negeri di seluruh negara? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kita harus mengakui bahawa tarif air di negara kita ini rendah. Berbanding keperluan-keperluan hidup yang lain. Sebagai satu perbandingan saya ingin menyebut di sini, tarif air yang dibayar oleh pengguna pada perbelanjaan sebulan ialah hanya lima peratus sahaja berbanding elektrik 34 peratus, komunikasi 17 peratus, saluran televisyen berbayar 13 peratus, Internet 28 peratus tetapi untuk air hanya lima peratus sahaja. Jadi oleh kerana itu, bila kita tengok perbandingan beberapa negeri lain, tarif air ini tidak sama di antara satu negeri dengan negeri lain. Walau bagaimanapun, yang penting kepada kita ialah pihak kerajaan berusaha semaksimum mungkin untuk selesaikan bekalan air bagi rakyat.

Akan tetapi, di waktu yang sama rakyat juga perlu sedar bahawa dia perlu penjimatan penggunaan air dan kalau kita bandingkan penggunaan tadi jelas bahawa yang kita belanja untuk air ini sangat minimum. Hanya lima peratus sahaja berbanding Internet 28 peratus. Jadi saya harapkan mudah-mudahan kita bergerak ke arah bagaimana kesedaran perlu dibina bagi seluruh rakyat dan kerjasama yang baik daripada semua pihak diperlukan pada peringkat ini. Terima kasih.

**3. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan matlamat penganjuran Kempen Jualan Malaysia (KJM) dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2020. Bagaimana konsep KBBM dan KJM yang akan digerakkan oleh kementerian kali ini terutama dalam membantu memulihkan aktiviti ekonomi dalam negeri yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

**Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah melaksanakan strategi untuk memulihkan aktiviti-aktiviti perdagangan



dalam negeri yang terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerusi penganjuran program Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Kempen Jualan Malaysia 2020 (KJM 2020). Matlamat penganjuran kempen adalah seperti berikut:

- (i) merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan pembelian barangan tempatan sekali gus membantu industri merencanakan aktiviti sektor peruncitan yang terjejas sepanjang tempoh PKP;
- (ii) untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kualiti produk serta perkhidmatan buatan Malaysia yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa;
- (iii) meningkatkan semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia terhadap barangan dan perkhidmatan buatan Malaysia dan membantu pengusaha tempatan dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka; dan
- (iv) mengembalikan keyakinan pembeli dan pengguna untuk keluar berbelanja dan meningkatkan perbelanjaan isi rumah yang terkesan akibat pelaksanaan PKP.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 yang lalu, semasa pembentangan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah menekankan tentang inisiatif kerajaan untuk memperkasa dan memperluaskan pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia dengan suntikan peruntukkan khas berjumlah RM20 juta dalam usaha merangsang dan merencanakan semula pertumbuhan ekonomi domestik dengan menggalakkan seterusnya meningkatkan pembelian barangan dan perkhidmatan buatan tempatan.

Bagi melengkapi pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia, KPDNHEP juga menganjurkan Karnival Jualan Malaysia 2020 secara serentak sebagai salah satu inisiatif yang menyeluruh untuk memulihkan ataupun *recovery* dan merancang ataupun *revitalize* sektor peruncitan dalam negara.

#### ■1030

Ia merupakan program jualan peringkat kebangsaan yang diadakan sepanjang tahun, bermula bulan Julai hingga 2 Disember 2020 ini. Kempen ini memfokuskan jualan mengikut tema dan segmen produk yang berbeza pada setiap bulan serta dijual pada harga diskaun. Konsep ini secara tidak langsung akan memberi peluang kepada pengguna membuat perancangan pembelian dan seterusnya mampu meningkatkan jualan segmen peruncitan yang terjejas sepanjang PKP.

KBBM dan KJM 2020 yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 Julai iaitu Sabtu lalu, dilaksanakan secara serentak dan inklusif menerusi konsep norma baharu iaitu jualan di premis dan platform e-dagang tanpa penganjuran ekspo dan karnival. Antara inisiatif-inisiatif strategik yang telah dirangka untuk menjayakan kempen ini adalah penebusan produk-produk tempatan ke dalam sektor peruncitan, jualan dan pemasaran secara

e-dagang serta pelaksanaan program kempen dan promosi yang agresif dan komprehensif. Inisiatif KBBM dan KJM 2020 ini dilihat mampu meningkatkan permintaan domestik, khususnya untuk memulihkan ekonomi negara yang telah terkesan akibat daripada penularan wabak atau pandemik COVID-19 ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya persilakan Yang Berhormat Tuan Lukanisman bin Awang Sauni untuk soalan tambahan pertama.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah atas pelancaran Karnival Jualan Malaysia 2020 yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin memberi soalan tambahan. Minta Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan sasaran penebusan dan peningkatan jualan produk tempatan. Apakah strategi yang akan diambil bagi mencapai sasaran tersebut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat. Melalui inisiatif penebusan produk-produk tempatan dalam sektor peruncitan melalui pasar raya besar, *hypermarket* luar negara dan tempatan iaitu Tesco, AEON, Aeon Big, Giant, Mydin, LuLu, Econsave dan sebagainya. The Store, stesen minyak Petronas dan *market place* utama di negara ini iaitu Shopee, Lazada, Play store Mall dan kerajaan telah berjaya mencatatkan impak positif peningkatan hasil jualan produk-produk tempatan yang *significant* iaitu 23.34 peratus, sebanyak RM513 juta pada tahun 2019, berbanding RM416 juta pada tahun 2018.

Jadi untuk itu, pada tahun ini kementerian menyasarkan untuk mencapai peningkatan 30 peratus daripada tahun 2019, jualan produk-produk buatan tempatan melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik yang digariskan dalam kempen ini. Ini berbanding tadi 23.34 peratus pada tahun yang lalu. Jadi, ini dalam masa yang sama juga sebab tahun 2019, kempen ini dijalankan pada masa dari bulan Julai hingga bulan Disember.

Jadi, kita *compare apple to apple* lah walaupun COVID-19, PKP dalam masa separuh tahun yang lepas. Ia nya boleh dicapai menerusi pertambahan bilangan pasar raya besar, *supermarket*, *superstore*, kedai serbaneka, kedai rangkaian, stesen minyak dan *online market place* yang menjadi rakan strategik KPDNHEP untuk menyokong kempen ini di samping sesi libat urus ataupun *engagement* dan tempoh kempen yang lebih panjang serta pelan promosi yang lebih inklusif.

Selain itu, strategi pelan media bagi tahun 2020 akan terus dilaksanakan dengan pendekatan lebih *substantive* dan lebih komprehensif. Ia juga yang memberi penekanan kepada pencapaian demografi kaum yang lebih luas dan kandungan promosi atau hebahan yang lebih merangsang semangat kesedaran serta semangat patriotisme di kalangan masyarakat agar lebih mengutamakan produk-produk buatan tempatan yang tidak kurang dari segi mutu atau kualitinya juga. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jikalau kita lihat kepada SME ataupun PKSPM ataupun Perindustrian Mikro & Kecil Sederhana (PMKS), ia nya menawarkan peluang pekerjaan di antara enam hingga sembilan juta pada rakyat kita. Kita tahu bahawa SME ini banyak yang terlibat sama ada pada perusahaan pembuatan ataupun pada perkhidmatan.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, adakah di sana usaha bersepadu di antara KDNHEP dengan GLC-GLC kita untuk menggalakkan mereka menggunakan produk-produk tempatan dan perkhidmatan-perkhidmatan daripada syarikat-syarikat tempatan sama ada dalam industri digital dan lain-lain lagi agar dapat membantu, pertama sekali PMKS tadi dan juga untuk menyelamatkan pekerja-pekerja daripada dibuang? Oleh sebab kita tahu bahawa kesan daripada COVID-19 ini, ramai di antara pekerja-pekerja di dalam PMKS yang terjejas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, memang semua ini sudah dibincangkan dan akan jadi pelaksanaan. Sebenarnya, di Kabinet dan juga di kluster yang KPDNHEP ini bersama dengan yang diketuai oleh MITI dan kementerian yang lain telah menekankan kepada apa yang telah disarankan oleh ataupun ditanya oleh Yang Berhormat tadi.

Oleh sebab bukan sahaja kita hendak produk dibeli akan tetapi servis perkhidmatan sebab perkhidmatan dalam negara kita memang setanding dengan kualiti yang kita dapat daripada memang profesional dari luar negara. Jadi, ini akan mungkin jadi tumpuan juga supaya kita dapat betul-betul *revitalize economy* kita secara menggunakan apa yang kita ada sebagai buatan atau perkhidmatan yang berasal dari Malaysia ini.

Jadi, ini saya ingat memang ia akan jadi satu dasar kerajaan untuk sebagai kaedah membantu dalam ekonomi *recovery* kita. Jadi, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

**[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) sejauh manakah Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) pameran teknologi generasi kelima, atau 5G Malaysia telah dilaksanakan dan berapa jumlah kawasan yang masih lagi di bawah penggunaan internet 2G (*2nd Generation wireless telephone technology*) dan 3G (*3rd Generation*) di Sabah terutamanya di Parlimen Kimanis; dan
- (b) apakah pelan strategik kerajaan bagi membangunkan e-Ekonomi digital di kawasan pedalaman Sabah dan tindakan yang telah diambil sehingga kini bagi menyelesaikan masalah liputan telekomunikasi di Sabah.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Saifuddin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan sentiasa berusaha dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara dan ini termasuklah di Sabah. Status peningkatan liputan perkhidmatan di kawasan berpenduduk di Sabah adalah seperti berikut.

Saya sebutkan untuk tahun 2017, 2019 dan suku pertama 2020. Liputan 2G pada tahun 2017 ialah 87.1 *percent*, liputan 3G 81.6 *percent*, liputan 4G 54.3 *percent*. Pada tahun 2019, liputan 2G ialah 88.3 *percent*, liputan 3G 85.1 *percent*, liputan 4G 60.2 *percent*. Bagi suku pertama tahun 2020 untuk liputan 2G 88.3 *percent*, liputan 3G 84.07 *percent*, liputan 4G 71.7.

**■1040**

Peratusan liputan 2G dan 3G yang sedikit menurun adalah disebabkan oleh penyusunan semula rangkaian bagi penyediaan perkhidmatan 4G yang saya katakan tadi meningkat daripada sejumlah 54.3 *percent* pada tahun 2017 kepada sebanyak 71.7 *percent* pada suku pertama tahun 2020. Peningkatan ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan termasuklah di Parlimen Kimanis. Sehingga kini, sebanyak 472 buah menara komunikasi telah siap dibina manakala sejumlah 71 buah menara masih dalam peringkat pelaksanaan di Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak empat buah menara komunikasi telah dibangunkan di Parlimen Kimanis dan dijangka siap menjelang suku tahun pertama tahun 2021. Ini termasuklah penaiktarafan sebanyak 1,163 stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada di Sabah dan sejumlah 34 daripadanya adalah di Parlimen Kimanis.

Manakala bagi perkhidmatan jalur lebar talian tetap, pihak kerajaan sedang melaksanakan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan Projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan di luar bandar di seluruh negara. Lebih 48,000 sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 41 ibu sawat di Sabah, manakala sejumlah 924 sambungan masih dalam peringkat

pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 320 sambungan tersedia di Parlimen Kimanis.

Di samping itu, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap, inisiatif penaiktarafan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik akan dilaksanakan di mana sebanyak 43,879 orang pelanggan di Sabah akan dinaiktarafkan dalam tempoh dua tahun ini termasuk seramai 595 orang pelanggan di Parlimen Kimanis.

Soalan ini Tuan Yang di-Pertua ia panjang, ada bahagian kedua. Izinkan saya sambung. Bagi ujian teknologi 5G, setakat ini memang belum ada tawaran dan permintaan di Sabah. Kalau ada nanti kita akan bekerjasama. Pada waktu yang sama, KKMM melalui agensi seperti Malaysia Digital Ekonomi Corporation (MDEC) juga menawarkan program *inclusivity digital* bagi memberi manfaat kepada semua golongan termasuk di bandar dan luar bandar. Ada dua program, sebagai contoh:

- (i) program Perkhidmatan e-Dagang Setempat (PeDAS); dan
- (ii) eRezeki.

PeDAS merupakan sebuah inisiatif MDEC yang dijalankan khas untuk menyelesaikan masalah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan usahawan mikro di luar bandar yang mempunyai kekurangan akses kepada pengetahuan dan panduan untuk memperkembangkan perniagaan di dalam platform eDagang. Manakala eRezeki adalah program untuk orang awam khususnya golongan B40 bagi menambah pendapatan tambahan melalui kaedah *crowdsourcing*. Sehingga kini MDEC, KKMM dan SKMM telah melatih pengurus di tiga pusat internet desa dan 27 pusat internet yang lain yang berperanan sebagai wakil eRezeki di Sabah. Terima kasih.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang panjang lebar tadi. Saya mendengar ada lebih kurang sejumlah 34 menara telekomunikasi telah pun dibina di Kimanis dan ada beberapa lagi akan ditambah. Jadi, saya merasakan bahawa ini sangat diperlukan untuk ditambah kualiti dan juga liputannya.

Soal 5G ini Yang Berhormat Menteri, menurut Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia yang mana di peringkat domestik pelaksanaan teknologi 5G ini dijangka menyumbang sehingga lebih RM12.7 bilion kepada ekonomi negara antara tahun 2021 dan tahun 2025. Ia dijangka menjana sejumlah 39 pekerjaan baharu.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, apakah strategi kementerian dalam memastikan sasaran untuk mencapai garis dasar iaitu 98 peratus liputan jalur lebar di kawasan berpenghuni menjelang tahun 2023 dengan kelajuan jalur lebar minimum pada kadar 30 *megabyte per second* supaya 5G ini dapat dilaksanakan secara efektif di seluruh negara, terutamanya di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Mereka perlukan ini untuk menjalankan aktiviti harian mereka dan juga perniagaan mereka mungkin. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara di sini. Pertama ialah kos untuk kesalinghubungan ini. Kos untuk kesalinghubungan untuk capai sejumlah 95, 96 peratus daripada kawasan yang berpenduduk, itu lebih murah daripada kos untuk menyambung dengan izin, *the last mile* untuk dua hingga empat peratus kawasan berpenduduk kerana

kedudukan geografinya. Dengan kata lain, untuk mencapai sejumlah 98 peratus, misalnya daripada katalah dari 94 peratus, kos yang empat peratus di hujung itu, itu lima ke enam kali ganda lebih tinggi daripada kos per kapita bagi yang 94 peratus. Ini kerana kedudukan geografi.

Oleh yang demikian, isu sebenarnya bukan isu 5G, isunya ialah mengoptimumkan pelaksanaan 3G dan 4G. Contoh yang terdekat dan terbaharu ialah di Chini, kebetulan pada pilihan raya kecil di Chini, kita buat siasatan tentang capaian internet di sana. Kita dapati bahawa ada tempat yang ada *connectivity*, ada yang tidak. Akan tetapi, apabila kita bincang dengan syarikat-syarikat telekomunikasi, sebenarnya boleh di-*roll out* dan sampai ke hampir seluruh kawasan luar bandar seperti di Chini dengan menggunakan 3G dan 4G.

Saya tidak mengatakan kita tak nak buat 5G, yang saya maksudkan ialah kita *roll out* betul-betul, kita nilai semula kedudukan 3G dan 5G. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, ada istilah '*squatting*' di mana ada sesetengah *telco* yang ada *broadband*, ada spektrum yang diberikan kepada mereka tetapi mereka tidak dengan izin, *fully lighted* yang menyebabkan kesalinghubungan itu tidak berlaku. Jadi benar, kita akan tetap mengadakan *roll out* 5G tetapi kita harus buat masa ini kita mesti mengoptimumkan 3G dan 5G. Akan tetapi, seandainya ada tawaran dari Kerajaan Sabah untuk mengadakan apa yang dipanggil pameran teknologi, percubaan seperti yang dilakukan di beberapa tempat di Semenanjung, kami bersedia untuk bekerjasama. Terima kasih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Kangar Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar dulu, sebelah sini dulu.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini hal Sabah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kena bagi pembangkanglah lepas kerajaan tanya.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yalah ini hal Sabah, takkan Yang Berhormat Kangar nak campur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tapi sebelah sini dulu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tak, liputan 5G ini tak kira Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hal Sabah pun nak campur kah?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Liputan 5G ini tak kira Sabah. Okey, saya setuju dengan jawapan Menteri bahawa kita patut mengoptimumkan 3G dan 4G dulu. Kalau kita tengok dalam Keluk Resapan Inovasi (*Innovation Diffusion Curve*). Kita tahu bahawa sebenarnya daripada tahun 2018 ini ramai orang bercakap tentang 5G sedangkan teknologi 3G dan 4G pun kita masih lagi belum cukup sempurna.

Jadi, soalan saya mengenai teknologi 5G ini, apakah jaminan yang boleh diberikan oleh kementerian bahawa teknologi ini seharusnya bermula di semua sekolah terlebih dahulu kerana merekalah yang akan menjadi kumpulan yang pertama dan yang paling terdedah untuk

menggunakan 5G. Kalau kita tidak dapat ke semua kawasan, sekurang-kurangnya di sekolah ataupun institusi pendidikan di peringkat lebih tinggi.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua perkara di sini— Pertama ialah kita tidak boleh kata kita kena bermula di sekolah dulu. Saya faham maksud Yang Berhormat sebab penggunaan di sekolah itu, terutama dengan pengalaman kita dengan pandemik COVID-19 ini menunjukkan memang itu suatu kawasan yang perlu diperbaiki.

#### ■1050

Namun sebenarnya di sekolah sudah ada sistem BestariNet. Apa yang perlu dilakukan sekarang ialah mengoptimumkan yang itu dulu dan ini cerita *detail*-nya boleh kita bincangkan kemudian. Akan tetapi kalau di sekolah, persoalannya kita harus selesaikan apa yang sedia ada.

Perkara yang kedua ialah apabila kita bercakap soal sekolah, Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan pun ada dalam Dewan yang mulia ini. Isunya bukan sahaja akses, isunya juga peranti. Jadi ini juga satu perkara yang sedang kami fikirkan bagaimana untuk kita mengatasi dan menangani masalah kemampuan pelajar-pelajar terutamanya golongan yang berpendapatan rendah untuk menggunakan secara optimum ICT sebagai kaedah pembelajaran. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta Tuan Yang di-Pertua, minta satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa 30 saat Yang Berhormat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita sedar bahawa capaian jalur lebar ini khususnya di Sabah memang menjadi masalah. Saya kadang-kadang malu berbicara soal 5G sedangkan 4G, 3G pun kita tidak boleh optimumkan. Kita dalam perjalanan, bercakap 4G, tiba-tiba *down* 2G.

Jadi kita menuju negara maju. Apakah kementerian berhasrat untuk menyimpan data-data setiap negeri? Berapa sudah capaian yang boleh dioptimumkan dan berapa tidak? Oleh sebab ini penting untuk rakyat. Baru-baru ini di Kota Marudu sampai seorang pelajar memanjat pokok kayu, mencari 4G tapi dia jumpa 2G juga. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi capaian liputan 4G, purata nasional ialah lebih kurang 88.9 peratus kalau saya tidak silap ingatan. Berbanding dengan Sabah 71.7 peratus, ini memang ada *gap* dengan izin, dan ini perlu kita perbaiki.

Dua perkara juga Yang Berhormat, yang pertama ialah memang kita faham masalah yang berlaku itu, yalah cerita yang tular itu saya tidak hendak debatlah kes itu. Apa yang kita hendak lakukan seperti saya katakan tadi ialah kita hendak *optimize* 3G dan 4G. Kedua ialah di Sabah ada 115 pusat Internet yang di bawah kelolaan SKMM dan yang ini kita sedang cuba untuk *upgrade* sebab pusat Internet ini ada dwifungsi. Satu fungsinya ialah dengan menyediakan kandungan seperti PeDAS, eRezeki, seperti e-dagang dan sebagainya. Akan tetapi ia juga boleh menjadi satu daripada wahana sementara untuk soal *connectivity* ini sebab banyak pusat Internet

Tuan Yang di-Pertua, ramai orang yang datang menggunakannya sebagai wahana untuk mereka mendapatkan *connectivity* dalam pada tempat-tempat yang lain di rumah dan sebagainya.

Bahkan ada pelajar-pelajar sekolah yang suka datang ke pusat-pusat Internet untuk buat kerja mereka kerana di sekolah mereka ataupun di rumah mereka, mereka tidak mempunyai *connectivity* yang baik. Terima kasih.

**2. Dato' Ir. Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]** minta Menteri Kewangan menyatakan strategi pihak kerajaan untuk mengembalikan defisit fiskal ke paras tiga peratus dalam masa dua ke tiga tahun setelah mencapai 6.9 peratus selepas memperkenalkan beberapa pakej rangsangan semasa pandemik COVID-19.

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Tuan Yang di-Pertua, susulan penularan pandemik COVID-19, kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi bernilai RM295 bilion untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya tahan.

Pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi ini hanya melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion. Setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan KDNK yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat sehingga sekitar 5.8 peratus hingga 6 peratus berbanding 3.2 peratus daripada KDNK yang diunjurkan sebelum ini.

Berdasarkan laporan oleh agensi penarafan antarabangsa Moody's, negara serantau juga dijangka mencatat defisit fiskal yang tinggi seperti Singapura sekitar 15 peratus, Jepun lapan peratus, China 6.7 peratus dan Korea Selatan, empat peratus. Semua langkah yang telah diumumkan dalam pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi tersebut adalah bersifat *one-off* dan tidak akan terus membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Ini adalah antara strategi kerajaan bagi mengurangkan defisit fiskal dalam jangka masa sederhana secara berperingkat, seterusnya memastikan kedudukan fiskal dan hutang negara kekal pada paras terkawal. Kerajaan akan meneruskan langkah konsolidasi fiskal dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kutipan hasil dan kecekapan perbelanjaan bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan kerajaan.

Kerajaan pernah menurunkan kadar defisit sebelum ini daripada 6.7 peratus pada tahun 2009 selepas krisis ekonomi dunia atau dengan izin *the global financial crisis* dan mengurangkannya kepada 3.8 peratus pada tahun 2013 dan 3.4 peratus pada hujung tahun 2019. Ini adalah hasil disiplin fiskal kerajaan dan juga institusi-institusi kewangan negara.

Pada masa ini kerajaan mengguna pakai kerangka fiskal jangka sederhana atau dengan izin *medium term fiscal framework* sebagai panduan dalam menggubal strategi ke arah konsolidasi fiskal untuk jangka sederhana, di samping selari dengan rancangan Malaysia jangka panjang. Selain itu, kerajaan juga dalam proses merangka Akta Kebertanggungjawaban Fiskal



(FRA) untuk memastikan pengurangan fiskal dan hutang yang lebih baik dan telus. Oleh itu *insya-Allah*, kerajaan yakin defisit fiskal akan dapat diturunkan secara berperingkat dalam jangka masa sederhana. Terima kasih.

**Dato' Ir Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang disebut tadi, antara langkah konsolidasi fiskal yang ingin dilakukan ialah untuk meningkatkan prestasi kutipan hasil serta memastikan kecekapan perbelanjaan. Mohon dinyatakan langkah-langkah yang spesifik ke arah pencapaian tersebut dan apakah ada sumber hasil baharu yang menyebabkan kita dapat memungut hasil yang lebih.

Serta Tuan Yang di-Pertua dalam Kabinet PN baru-baru ini pun kita lihat terdapat pertambahan bilangan Menteri, Timbalan Menteri dan kementerian yang sudah pasti akan menyebabkan belanja mengurus kita meningkat.

Soalan saya ialah berapa peruntukan tambahan belanja mengurus dan peruntukan pembangunan bagi setiap kementerian-kementerian baharu dan juga yang telah dibesarkan ini berbanding dengan yang telah diluluskan sebelum ini pada tahun 2020. Apakah ia juga akan menyebabkan fiskal ataupun defisit kita itu meningkat hasil daripada pertambahan yang banyak ini? Terima kasih dan saya harap data yang diberi adalah data yang tepat dan tidak *exaggerate*. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Itu ada dua soalan mungkin saya boleh jawab soalan yang kedua dulu.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada penyusunan semula fungsi kementerian yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, terdapat tiga kementerian baharu yang diwujudkan. Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Alam Sekitar dan Air dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi. Tiga kementerian pula di struktur semula Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala satu kementerian telah dimansuhkan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Walaupun terdapat kementerian baharu yang diwujudkan seperti yang dimaklumkan tadi serta bilangan Menteri dan Timbalan Menteri bertambah, namun tiada peruntukan tambahan yang terlibat memandangkan keperluan perbelanjaan bagi kementerian baharu telah diagihkan ataupun diperuntukkan semula. Bagi pertambahan jawatan Menteri dan juga jawatan Timbalan Menteri terutamanya di Jabatan Perdana Menteri, perbelanjaan yang terlibat akan menggunakan peruntukan semasa kementerian terlebih dahulu dan selebihnya, *insya-Allah* daripada penjimatan.

#### ■1100

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk menyusun semula peruntukan kementerian yang terlibat akan dibawa untuk kelulusan Parlimen melalui Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 yang saya akan bentangkan di sesi Parlimen yang sedang bersidang pada bulan Julai dan Ogos ini. Oleh yang demikian, tiada

peruntukan tambahan sebenarnya yang terlibat setakat ini yang melibatkan penyusunan semula kementerian.

Untuk soalan yang pertama tadi mengenai hasil, seperti yang saya sebut tadi susulan penularan wabak COVID-19 ini, Belanjawan 2020 yang sebelum ini diunjurkan hasilnya lebih kurang RM244.5 bilion pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, hasil minyak ialah lebih kurang 20 peratus daripada hasil keseluruhan Kerajaan Persekutuan.

Ini kita, dengan izin, *assumption*nya adalah USD62 setong. Sekarang sebagaimana Yang Berhormat Kubang Pasu pun tahu, harga minyak mentah dunia telah jatuh *on average* atau secara purata harga minyak daripada bulan Januari hingga Jun ialah lebih kurang USD41 setong. Bagi setiap penurunan harga minyak sebanyak USD1 setong, ia akan mempunyai impak kepada hasil Kerajaan Persekutuan sebanyak RM300 juta.

Oleh itu, defisit Kerajaan Persekutuan 2020 akan naik. Saya jawab sebelum ini pun unjurannya ialah lebih kurang 5.8 peratus hingga 6 peratus defisit fiskal. Jadi, kerajaan akan terus meneroka dan mengkaji semua pilihan, semua opsyen yang ada untuk meningkatkan hasil dan pendapatan negara. Ini termasuk melalui mempelbagaikan sumber hasil kerajaan.

Akan tetapi keutamaan dan fokus kerajaan adalah pada masa ini untuk melindungi rakyat kita dan perniagaan kita disokong agar ekonomi kita dapat diperkukuhkan dan juga dipulihkan. Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Padang Terap untuk soalan tambahan kedua.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pakej Rangsangan Ekonomi. Jadi, apabila pakej ini diperkenalkan, ada kekusaran di kalangan masyarakat apabila MOF telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi, terutamanya dari segi kewangan. Oleh sebab ramai juga yang bertanya soal kewangan sebab daripada kerajaan terdahulu yang disebut, digambarkan seolah-olah tidak ada satu jumlah peruntukan. Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kerajaan membiayai Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan dalam PRIHATIN dan juga PENJANA? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih untuk soalan itu, Yang Berhormat Padang Terap. Krisis ekonomi akibat pandemik COVID-19 menyebabkan kebanyakan kerajaan di seluruh dunia, termasuk Malaysia menyediakan suntikan fiskal tambahan.

Untuk maklumat Yang Berhormat Padang Terap, negara Malaysia adalah salah satu negara daripada 150 buah negara di dunia ini yang akan mengalami *recession* ataupun kemelesetan ekonomi. Jadi, fokus kita pada masa ini seperti yang saya sebut tadi ialah untuk Pakej PRIHATIN dan Pakej PENJANA ini untuk melindungi rakyat dan juga menyokong perniagaan. Kerajaan telah memperkenalkan Pakej Rangsangan PRIHATIN dan PENJANA ini yang berjumlah RM295 bilion untuk memastikan ekonomi negara kita terus berdaya tahan.

Namun, pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi ini melibatkan suntikan fiskal langsung hanya RM45 bilion. Ini akan dibiayai sepenuhnya menerusi pinjaman domestik. Sebahagian besar langkah yang diperkenalkan di bawah pakej rangsangan tersebut adalah bersifat *one-off* atau sementara yang tidak akan memberi kesan berpanjangan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana. Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Beruas, Beruas.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah soalan tambahan? Setengah minit sahaja, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa masa tidak mengizinkan, maaf Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Parit untuk soalan seterusnya.

**3. Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan:

- (a) apakah usaha pihak kementerian bagi membantu pengusaha inap desa yang terpaksa membayar kos penyelenggaraan tinggi dalam keadaan inap desa tidak dikunjungi pelanggan akibat pandemik COVID-19; dan
- (b) bagaimanakah kementerian akan memastikan industri inap desa mampu bertahan.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Dr. Jeffrey Kitingan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Parit. Inap desa atau nama rasminya Program Pengalaman Homestay Malaysia yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya mensyaratkan kepada para peserta program iaitu pihak tuan rumah untuk menawarkan perkhidmatan kepada pelancong dengan menggunakan sumber-sumber yang sedia ada di kawasan tersebut.

Sebagai contoh, menyediakan penginapan kepada pelancong di rumah serta program itu sendiri melibatkan pelancong dalam aktiviti harian masyarakat kampung seperti menoreh getah, memetik kelapa, menuai padi di sawah dan memetik buah-buahan di kebun atau dusun. Membawa pelancong ke tempat rekreasi di kawasan berhampiran atau sekitarnya seperti air terjun, *jungle trekking* dan sebagainya, dan menyediakan makanan dan minuman berasaskan bahan-bahan tempatan.

Memandangkan kesemua aktiviti yang ditawarkan oleh peserta program ini menggunakan aset-aset persendirian yang sedia ada seperti rumah dan kenderaan persendirian mereka sendiri serta sumber-sumber sedia ada di kawasan tersebut berdasarkan *community-based tourism*, maka peserta program ini tidak perlu menanggung apa-apa kos tambahan atau kos penyelenggaraan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan Program Pengalaman Homestay Malaysia ini mampu bertahan, kementerian melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

- (i) melaksanakan kempen semarakkan semula industri pelancongan, seni dan kebudayaan, terutama yang membabitkan pelancong domestik,
- (ii) bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan berlesen bagi penyediaan pakej pelancongan Program Pengalaman Homestay Malaysia bagi pasaran domestik; dan
- (iii) merancang untuk melaksanakan kursus dan latihan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengusaha *homestay* seperti kursus berkaitan keusahawanan, kraf tangan, hospitaliti dan bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 4,216 orang pengusaha di seluruh Malaysia dan di negeri Perak, 305 orang pengusaha dan di kawasan Parit, terdapat 14 orang pengusaha. Kesemua 14 orang pengusaha ini aktif beroperasi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Parit, untuk soalan tambahan pertama.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, khususnya kerajaan, adakah terdapat sebarang bentuk geran yang akan diberikan, khususnya kepada pengusaha inap desa supaya mereka dapat mengekalkan kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan?

Apakah usaha yang dilaksanakan kementerian bagi merancakkan kembali industri inap desa pasca COVID-19 ini? Sejauh mana kementerian telah melaksanakan promosi pelancongan inap desa kepada rakyat tempatan, memandangkan pelancong daripada luar negara masih lagi belum dapat untuk datang, khususnya ke negara kita? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian sentiasa menjalankan aktiviti untuk membantu para penggiat pelancongan kita. Pada masa ini, kementerian sentiasa prihatin terhadap pengusaha *homestay* dalam membantu menaik taraf kemudahan dan infrastruktur produk mereka berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan. Malah, kementerian juga memberi sokongan kepada mereka melalui latihan percuma, pendaftaran percuma juga dan khidmat nasihat dari semasa ke semasa.

#### ■1110

Tambahan kepada itu, kerajaan juga melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia telah menyediakan kemudahan pinjaman melalui Tabung Pelancongan. Buat masa ini, terdapat dua jenis tabung pelancongan yang ditawarkan kepada pelanggan. Tabung ini iaitu Tabung Infrastruktur Pelancongan di bawah seliaan Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Tabung Khas Pelancongan di bawah seliaan SME Bank. Bagi memastikan tabung pelancongan dimanfaatkan sepenuhnya kepada pelancong dan golongan sasaran dengan berkesan, MOTAC telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama penggiat industri pelancongan sepanjang 2018 dan 2019. Melalui sesi libat urus ini, penggiat-penggiat industri,

termasuklah pengusaha *homestay* telah diberikan pendedahan mengenai syarat dan prosedur permohonan kedua-dua tabung pinjaman tersebut. Sekian, terima kasih.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, minta kementerian jelaskan apakah usaha sama yang dilaksanakan di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dalam membantu pengusaha inap desa? Bagaimana kementerian memastikan kecekapan usaha sama diselenggarakan antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri serta agensi-agensi yang terlibat supaya pengusaha-pengusaha inap desa ini mendapat manfaat? Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan:** Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Walaupun kerajaan negeri adalah kerajaan pembangkang, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa bekerjasama dengan pihak kementerian di negeri Sabah. Saya sentiasa juga berhubung dengan Menteri di Sabah dan saya tidak melihat apa-apa masalah walaupun kita berlainan iaitu Kerajaan Sabah adalah kerajaan pembangkang. Dalam usaha ini, saya juga mengharapkan penggiat-penggiat industri pelancongan di Sabah mahupun di Sarawak dan seluruh di Malaysia ini dapat bekerjasama dengan kementerian dan agensi-agensi di bawah seliaan kementerian. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan isu inap desa ini, sejauh mana mereka ini mampu untuk bertahan dalam suasana keadaan angka positif COVID-19 ini makin menaik kembali? Mereka juga terpaksa bersaing dengan hotel-hotel yang berdekatan, memberikan tawaran dengan harga yang lebih murah. Apakah kerajaan setelah, selepas daripada membatalkan Kempen Melawat Malaysia 2020 dengan peruntukan RM90 juta, jadi macam mana urusan peruntukan duit tersebut, diguna untuk apa? Jadi, saya mohon penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan:** Inap desa ini mempunyai satu keunikan yang tidak terdapat di hotel-hotel dan penginapan-penginapan yang lain. Oleh sebab itu, saya percaya keunikan ini akan memberi kelebihan untuk mempromosikan inap desa ini dan memastikan potensi inap desa ini boleh diperkembangkan kerana ia mempunyai kelebihan dan keunikan sendiri. Inilah yang kita akan promosikan untuk memastikan industri ini berkembang maju. Sekian, terima kasih.

**4. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah status terkini rundingan antara Malaysia dan Singapura berkaitan pembangunan Projek Sistem Rapid Transit (RTS) antara Johor Bahru dan Singapura.

**Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Mengikut kesepakatan yang dicapai pada penghujung bulan April 2020 antara Malaysia dengan Singapura, kami telah bersetuju melanjutkan rundingan perjanjian-perjanjian berkaitan dengan Projek Rapid Transit System Link (RTS Link) di antara Johor Bahru dan Singapura sehingga 31 Julai 2020. Sukacita dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa perjanjian bilateral, perjanjian konsesi dan perjanjian usaha

sama (JV OpCo) serta perbincangan dua hala berkaitan dengan pembangunan Projek RTS Link baru sahaja dimuktamadkan oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, bahawa Majlis Pemeteraian ketiga-tiga perjanjian antara Malaysia dan Singapura telah dijadualkan pada 30 Julai 2020 bertempat di Tambak Johor dan ianya akan disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Singapura. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan RTS Link ini dijangka akan bermula sejeurus selepas kelulusan-kelulusan yang sewajarnya diperolehi iaitu pada Januari 2021 dan dijangka akan mula beroperasi pada penghujung tahun 2026. Pembinaan RTS Link ini akan berjalan dalam dua fasa iaitu dari awal tahun 2021 hingga hujung tahun 2024, fasa pembinaan atau fasa pembangunan pembinaan struktur sivil, manakala dari awal 2025 hingga hujung tahun 2026 merupakan fasa pembinaan sistem seperti *signal link*, *rolling stop*, telekomunikasi, pentauliahan dan juga pengujian sistem. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, jawapan yang tepat kepada soalan yang ditanyakan. Cuma pada yang masa sama, kita ambil maklum ketika projek ini mula dirancang, kos ketika itu ialah sekitar RM4.93 bilion. Akan tetapi saya berterima kasih sahabat daripada Seremban, ketika itu selaku Menteri Pengangkutan telah merundingkan sehingga kos tersebut turun kepada 36 peratus ataupun RM3.16 bilion, yang ini saya hendak minta Yang Berhormat Menteri sahkan. Cuma soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, selaku Ahli Parlimen Johor Bahru, salah satu perkara yang paling saya risaukan adalah soal *sustainability* ataupun kelangsungan projek ini apabila telah siap iaitu soal bagaimana bayaran-bayaran ketika pembangunan ini yang disebut sebagai *deferred payment* ataupun pembiayaan melalui jaminan ini dan saya percaya akan dibayar balik yang disebut dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri dalam akhbar baru-baru ini iaitu melalui yuran konsesi oleh syarikat usaha sama.

Jadi, siapa yang akan menampung kos yuran ini yang saya rasa akan dipulangkan kepada pengguna? Jadi, soalan yang sebenar yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kerajaan ataupun kita semua ini hendak menjamin supaya RTS ini kekal, dengan izin, *affordable* ataupun mampu untuk digunakan rakyat kita? Kita tahu perbezaan soal kedudukan ekonomi, saya rasa sebab itu kita kena rundingkan kos itu turun 30 peratus. Jadi, macam mana kalau boleh Yang Berhormat Menteri, bagi jaminan untuk kami di Johor Bahru ini tahu, bila siap 2026, projek itu sebenarnya dapat dinikmati oleh warga tempatan kerana ianya mampu diguna pakai oleh rakyat kita?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat, memuji kerajaan yang dahulu. Saya sudah kata, saya ini bersifat praktikal. Apa yang baik, sekiranya kita rasa sesuatu yang praktikal, kita teruskan. Akan tetapi dalam kes ini, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, kita juga prihatin tentang soal tambang.

■1120

Jadi, saya akan ceritakan satu persatu. Pertama tentang kos. Kita kena buat perbandingan. Kalau pada awal tahun 2018 sistem yang dicadangkan pada masa itu adalah

MRT, tetapi sistem yang telah ditukar ataupun setelah mengambil kira pelbagai faktor pertimbangan, ditukar menjadi LRT. Ya, dari segi spesifikasinya berlainan.

Kedua, kos tanah. Ini juga atas ihsan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah perkenan untuk membantu kita dalam soal ini. Maka, kos siling itu kita tidak guna sampai kos siling.

Jadi, atas dasar ini, banyak lagi perkara seperti mana diumumkan oleh mantan Menteri Yang Berhormat Seremban. Betul, masa itu RM3.16 bilion tetapi apabila kita pindah stesen di mana— depot itu kalau dahulu di Mandai, kita tidak perlu buat satu depot tetapi apabila dipindah ke Wadi Hana, Johor Baharu, di kawasan Yang Berhormat juga, maka kita terpaksa menyediakan satu depot. Perbelanjaan dari segi kos pengambilan balik tanah, pembinaan dengan *security features* yang mana ditetapkan oleh Malaysia dan Singapura, ianya mengangarkan satu lagi kos tambahan lebih kurang RM500 juta termasuk juga kos pengambilan balik tanah.

Ini bermaksud RM3.16 bilion— saya sudah jawab kepada Yang Berhormat Seremban pada minggu lalu. Itu belum lagi mengambil kira apabila kita memindahkan depot itu daripada Singapura datang ke Malaysia. Jadi, ada satu komponen kos sebanyak RM500 juta lebih yang mana kita letak untuk kita alihkan depot itu daripada Mandai yang sebelum itu tidak dibina tapi sekarang perlu dibina atas kos sebanyak RM500 juta seperti mana yang disediakan. Ini bermaksud, apabila dicampurkan dengan sebelum ini lebih kurang RM3.7 bilion adalah kos berdasarkan apa yang dibincangkan spesifikasinya dengan pihak Singapura. Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat ada tanya fasal *deferred payment*. Kerajaan telah berbincang dan tidak semestinya kita buat cara *deferred payment*. Jadi, tentang perkara ini, kita telah berbincang dengan Kementerian Kewangan. Kita mungkin akan gunakan cara pembiayaan oleh kerajaan melalui DanaInfra. Itu yang pertama. Ada kaedahnya yang telah dibincangkan dengan Menteri Kewangan yang baharu yang lebih dinamik. Dia tahu macam mana hendak bantu kita. Itu yang saya hendak jawab.

Soal *deferred payment* mampu atau tidak kita bayar tidak wujud kerana perkara ini telah diambil kira oleh Kementerian Kewangan dan telah dibajetkan untuk kes ini.

Dari segi tambang, kedua-dua negara telah duduk semeja berunding. Tambang yang kita tetapkan— kita sedar bahawa dalam perjanjian konsesi itu kita kena bincang banyak perkara termasuk juga aliran trafik cukup atau tidak. Kapasiti 10,000 orang penumpang untuk satu jam dalam waktu puncak, itu adalah antara spesifikasi yang perlu kita ada. Jadi, atas dasar ini, kita telah buat perhitungan dari segi ramalan trafik dan sebagainya dan kita telah menetapkan satu mekanisme tambang yang tidak membebankan rakyat.

Jadi, kedua-dua buah negara menganggap ini adalah projek pengangkutan awam. Maka, ia tidak ditanggung sepenuhnya oleh pengguna. Ini kerana kita sedar bagi mereka yang perlu berulang alik, mereka perlu membayar tetapi kadarnya telah dipersetujui oleh kedua-dua buah negara dengan mengambil kira faktor sosial juga bagi kedua-dua buah negara. Jadi, tambang yang dibayar di Malaysia dalam ringgit dan kalau dibayar di Singapura dalam *Singapore Dollar*. Itu jawapan saya kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Baling, soalan tambahan kedua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan izin, *you are very hands on, micromanage*. Tahniah Yang Berhormat Menteri berada di situ.

Soalan saya berkisarkan dua soalan iaitu ROI untuk masyarakat, untuk rakyat kita. Pertama sekali, apakah inisiatif yang diambil oleh kementerian Yang Berhormat berkaitan dengan bagi peluang pekerjaan? Saya lihat bajet dia begitu besar dan bila Yang Berhormat sendiri dengan *hands on* melihat projek ini, saya harap kementerian Yang Berhormat Menteri boleh pastikan diberikan keutamaan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Tidak kiralah negeri Johor, negeri Melaka, Negeri Sembilan. Itu Yang Berhormat Menteri kena pantau sendiri dengan kontraktor-kontraktor yang dapat projek tersebut.

Keduanya, apakah inisiatif kepada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura bilamana mereka pulang nanti apabila projek Sistem Rapid Transit (RTS) sudah siap, apakah insentif? Harga kurang kah? Diskaun kah? Yang diberikan kepada rakyat Johor terutamanya yang bekerja di Singapura. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Baling atas dua soalan yang dikemukakan.

Pertama tentang peluang pekerjaan yang akan dijana. Saya boleh memberi jaminan kepada Dewan yang mulia, apabila kita memindah depot itu ke Wadi Hana, bermaksud secara logiknya ia akan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Itu pertama.

Kedua, apabila dihubungkan daripada Woodlands di mana Thomson Line terus sampai ke Bukit Chagar sepanjang empat kilometer, ia juga akan memberi impak yang amat besar kepada warga Parlimen Johor Bahru khususnya, di mana tempat itu adalah satu tempat di mana JB Sentral berada di sebelah. Di situlah kawasan-kawasan yang pesat membangun dan ia akan memberi impak dari segi pembangunan ekonomi.

Juga secara komersialnya, kita boleh membantu bagi mereka yang tidak lagi perlu beratur, tidak perlu lagi sesak memandu kenderaan masing-masing ke Singapura. Dengan cara ini, mereka boleh meletakkan kenderaan mereka di Bukit Chagar dan terus membayar tambang dalam ringgit. Tambang yang dikenakan di Malaysia dan Singapura sama tetapi *currency*, mata wang yang dibayar berlainan. Ini bermaksud di Malaysia kita bayar dalam ringgit, di Singapura bagi sesiapa yang masuk, walaupun rakyat Singapura atau Malaysia, dia kena bayar di sebelah Singapura untuk masuk ke Malaysia dalam harga yang sama tetapi *currency* yang berlainan. Jadi, saya rasa ini antara soalan pertama.

Kedua tentang RTS ini, sebenarnya saya rasa kita telah memikirkan banyak cara untuk membantu dan golongan ini adalah golongan yang sentiasa pergi ke Singapura untuk bekerja. Jadi, semasa kita membincangkan, kita tidak meletakkan semua kos itu akan ditanggung oleh pengguna. Itulah jaminan terbaik kepada rakyat. Kita melihat dengan cara yang lebih menguntungkan rakyat, kita memberi kemudahan infrastruktur untuk mereka pergi ke Singapura.



Kita akan lihat kesannya *spin-off effect* daripada *Singapore* apabila sampai ke Malaysia, pelancong boleh datang dalam tempoh beberapa minit sahaja dan ini akan memberi impak besar kepada rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab sebut Johor Bahru tadi, sedikit saya hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, saya tidak mahu perdebatan...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Boleh saya hendak tanya satu lagi soalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah tidak ada masa. Maaf, maaf.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon Yang Berhormat Datuk Robert Lawson Chuat untuk soalan yang seterusnya.

**5. Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]** minta Menteri Pendidikan menyatakan status pelaksanaan projek pembinaan gantian penuh enam buah bilik darjah dan enam unit rumah guru berserta kemudahan lain-lain bagi Sekolah Kebangsaan Sebemban, Bahagian Betong Sarawak dalam RMKe-11, yang dijanjikan akan ditender pada bulan Disember 2018 dan sehingga kini projek itu masih belum dilaksanakan.

**Menteri Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan gantian penuh bilik darjah dan rumah guru berserta kemudahan lain di Sekolah Kebangsaan Sebemban, Betong, Sarawak adalah projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Skop projek ini meliputi pembinaan enam buah bilik darjah, enam unit rumah guru serta kemudahan lain.

Pelaksanaan projek ini telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kerja Raya Sarawak bermula 17 Mac 2016. Iklan tender telah dibuka pada 16 Februari 2019 dengan tarikh tutup tender pada 18 Mac 2019. Pemilihan kontraktor berjaya telah dibuat. Namun begitu, Surat Setuju Terima (SST) tidak dapat dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya kerana penurunan kuasa daripada Lembaga Perolehan Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) tidak diterima sehingga tempoh sah laku tender projek tamat pada 15 Ogos 2019.

Sebagai usaha untuk meneruskan pelantikan kontraktor yang telah berjaya, Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak telah bersetuju supaya tempoh sah laku tender projek ini dilanjutkan sebanyak dua kali iaitu sehingga 12 Januari 2020. Namun, penurunan kuasa tidak diterima sehingga tamatnya tempoh perlanjutan tersebut.

Memandangkan tempoh sah laku tender telah tamat, Mesyuarat Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak pada 12 Februari 2020 telah memutuskan supaya projek berkenaan ditender semula. Bagi urusan tender semula, JKR Sarawak sedang dalam peringkat akhir penyediaan dokumen tender dan dijangka akan ditender semula pada 1 Ogos 2020.

JKR Sarawak menjangkakan SST kepada kontraktor berjaya akan dapat dikeluarkan pada November 2020. Bagi tujuan ini, Surat Penurunan Kuasa Lembaga Perolehan KKR telah pun diperolehi pada 17 Mac 2020. Sekian, terima kasih.

## ■1130

**Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kerajaan Negeri Sarawak telah membayar RM1 bilion kepada Kerajaan Persekutuan yang pada ketika itu dipegang oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Pembayaran itu adalah merupakan duit pinjaman pada Kerajaan Negeri Sarawak. Apakah tindakan holistik pihak kerajaan di bawah Kerajaan Persekutuan yang baharu ini di dalam memastikan isu sekolah daif dinaik taraf terutamanya di Sarawak. Terima kasih.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali kita di KPM sedang melihat secara menyeluruh, secara holistik keadaan berkaitan dengan sekolah daif ini terutama dari sudut pelaksanaan. Kita sedang mencari apakah kaedah yang terbaik untuk melaksanakan projek sekolah daif ini, bangunan di sekolah-sekolah yang daif ini dan saya bersama dengan kementerian, Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya akan berbincang berkaitan dengan hal ini esok untuk melihat bagaimana kedua-dua kementerian dapat bekerjasama dengan lebih baik bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk memastikan *delivery*. Apa yang penting adalah pelaksanaan projek-projek sekolah daif ini dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat untuk manfaat murid, guru dan seluruh warga sekolah. Sekian, terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan projek yang dibangkitkan dalam soalan awal berkait dalam projek-projek di bawah senarai Rancangan Malaysia Kesebelas. Kita mendapat maklumat menerusi siasatan audit bahawa antara sebab-sebab kenapa projek pembinaan semula dan menaik taraf sekolah daif ini gagal, antaranya sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi isu skop projek berlainan, tempoh masa yang diambil sebelum tender di diberikan dan ada juga di mana tawaran tujuh hingga 16 projek semua dikaut oleh satu kontraktor.

Persoalan saya, dalam proses terkini adakah Yang Berhormat punyai cara untuk memastikan setiap kontraktor yang gagal sebelumnya disenaraihitamkan dan tidak boleh sekali lagi mendapat sebarang projek yang diluluskan oleh kementerian di bawah JKR sama ada di Sarawak ataupun di mana-mana negeri. Mohon maklumat. Terima kasih.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Terima kasih. Pertama sekali, berkaitan dengan beberapa projek yang diberikan kepada kontraktor. Saya mendapat penjelasan lanjut daripada pihak kementerian berkaitan dengan hal ini. Antara faktor pada ketika itu untuk mereka berikan pada sesuatu kontraktor itu beberapa projek adalah dari sudut ekonomi. Memandangkan keadaan demografi di Sarawak memerlukan pergerakan bahan binaan dan sebagainya. Oleh itu, untuk satu projek sahaja mungkin tidak *economical*. Itulah antara penjelasan tentang apa yang Yang Berhormat sebut tadi.

Berkaitan dengan kontraktor yang telah disenaraihitamkan, sudah pastinya kontraktor-kontraktor yang telah disenarai hitam oleh CIDB dan sebagainya itu kita sudah letak tepi daripada awal. Sepertimana saya sebut tadi, apa yang penting perkara ini telah pun berlarutan untuk

tempoh yang panjang. Jadi, kita perlu melihat apakah kaedah yang terbaik supaya kita dapat laksanakan segera. Jadi, saya sudah minta pihak Kementerian Pendidikan melihat beberapa opsyen yang ada. *We have to think outside the box*, dengan izin untuk melihat bagaimanakah kita boleh mempercepatkan pelaksanaan tanpa *compromise* dengan izin, kualiti projek-projek tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta *one extra question*?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, maaf, maaf. Tidak ada masa. Banyak lagi soalan.

**6. Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan sejauh manakah usaha kementerian bagi membantu petani, penternak, nelayan, dan peladang memasarkan produk dan hasil pertanian mereka menerusi platform digital.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAFI ataupun Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah membangunkan platform *Agrobazaar Online* ataupun ABO sejak tahun 2016. Dengan harapan supaya kita dapat memberikan alternatif pasaran kepada para usahawan. Dalam masa yang sama, kita mendidik mereka untuk menjalankan pasaran mereka ataupun jualan mereka melalui e-Dagang ataupun platform e-Dagang.

Jadi, sehingga pada 19 hari bulan Julai 2020 ABO telah pun mempunyai sebanyak 5,652 orang usahawan dan 17,343 *stock keeping* unit. Selain itu, Persatuan Nelayan Kebangsaan juga telah mengambil inisiatif yang sama dengan menjual atau memasarkan produk-produk mereka melalui *online*.

Satu lagi perkara yang patut kita banggakan bahawa aplikasi *Rocket Delivery* yang telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Peladang semasa PKP yang telah mencatatkan satu jualan yang cukup membanggakan sekali. Mereka telah berjaya untuk memasarkan produk mereka sebanyak RM4.4 juta kepada lebih 149,000 pelanggan dan telah memberi manfaat kepada 106 usahawan. Untuk norma baharu perniagaan, FAMA telah mengambil inisiatif semasa kita menghadapi PKP dengan menggandakan jualan secara *online* dan *preorder delivery*. Bermula pada 18 hari bulan Mac 2020 hingga 19 hari bulan Julai 2020 telah mencatatkan sebanyak 122,500 bilangan tempahan secara *preorder* dan juga *delivery* dengan nilai jualan sebanyak RM13.81 juta.

Jadi, untuk perkukuhkan lagi agenda pemasaran digital, MAFI turut juga menjalinkan kerjasama secara strategik dengan beberapa syarikat-syarikat e-Dagang seperti OURFARM, AirAsia, Local Kita, Dropee, Tanahmu, *Farm to Table*, e-Agro, Shopee, Lazada dan juga Foodpanda. Dalam masa yang sama, MAFI juga telah menjalankan kerjasama dengan beberapa syarikat-syarikat pengedaran dan penghantaran seperti Lalamove dan Pos Malaysia bagi urusan penghantaran produk-produk.

Sehingga kini lebih 1,000 orang usahawan-usahawan pertanian telah dapat menyertai platform e-Dagang tersebut dengan nilai jualan sebanyak RM5.3 juta. Apa pun Yang Berhormat, kelestarian usahawan adalah untuk memastikan supaya jualan e-Dagang mereka mestilah diberikan keutamaan. Justeru itu, MAFI telah memberikan satu pendekatan untuk mewujudkan ataupun mengadakan program-program latihan dan juga program-program kursus pada usahawan bagi membina mereka dan mempertingkatkan kapasiti pasaran dan juga produk mereka. Kursus ini adalah dilaksanakan dengan kerjasama MDEC. Terima kasih.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih di atas jawapan. Dalam mendepani pandemik COVID-19 ini, sebenarnya apakah faktor penghalang utama di kalangan penternak, petani dan peladang ini dalam mendepani situasi tersebut? Apakah juga pendekatan yang terbaru dan holistik oleh kementerian dalam hal ini terutamanya dalam platform digital? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita bersyukur kerana pada ketika ini kita dapat memberikan kesedaran kepada pengguna-pengguna dan juga kepada usahawan-usahawan bagi memastikan supaya tidak ada lambakan berlaku. Apa pun, pihak kementerian mengambil tiga pendekatan dalam memperkasakan supaya e-Dagang ini di kalangan usahawan kecil dan sederhana dapat benar-benar dimantapkan iaitu dengan menyediakan platform untuk usahawan melalui platform e-Dagang yang dibangunkan oleh pihak kementerian iaitu *Agrobazaar Online* seperti yang saya sebutkan tadi.

Selepas itu kita mewujudkan juga *marketplace* untuk usahawan kecil dan *Agrobazaar Malaysia* dan bekerjasama untuk menyenaraikan daftar usahawan-usahawan berasaskan pertanian di platform-platform e-Dagang swasta.

Jadi, kaedah satu dan dua ini adalah sangat bertepatan sekali sebagai *training ground* kepada semua usahawan kita supaya dapat beralih kepada cara jualan yang lebih efektif sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan MAFI telah menjalankan kerjasama strategik dengan platform e-Dagang semasa COVID-19, apakah platform e-Dagang ini perlu diteruskan selepas PKP? Berapakah perbandingan yang telah dicapai sepanjang PKP berbanding tahun sebelumnya. Agar rakyat tahu adakah e-Dagang ini benar-benar berjaya dan apakah peranan utama dalam membangunkan digital platform ini? Mohon Yang Berhormat Menteri menjawab.

■1140

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol, banyak sangat soalnya. Akan tetapi apa pun, saya hendak memberikan satu kepastian kepada Yang Berhormat Jempol bahawa kerjasama strategik dengan semua e-dagang swasta ini harus kita perkasakan kerana kita telah dapat lihat kesan mereka cukup mendalam sekali. Ini kerana e-dagang swasta ini selain daripada mereka *very well established* dengan izin, mereka mempunyai pencapaian *customer* yang cukup tinggi.

Justeru itu, kita seharusnya dapat meneruskan usaha baik ini. Dalam masa yang sama, Yang Berhormat ada sebut apakah perbandingan ataupun kejayaan yang telah kita capai semasa dan sebelum COVID ini berlaku. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya pada masa 18 Mac 2020 semasa COVID-19 sehingga 19 Julai 2020, jualan kita mencapai sebanyak RM1.73 juta. Pada masa yang sama tahun 2019, kita hanya mencapai RM400 ribu sahaja. Maknanya kita dapat capai empat kali ganda. Ini satu menunjukkan bahawa semasa COVID-19, orang ramai pun telah beralih kepada normal baharu.

Dalam masa yang sama, AgroBazaar Online telah dibangunkan oleh pihak MAFI ada empat peranan utama dalam pembangunan pemasaran digital kita iaitu yang pertama, kita memberi latihan sebagai *training ground*. Kedua, kita hendak pastikan tiada orang tengah. Mereka mendapat wang bulat-bulat daripada AgroBazaar Online. Seterusnya, kita hendak menanamkan semangat kesedaran dan minat kepada petani-petani dan usahawan supaya merebut peluang keemasan ini. Akhirnya, kita mahu membangunkan usahawan-usahawan *kidpreneurs* agromakanan melalui program-program *dropship*, *reseller*, serta *delivery*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah kementerian mengenai harga tiket penerbangan antara wilayah Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia yang terlalu tinggi dan adakah satu garis masa telah ditetapkan untuk mengembalikan harga tiket kepada tahap yang mampu milik seperti sebelum krisis pandemik COVID-19 bermula.

**Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bagi tempoh di antara 2 Jun hingga 8 Julai 2020, didapati harga tambang penerbangan terutamanya daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak telah menunjukkan trend penurunan berbanding dengan bulan Mei 2020. Bagi perjalanan bagi bulan Julai 2020 pula, MAVCOM mendapati harga tambang telah terus menunjukkan kestabilan dan hampir menyamai harga purata yang ditawarkan pada tahun 2019. Sebagai contohnya, adalah harga tiket bagi laluan Kuala Lumpur-Kuching untuk sehala adalah di antara RM200 sehingga RM400 jika dibandingkan dengan harga yang telah dikenakan pada bulan Jun 2020 iaitu melebihi RM1,000.

Dalam hubungan ini, orang ramai disarankan membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan dengan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding dengan pembelian di saat-saat akhir. Penetapan harga tambang adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, kerajaan telah memutuskan bahawa syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan untuk menentukan liputan rangkaian kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

Bagi mengatasi masalah kenaikan harga tambang, saya pada 11 Jun 2020 telah mengadakan satu perjumpaan dengan Malaysia Airlines Berhad (MAB), AirAsia Berhad dan

Malindo Air. Semasa mesyuarat itu, syarikat penerbangan telah diminta untuk mempertimbangkan pengurangan harga tambang sejajar dengan keputusan kerajaan untuk memberi pengecualian arahan penjarakan sosial di dalam pesawat. Menurut syarikat penerbangan, walaupun kerajaan telah memutuskan untuk memberi pengecualian arahan penjarakan sosial di dalam pesawat, tiket penerbangan tidak semestinya akan turun dengan serta-merta. Syarikat penerbangan perlu memastikan terdapat permintaan berterusan dan stabil sebelum harga tambang dapat kembali ke tahap normal seperti sebelum wabak COVID-19.

Di samping itu, syarikat penerbangan yang mempraktikkan konsep *cross subsidization* dalam penetapan harga tambang mana-mana laluan penerbangan yang mencatatkan keuntungan dan menampung kos operasi di laluan yang tidak menguntungkan. Melalui konsep ini, syarikat penerbangan mampu menawarkan harga penerbangan yang rendah dan mampu dibeli oleh penumpang. Pelaksanaan konsep ini amat bergantung pada jaringan penerbangan yang meluas ditawarkan oleh syarikat penerbangan berdasarkan permintaan.

Selanjutnya, Kementerian Pengangkutan pada 7 Julai telah mengadakan satu mesyuarat dengan KPT, MOTAC dan MAVCOM dan syarikat-syarikat penerbangan untuk membincangkan cadangan pengurangan harga tambang dan semasa perbincangan itu, kita telah meminta supaya syarikat penerbangan untuk mempertimbangkan pengurangan kadar tambang untuk menawarkan pakej tertentu kepada golongan pelajar IPTA. Syarikat penerbangan dijangka memerlukan masa antara 18 bulan bagi sektor domestik dan tiga tahun bagi sektor antarabangsa untuk pulih sepenuhnya daripada impak wabak COVID-19.

Berdasarkan analisa yang dilaksanakan, MAVCOM menjangkakan harga tiket penerbangan akan kembali normal kepada harga purata pada tahun 2019 menjelang November 2020 setelah syarikat penerbangan kembali menyediakan perkhidmatan penerbangan dengan kapasiti sebenar. Akan tetapi, ia bergantung kepada situasi pandemik COVID-19.

MOT telah mengarahkan MAVCOM untuk melaksanakan pemantauan pengenaan kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat penerbangan secara berterusan dan mengadakan sesi libat urus bagi memastikan harga tambang yang diberikan adalah kompetitif. Di samping itu, kementerian MOT, MOTAC dan syarikat penerbangan akan terus bekerjasama untuk meningkatkan kesedaran, keyakinan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan bagi mengerakkan dan memulihkan sektor pelancongan domestik. Terima kasih.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Menteri, isu berkenaan tentang penerbangan tiket dan juga pembatalan penerbangan adalah isu yang sangat dekat terutama sekali bagi kami di Sabah dan juga di Sarawak terutama sekali ketika ini, saya dapat lihat harga tiket penerbangan semakin menurun tetapi pembatalan penerbangan masih berlaku. Ini akan menjejaskan pergerakan terutamanya dari sektor korporat dan juga kerajaan. Saya juga ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, saya ingin mengetahui berapakah jumlah bilangan penerbangan yang dibatalkan sejak COVID-19 dimulakan dan juga jumlah *passenger* yang terkesan? Berapakah tiket yang dipulangkan atau *refund* telah dibuat? Adakah pihak kerajaan dapat memberi satu jaminan

kepada pelajar-pelajar IPTA yang akan kembali dan juga akan mendaftar supaya harga tiket ini mampu milik bagi pelajar-pelajar dan juga ibu bapa? Terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti, banyak soalan dalam soalan tambahan ini. Cuma saya memberi sedikit gambaran apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dari segi bilangan penerbangan yang dibatalkan oleh syarikat penerbangan bagi tempoh enam bulan daripada Januari hingga Jun 2020. Untuk Malaysia Airlines, domestik 32,790, antarabangsa 12,890, menjadikan jumlah 45,680. Manakala bagi AirAsia, domestik 71,980, antarabangsa ialah 34,963, menjadikan jumlah keseluruhan 106,943. Malindo pula, domestik 9,923, antarabangsa 7,182, menjadikan jumlah keseluruhan 17,105. Jumlah keseluruhan untuk domestik untuk tiga-tiga syarikat penerbangan ialah 114,693 pembatalan untuk penerbangan domestik, antarabangsa pula pembatalan 55,035 penerbangan dan menjadikan jumlah 169,728 penerbangan yang dibatalkan. Manakala untuk jumlah penumpang yang terkesan, Malaysia Airlines 1.4 juta, AirAsia 2.861 juta, Malindo 54,000, menjadikan jumlah keseluruhan lebih kurang 4.316 juta. Jumlah yang agak besar.

Apa yang Yang Berhormat tanya tadi, saya ada maklumat di sini iaitu tentang *refund*. Ada tiga kategori. Pertama, penumpang dibenarkan menunda penerbangan ke satu tarikh lain oleh MAB sebanyak 1.172 juta orang.

#### ■1150

AirAsia seramai 38,558 orang menjadikan jumlah penumpang yang dibenarkan menunda penerbangan ialah seramai 1.211 juta orang. Manakala kategori kedua, iaitu penumpang dibenarkan bayaran balik dalam bentuk *credit shell* yang mana *credit shell* itu boleh digunakan untuk membeli tiket penerbangan ke destinasi yang sama atau destinasi yang lain dalam tempoh dua tahun. Kalau untuk MAB, seramai 37,188 orang, AirAsia seramai 1.875 juta orang dan Malindo seramai 54,773 orang, menjadikan jumlah keseluruhan ialah seramai 1.967 juta orang penumpang. Jadi, ini adalah serba sedikit tentang *refund*.

Ketiga ialah penumpang yang diberikan bayaran balik sepenuhnya kos tiket penerbangan termasuk fi dan cas berkaitan. Untuk Malaysia Airlines (MAS), seramai 190,444 orang yang berjumlah RM294 juta. Bagi AirAsia seramai 437,000 orang yang berjumlah RM105 juta dan jumlah keseluruhan ialah seramai 628,070 orang dengan jumlah *refund* yang telah diberikan ialah sebanyak RM400 juta.

Mengenai soalan Yang Berhormat sama ada pelajar IPTA akan diberikan tambang yang sama – Kalau masih lagi dalam kategori ini, kita akan benarkan mereka dalam bentuk *credit shell* dan mereka boleh terus. Kita berharap kita dapat melandaikan lagi graf yang mana harga tambang itu akan turun apabila kembalinya operasi secara normal. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat wanita yang dari sebelah sini. Silakan.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, saya ingin tanya kerana saya difahamkan bahawa harga siling dan harga lantai tidak dapat ditetapkan oleh kerajaan. Harga tiket penerbangan dari

Semenanjung ke Sabah dan Sarawak selalunya terlampau tinggi terutama pada musim perayaan. Pada tahun 2019 hingga tahun 2020, mantan Menteri Pengangkutan telah berbincang dengan syarikat penerbangan untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus pada musim perayaan dan juga tiket penerbangan lewat malam dengan harga tetap. Adakah usaha ini akan diteruskan kerana banyak *complaint* tentang harga tiket penerbangan domestik tetapi masalah ini belum diselesaikan.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dapat mengadakan perbincangan dengan MASwings untuk menetapkan atau mengadakan harga yang lebih mampu milik oleh rakyat Sarawak kerana tiada pilihan lain, kita hanya ada MASwings.

Adakah kerajaan perlu menanggung subsidi yang lebih tinggi susulan dengan pandemik COVID-19 ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Ini satu soalan yang baik, soalan *favorite* dari Yang Berhormat. Saya pun jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat untuk soalan hari ini. Akan tetapi, saya cuba beri gambaran.

Untuk *Rural Air Services (RAS)*, ini adalah dikendalikan oleh MASwings. Kalau sebelum itu ada sedikit pada AirAsia tetapi setelah diberhentikan sementara waktu kerana tidak ada penumpang. Apa yang kita lakukan ialah kita tetapkan harga siling dan subsidi akan diberikan kepada MASwings untuk mengendalikan. Jadi, tidak ada soal perubahan tambang tidak boleh lebih tinggi daripada itu. Itu yang dilakukan oleh kerajaan.

Saya jawab soalan yang terakhir. Apa yang Yang Berhormat katakan tadi sekarang nampaknya secara umum untuk Sabah dan Sarawak musim perayaan – Saya hendak beritahu Yang Berhormat ada dua faktor, yang pertama adalah *load factor*. Apa yang berlaku sekarang AirAsia tempahan lebih kurang sejumlah 70,000, genap 60 *percent*. Untuk MAS pula, lebih kurang 50 peratus tetapi untuk mencapai tahap *break-even*, bagi syarikat AirAsia adalah 82 to 85 *percent load factor*, tetapi untuk MAS adalah 70 peratus. Jadi, apabila tidak ada *load factor* ini, mereka terbang dengan 20 *percent load factor*, maka mereka tidak boleh menambah frekuensi.

Oleh sebab itu, sekarang untuk AirAsia, kalau Kuching lapan penerbangan satu hari. Kalau ke Sibu dan juga Miri – ada dua, Bintulu satu dan Labuan satu. Betul? Untuk KK dia ada enam, Tawau dua dan Sandakan dua penerbangan setiap hari. Untuk MAS pula, dia cuma boleh satu penerbangan ke Kuching, dua penerbangan sehari saja ke Kota Kinabalu dan untuk Tawau, untuk Bintulu dan juga Sandakan dia buat sekali, okey. Akan tetapi, permintaan juga kurang kerana tidak ada *load factor* dia terpaksa batalkan. Oleh sebab itu, *load factor* merupakan satu perkara yang sangat penting dalam menentukan kadar.

Kedua, *cross subsidy* ini. Kalau ada penerbangan daripada tempat lain – Hong Kong sampai KK dan KK ke Kuala Lumpur, bermaksud apabila penumpang itu sampai KK ada tempat kosong, dia boleh optimumkan tempat itu untuk terbang ke KL. Jadi, sebab itu saya kata bila dalam keadaan ini, bila sampai November sudah kembali pulih seperti sedia kala bermaksud banyak ruang untuk kita landaikan harga tambang ini.



Nasihat saya, saya sudah tengok laporan MAVCOM. Kalau hendak terbang paling mahal hari apa? Jumaat, Sabtu dan awal pagi Isnin daripada Sabah dan Sarawak. Itu harga yang paling tinggi. Kedua, musim perayaan sebab harga dia akan – disebabkan dia guna *dynamic pricing mechanism* dan ini kalau kita dapat elakkan adalah dengan kita buat *booking* lebih awal dua minggu sebelum itu, maka dia tidaklah akan meningkat secara mendadak.

Ini pandangan kita yang mana kita kena awalkan *booking* dan pada waktu yang sana elakkan pada musim cuti perayaan dan ini akan mengakibatkan harganya boleh melambung dua kali ganda. Seperti mana yang dilalui dalam minggu lalu, bila Yang Berhormat Kinabatangan kata, dia kata sejumlah RM4,400, saya sudah semak. Harga normal ialah sebanyak RM2,000 untuk penerbangan pergi dan balik KK, tetapi apabila sampai Sabtu ataupun Jumaat, ia boleh sampai *double*. Oleh sebab itu, jadi RM2,000 hingga RM4,000 lebih. Kalau boleh elak tarikh itu, mungkin Khamis malam ia akan jauh lebih murah. Terima kasih.

**8. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]** minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan langkah-langkah yang dirancang oleh kementerian untuk memastikan yang Malaysia tidak lagi menjadi pusat transit atau terlibat dalam memperdagangkan haiwan liar selepas pandemik COVID19 ini.

**Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sangat komited dalam menangani perdagangan haram hidupan liar merentas sempadan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia merupakan negara parti Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Flora dan Fauna Liar (CITES). CITES yang terdiri daripada sejumlah 183 buah negara parti yang berperanan untuk memastikan perdagangan antarabangsa flora dan fauna tidak terancam kelangsungan hidup spesies-spesies tersebut.

Sebagai negara parti, perdagangan hidupan liar di Malaysia dikawal sepenuhnya oleh panduan dan peraturan CITES melalui Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 atau Akta 686. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan Malaysia tidak lagi menjadi pusat transit atau terlibat dalam perdagangan hidupan liar ialah, pertama menjalinkan kerjasama dalam aktiviti penguatkuasaan dan perkongsian maklumat dengan INTERPOL sejak tahun 2016 melalui antaranya Operasi *Dragon*, Operasi *Chameleon* dan sebagainya.

Kedua, kita juga memperkukuhkan penguatkuasaan menerusi perisikan, *intelligent-lead enforcement* dengan kerjasama badan-badan antarabangsa. Meningkatkan kerjasama serantau dalam aktiviti penguatkuasaan dan perkongsian maklumat di bawah *ASEAN Working Group on CITES and Wildlife Enforcement*. Kita juga memperkukuhkan jaringan kerjasama bagi mengekang sindiket penyeludupan di sempadan dan pintu masuk negara dengan agensi-agensi

penguat kuasa melalui Operasi Benteng di bawah *National Task Force (NTF)* yang diterajui oleh Angkatan Tentera Malaysia.

Menjalankan operasi penguatkuasaan bersama ATM dan agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia, agensi penguat kuasa Maritim Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kawalan Sempadan Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Kita juga menempatkan tidak kurang daripada seramai 30 orang pegawai penguat kuasa di Jabatan PERHILITAN di sejumlah 14 pintu masuk negara di Semenanjung Malaysia bagi memantapkan penguatkuasaan. Di samping kita mewujudkan unit anjung pengesan, Unit K9 Jabatan PERHILITAN bagi mengesan hidupan liar di lapangan terbang dan juga pelabuhan.

Untuk makluman, Jabatan PERHILITAN juga telah mengukuhkan penguatkuasaan bagi membanteras pencerobohan pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar di kawasan *hotspot* dengan melaksanakan Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti iaitu BP3.

#### ■1200

Program BP3 yang bermula secara rasmi pada 16 Jun lalu, adalah pengukuhan kepada Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang telah dilaksanakan pada 3 September 2019 lalu yang melibatkan Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, PDRM, Perbadanan Taman Negeri Perak, Perbadanan Taman Negeri Johor dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Program BP3 diperkukuhkan lagi dengan pelantikan 100 orang Veteran Angkatan Tentera Malaysia dan 50 Orang Asli sebagai renjer hidupan liar secara *contract for service*.

OBK telah mencapai kejayaan besar dalam menangani pemburuan haram hidupan liar. Pada tahun ini sahaja OBK telah berjaya menangkap sebanyak 32 kes yang melibatkan 64 pesalah dengan nilai rampasan sebanyak RM636,000, lebih kurang sebanyak 433 jerat telah dimusnahkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

#### ***[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Seorang Ahli:** Soalan tambahan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya membawa *point of order* sebab sudah pukul 12, soalan tambahan sudah tidak ada. Saya membawa *Point Of Order* 36(9)(c) dan juga 36(12), 36(9)(c) yang melibatkan bersakit-sakit hati dan 36(12) ialah mengelirukan Dewan.

Semalam Ahli Parlimen Jelutong telah mengeluarkan kenyataan bahawa Kerajaan PAS Kedah telah meruntuhkan kuil-kuil. Pertama, dia mengelirukan Dewan dan dia ada minta maaf. Akan tetapi oleh sebab dia melanggar 36(c) yang melibatkan perkara-perkara bersakit-sakit hati, dia kena bagi fakta. Saya *check* di antara fakta terawal, saya belum mendapat maklumat penuh, ia melibatkan sebuah kuil kecil yang berkeluasan 12X8 dan berumur 40 tahun dan sudah diganti. Jadi fakta yang itu kena dikeluarkan sebab kenyataan yang dikeluarkan boleh menimbulkan masalah 36(9)(c) iaitu menimbulkan perkara-perkara bersakit-sakit hati di antara kaum dan juga agama. Benda ini serius, Tuan Yang di-Pertua. Kalau diulang di luar, benda ini berat untuk kita terima. Dalam keadaan kita menghadapi sedikit masalah perkauman di negara ini, perkataan-perkataan begini tidak boleh dikeluarkan dan kalau hendak minta maaf di Dewan, dia juga kena minta maaf kepada Kerajaan Negeri Kedah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak tahu sama ada perkara itu berlaku, saya tidak menjadi pengerusi mesyuarat pada masa itu. Akan tetapi izinkan saya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Meneliti *Hansard* dan saya akan kembalikan kepada perkara ini setelah saya meneliti *Hansard* dan saya akan meminta penerangan daripada Yang Berhormat Jelutong selepas saya meneliti *Hansard*, ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya rasa kita... biar saya teliti *Hansard* dahulu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Perkara ini telah dibangkitkan kelmarin ketika...

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham, faham...biar saya meneliti *Hansard* dahulu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Baik.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi soalan tambahan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tidak dibenarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, masa soalan lisan telah tamat. Silakan Setiausaha.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, Lembah Pantai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Peraturan Mesyuarat 12(1).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Berkenaan dengan tempoh persidangan. Jadi hari ini adalah minggu kedua. Hari kedua kita mengadakan sidang

mesyuarat kali ini dan masih ramai Ahli-ahli Parlimen yang ingin berucap. Masalahnya sekarang ini kita cuma bermesyuarat hingga 5.30 petang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** ...Pohon Tuan Yang di-Pertua, ada ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya ada usul selepas ini.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2019) 2020**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2020**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menguntukkan semula sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2020 [Akta A1608] untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**USUL-USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.05 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 22 Julai 2020”.

**Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:** Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas.” **[20 Julai 2020]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Selangor, 20 minit. Selepas itu Yang Berhormat Jelevu. Ada ya Yang Berhormat Jelevu? Silakan.

**12.08 tgh.**

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera semua. Kuala Selangor bangun untuk bersama-sama merakamkan syukur, menjunjung kasih Titah Ucapan Duli

Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong untuk Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14 yang lalu. Tegas Baginda, kita Ahli-ahli Parlimen sama ada daripada pembangkang ataupun kerajaan tentunya perlu menyemak imbang satu sama lain untuk kesejahteraan rakyat dan membangunkan kembali negara ini.

Kuala Selangor akan menyinggung isu-isu kesihatan dan terdahulu daripada itu mengupas sedikit tentang ekonomi dan pastinya akan bermula dengan isu politik mutakhir yang terlalu mendominasi seluruh negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk kembali menziarahi peristiwa malang peristiwa hitam, peristiwa-peristiwa sedih pada 13 Julai kita bersidang yang menyaksikan suatu yang sebenarnya diperuntukkan dalam Perlembagaan dalam Perkara 57(2)(c) akan usul mengosongkan jawatan Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1210

Atas perkara ini saya sebutkan segera bahawa setelah kalah undi terbuka dengan 109/111, malangnya *motion* kedua dalam aturan mesyuarat hari itu ataupun *order paper* itu tidak dilangsungkan dengan *motion* ketiga yang seharusnya melibatkan peruntukan *Standing Order 4(1)* YANG mana Setiausaha Dewan wajar memberikan 14 hari *written notice* kepada semua MP-MP.

Tuan Yang di-Pertua, ini malangnya menzahirkan satu pelanggaran *order* dengan izin, *travesty of order* bukan semestinya *travesty of justice* namun perkara itu tetap menjadi satu yang malang kerana kita tidak mengizinkan kedua-dua pihak mengemukakan calon mereka. Lalu dengan itu kami pastinya rasa tertekan dan dizalimi, di-*bulldoze* oleh Kerajaan Perikatan Nasional ini dan malangnya disebutkan oleh Menteri Undang-undang, *you can't have two bites to the cherry*, satu yang sangat tersasar, songsang dan tidak relevan dalam menghujahkan kerana peruntukan untuk memberikan nama-nama calon itu telah termaktub dalam *Standing Order 4(1)*.

Apa yang perlu saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua adalah satu psikologi kerajaan yang sangat takut kepada undi rahsia. Mengapa seharusnya mereka rasa takut kalau sudah menang dalam pusingan pertama, namun kita dapati bahawa sindrom ini akan menjadi satu yang mencabar bahkan menggugat persoalan *justice*, persoalan *order* di negara ini. Jadi kerana dipisahkan hanya dengan dua undi, lalu tidak mengizinkan kita semua untuk mengundi pada *motion* ketiga itu. Sangat malang, lalu lebih penting daripada itu saya dan kawan-kawan lain memerhatikan cara, gaya, dan gelagat Kerajaan Perikatan Nasional kerana ditentukan kerajaan ini, legitimasi ini hanya dengan beberapa kerusi, undi dan MP-MP, lalu nampaknya mereka semuanya perlu dibeli.

Pertama, kesan daripada ini adalah membentuk sebuah kerajaan ataupun membentuk sebuah Kabinet yang saiznya *double XL*, 70 lebih seluruhnya. Selepas daripada itu sudah tidak— untuk menjaga setiap MP diberikan tugas, diberikan jawatan dalam setiap seorang dibela, dipelihara, diberikan pemberian-pemberian ini sehinggakan akan berlaku apa yang sebenarnya akan menjejaskan *strength of institution*. Dengan kata lain kita dapati GLC-GLC dan badan-badan berkanun diberikan jawatan kepada MP-MP untuk memastikan mereka ini kekal menyokong

kerajaan yang telah pun mengambil alih, menumbangkan kerajaan yang di mandat rakyat dengan cara yang sangat tidak sopan, bahkan melanggar dengan *the rule of law*.

Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja mengambil isu ini dahulu kerana ia akan mengunjurkan ke depan betapa kerajaan ini hari ini berdepan dengan seumpama kalau saya boleh istilahkan telur di hujung tanduk sahaja atau mungkin juga tanduk di hujung telur, Tuan Yang di-Pertua. Sebabnya ditentukan oleh empat atau enam MP yang kesemuanya berdepan dengan *chargers in the court*. Bayangkan saya tidak mahu *presumptuous* satu, dua atau tiga yang sabit kesalahan, maka tumbanglah kerajaan yang begini rapuh. Justeru kerana itu, kita akan menyaksikan pelbagai lagi cara mereka melakukan pelanggaran dan *the travesty of justice and order* dan 13 Julai itu adalah hari yang paling malang yang kita saksikan dan ditonton bukan sahaja oleh rakyat di negara ini, bahkan seluruh dunia akan apa yang diistilahkan sebagai *travesty of justice or the order*, pelanggaran kepada pemilihan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada— tidak silap saya salah seorang daripada Yang Berhormat daripada sebelah sana Muafakat Nasional yang ketika itu bangun untuk mengatakan kita perlu profesional, kita perlu profesional. Saya pada pagi ini Tuan Yang di-Pertua mengingatkan profesional atau tidak, jangan sampai kita membelakangkan nilai-nilai agama juga, ya. Saya tidak mempertikaikan pelantikan Tuan Yang di-Pertua di atas peruntukan yang diberikan tetapi caranya, cara yang sangat melanggar dengan nilai-nilai susila dan sopan sivil dan termasuk juga saya ingatkan kalau begini caranya Kerajaan Perikatan Nasional yang mengangkat individu-individu yang layak atau tidak, tidak dikirakan.

Saya mengambil hanya satu contoh yang mana pertukaran Pengerusi Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN), seorang tokoh yang diiktiraf oleh WHO, seorang tokoh yang diiktiraf di negara ini ya, Datuk Dr. Narimah Awin yang selama hari ini mengangkat nama baik negara ini ditukarkan, digantikan oleh seorang MP yang perlu dijaga ya, dan perlu dijaga kerana takut untuk— sebab itu mereka untuk *secret ballot*. Justeru dengan itu saya mengingatkan apa yang disebutkan oleh Sayidina Umar. Sayidina Umar mengingatkan pada kita akan satu kalimatnya yang masyhur, *[Berucap dalam bahasa Arab]. “Barang siapa yang mengangkat seorang daripada masyarakat, ketika itu ada orang yang lebih layak yang patut diangkatnya, sesungguhnya dia telah mengkhianati Allah dan Rasul dan seluruh orang-orang Muslimin dan rakyat”*.

Ini akan menjadi cabaran besar kepada Kerajaan Perikatan Nasional yang hari ini sangat tertekan, sangat gugup, sangat kaget, sangat panik menjaga kuasa dan inilah yang kita maksudkan dengan cara gaya rakan-rakan yang dahulunya bersama Kerajaan Pakatan Harapan, hari ini telah membelakangi, mengkhianati dan belot. Kita tidak tahu— saya ingin panjang sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu apa sebabnya. Selama 21 bulan kita bersama. Setiap minggu kita bersidang, bermesyuarat akan tetapi tiba-tiba mengambil langkah membelot, curang dan culas. Bayangkan kalau kita— ada yang mungkin apa perasaan kalau dbelot? Mungkin sebelah sana tidak pernah rasa lagi.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: [Bangun]**

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Kalau suami isteri pun, kalau suami isteri pun...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Kalau suami curang...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** ...Sik mohon sikit penjelasan, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ya, Yang Berhormat Sik.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya tidak mempunyai masa sebenarnya. Hanya ada 10 minit lagi, saya ada lagi dua...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Kuala Selangor sedikit persoalan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tidak apa, tidak apa. Nanti kalau di hujung nanti saya izinkan *insya-Allah*.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Kenapa takut hendak beri?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tidak takut, saya tidak takut.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Beri?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya tidak punyai masa. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya teruskan. Bertapa mustahaknya dalam perkara ini supaya Kerajaan Perikatan Nasional ini diingatkan supaya jangan mengambil sikap sebab dikatakan seluruhnya adalah salahnya DAP, rakan parti Pakatan Harapan. Kalaulah itu sebabnya mereka berpatah, mereka mengkhianati Kerajaan Pakatan Harapan, lalu menumbangkan Kerajaan Pakatan Harapan mereka bersama setiap minggu bermesyuarat dan mantan Perdana Menteri mengizinkan semua berbicara mengusulkan apa jua.

Tidak pernah ada pertikaian, tetapi datang waktunya mereka mengkhianati kerajaan yang memandatkan, kerajaan yang mengangkat juga mereka tetapi dalam pada itu kita dapat perhatikan mereka belot meninggalkan Kerajaan Pakatan Harapan bersama dengan golongan yang mereka jatuhkan, golongan kleptokrat UMNO yang disebutkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Pagoh dalam video-video, ceramah PRK-nya. Begitu juga saya minta maaf saya tidak pernah menyebut istilah ini, mempertikai Parti Islam Se-Malaysia (PAS)...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, Sik sekali lagi Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Dengan istilah parti munafik dan parti ajaran sesat. Namun yang lebih mustahak adalah mengapa mereka lakukan ini. Saya minta untuk Yang Amat Berhormat Pagoh...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Membuat penjelasan tentang jalur pemikiran mereka. Apakah sudah mengambil dan menganuti jalur pemikiran *far right* ekstrem kanan...



**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Takut rupanya Yang Berhormat Kuala Selangor ini.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Yang sebenar-benarnya adalah jalur pemikiran ekstrem sama ada perkauman mahupun mengadu domba pertentangan agama dan perbalahan antara kaum yang sangat ekstrem.

■1220

Ini satu perkara yang saya minta Yang Amat Berhormat Pagoh, Perdana Menteri menjelaskan apa sebenar-benarnya punca meninggalkan dan mengkhianati dalam pertengahan jalan Kerajaan Pakatan Harapan yang memenangkan beliau dan juga rakan-rakan di sebelah sana yang telah membelot dan mengkhianati kami. Itu isu— Saya punya hanya lapan minit lagi.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Boleh mencelah? Boleh mencelah?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Kuala Selangor?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Lalu saya beralih. Saya ingatkan satu saja. Saya ingatkan satu ayat Al-Quran untuk semua kita. Allah SWT— Jangan sampai bencinya, jangan sampai berseterunya kita melakukan kezaliman. Allah SWT sebutkan, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]. “Jangan sampai perseteruan kamu, membenci kamu, pada mana-mana pihak, menjadikan kamu zalim dan tidak mahu berlaku adil”*. Itu peringatan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga rakan-rakan yang pernah bersama kami dalam Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu ekonomi. Saya tidak berpeluang mendengar dan mencelah Yang Berhormat Pekan ketika berucap baru-baru ini. Saya memahami akan pentingnya untuk kita sama-sama bergandingan untuk memastikan pasca era *post COVID-19* ini, akan sama-sama kita tangani. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebutkan RM65 bilion dalam empat suntikan fiskal. Ia telah disuntik.

Namun begitu, beliau sendiri mengakui bahawa RM65 bilion itu adalah tidak setanding dengan apa yang sebenar-benarnya untuk kita keluar daripada *contraction* ekonomi yang sebenar-benarnya telah pun kita saksikan kesannya, betapa dari sudut penganggurannya sebanyak *5.3 percent*. Dari sudut inflasinya, dari sudut kejatuhan indeks keluaran industrinya dan juga beberapa langkah yang diambil, termasuklah mengurangkan *the overnight policy rate (OPR)* yang menentukan *effective landing rate* ke paling bawah dan ke paling rendah iaitu sebanyak 1.75 peratus, berbanding *during the financial meltdown* pada *year 1997*.

Kesemuanya ini, saya kira akan juga berulang andainya tindakan-tindakan bersifat *short-termism*, dengan izin. Lalu saya mengingatkan kerajaan supaya memahami, di samping untuk mengeluarkan SME kita, di samping untuk mengeluarkan rakyat dan *livelihood* kehidupan mereka. Apa yang lebih penting adalah benar-benar untuk memulihkan negara, memulihkan ekonomi negara dan juga SME itu perlu diberikan di samping hanya diberikan insentif gaji, *loan* dan geran, adalah membantu mereka untuk mengalami apa yang dikatakan sebagai *transformation* ataupun dikatakan *to reinvent business model*, memberikan *online platform* dan memberikan segala suntikan.

Bukan sahaja *monetary policy* dengan mengurangkan OPR. *The fiscal stimulus must come with the helping hand*, dengan membantu mereka, *to reinvent their businesses* dan juga memberikan mereka *the online digital platform* untuk mereka *turnaround* dan *transform businesses* yang mereka sangat memerlukan. Ini kerana yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua, bagi sebuah kerajaan, yang mustahak ialah *to provide the right-* apa yang diistilahkan dalam bahasa ekonomi, *the right incentive structure*. Orang-orang ekonomi dan *the economy actors* mampu menjalankan kegiatan-kegiatan mereka. Akan tetapi kalaulah, saya mengingatkan Yang Berhormat Pekan dalam penggal beliau, Yang Berhormat Pekan sinis kepada langkah-langkah yang dilakukan oleh Pakatan Harapan, sedikit pada 21 bulan yang lalu. Akan tetapi Yang Berhormat Pekan lupa, dalam menjana ekonomi, bukan saja persoalan apa yang dikatakan sebagai keluk maksimum pengeluaran itu dari segi *fund*, dari segi dana, dari segi buruh dan dari segi teknologi saja tetapi yang lebih mustahak adalah *3I. Inclusion, invention, inovasi* dan juga *integrity* yang perlu dan itulah kegagalannya Yang Berhormat Pekan.

Minta maaf, Yang Berhormat tidak ada hari ini. Yang Berhormat Pekan yang walaupun dengan segala akronimnya, GTP, ETP, EPP, NKRA dan segala-galanya itu, terus terperangkap negara ini dengan *middle-income trap* ataupun perangkap pendapatan pertengahan kerana kleptokrasi, kerana salah guna kuasa. Saya mengingatkan kerajaan hari ini, walaupun dengan RM6.5 bilion suntikan, telah *pun* tadi kita dengar, selagi ada di sana *Little Napoleon*, selagi ada di sana— saya sedikit waktu dahulu kita dengar. Saya tidak mahu membuat tuduhan tetapi kalau selama penyalahgunaan kuasa, ada kawan-kawan dalam birokrat mengatakan, kita sudah kembali kepada cara dan gaya tata kelola Barisan Nasional ketika Perikatan Nasional mengambil-alih.

Ini sangat malang, kita kembali kepada penyalahgunaan kuasa dan kleptokrasi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya punya hanya ada tiga minit dan saya akan beralih kepada noktah saya yang terakhir. Saya ingin merakamkan jutaan tahniah dan syabas...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Kuala Selangor. Mencilah sekali lagi.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Syabas, syabas dan saya—Minta maaf. Saya minta maaf...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, banyak persoalan yang hendak dan perlu dijawab.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya ada tiga minit. Saya ucapkan tahniah dan syabas...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Kuala Selangor?

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Bagilah.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...kepada semua *frontliners* sama ada daripada KKM...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...daripada pihak swasta, fasiliti... *[Tidak jelas]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Sik- minta bawah peraturan mana, Yang Berhormat Sik?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tidak, tidak. Minta maaf...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik mohon penjelasan. Banyak perkara yang ditimbulkan, mengelirukan Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Sik, bawah peraturan mana?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Nanti akan dijawab, dalam perbahasan seterusnya akan dijawab. Maaf ya. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Sik, kena tunggu kebenaran daripada Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Baik. Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat berpeluang untuk menjawab segala apa yang saya katakan. Segala apa yang saya dakwa tetapi perkara yang saya dakwa ini punya faktanya tersendiri. Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri kalam saya, menyinggung persoalan kesihatan yang pernah saya terajui sedikit waktu dahulu. Apa pun yang saya hendak sebutkan, saya ucapkan tahniah dan jutaan tahniah dan syabas kepada semua *frontliners* yang sama ada daripada KKM, daripada pihak swasta, daripada NGO, MRA, ya, semuanya MERCY, yang telah menggembelng tenaga dengan begitu baik.

Apa pun, saya ingin tekankan akan peri pentingnya untuk mereka, untuk sektor kesihatan ini, bukan sahaja diambil perhatian hanya semasa COVID-19. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, *NCDs* membunuh jauh lebih dahsyat lagi. Kalau saya hanya boleh membandingkan, Januari hingga Jun 2020, yang mati, mortaliti COVID-19 hanya 121 *deaths*. Akan tetapi saya ingin mengingatkan semua bahawa di antara Januari hingga Jun 2018 sebanyak 9,133 kematian atas sebab *ischemic heart diseases (IHD)*, *heart attack*, dengan kata lain, sebanyak 50 kematian sehari.

Hanya dari sudut IHD, saya tidak bercakap tentang *cardiovascular accident (CVA)* lagi, strok dan yang lain. Justeru dengan itu, saya mengingatkan Kementerian Kesihatan dan juga kerajaan supaya memperkukuhkan, *enhance further*, memperteguh sistem dan juga penghantaran (*delivery*) of *healthcare*. Di sini, saya mengambil kesempatan untuk mengingatkan beberapa perkara yang— Contohnya, *Academy of Medicine Malaysia*, *press statement* mereka untuk mengizinkan sebab Yang Berhormat Menteri menyebut dalam 13 Julai yang lalu, kerajaan tidak akan memberikan *sponsorship* kepada *specialist training*. Ketika COVID-19, kita sangat memberikan sokongan dan *recognition* ya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Ya. Gulung? Ya, dengan itu saya sangat mengharapkan, apa pun yang telah kami lakukan dalam 21 bulan yang lalu,

terutama di KKM. Reformasi-reformasi yang telah kita mulakan sama ada PEKA B40, sama ada larangan merokok saya yang telah mendapat sokongan yang meluas dan juga program untuk *further strengthen the public facilities* dan juga *the private facilities of the technology like EMR* dan sebagainya. Semua yang telah kami mulakan, semoga dapat diteruskan. Ini kerana ini bukan kerana parti. Ini adalah untuk rakyat seluruhnya. Dengan itu, saya menyimpulkan betapa penting kerajaan yang telah diangkat supaya benar-benar menjadi [*Memetik istilah dalam bahasa Arab*], melaksanakan kesejahteraan untuk rakyat dan bukan untuk membolot sesama sendiri. Sekian Tuan Yang di-Pertua, atas izin untuk bersama memberi ucapan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia. Terima kasih sekali lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelebu. 20 minit. Terima kasih.

**12.29 tgh.**

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Sebelum saya meneruskan ucapan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya Parlimen kalau boleh kita *consider*, dengan izin, rakan-rakan di belakang sana supaya diberi tempatlah di depan ini. Memang saya tengok teruk.

■1230

Sekurang-kurangnya kalau Parlimen boleh buat *the temporary partition board* antara satu Parlimen dengan *Members of Parliament* yang lain kita letak *board, temporary board* di tengah, kita automatik dah ada *social distancing*. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk sama-sama berbahas dalam perbahasan Titah Tuanku pada pagi ini.

Saya mengambil kesempatan awal untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Perikatan Nasional di atas beberapa kejayaan besar yang telah diambil ataupun yang telah diperoleh dalam tempoh pemerintahan 100 hari Perikatan Nasional. Kejayaan dalam memperjuangkan hal ehwal yang berkaitan dengan rakyat khususnya dalam menangani penularan COVID-19 yang telah mendapat respons yang sangat baik di kalangan rakyat berbanding dengan apa yang dicapai 100 hari oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perikatan ini baru dibentuk tetapi kerjasama yang telah terbentuk menampakkan hasil. Penting bagi kerajaan ini mengambil iktibar besar supaya peristiwa 25 Februari yang lalu tidak lagi berulang. Hari runtuhnya Kerajaan Pakatan Harapan kerana perbalahan dan perebutan kuasa di kalangan mereka yang tidak terkawal hingga akhirnya keadaan politik negara menjadi kucar-lana. Mungkin masih ada yang tidak puas hati dan mengelar kerajaan pada hari ini adalah kerajaan pintu belakang, kerajaan tebuk atap dan sebagainya tetapi itu tidak apa, Tuan Yang di-Pertua. Alah bisa tegal biasa. Biarlah luncai terjun dengan labu-labunya.

Tuan Yang di-Pertua, krisis COVID-19 benar-benar telah menguji banyak negara di seluruh dunia. Malah ada negara kuasa besar terjejas akibat penularan wabak ini. Syukur kerana biarpun negara kita masih belum diisytiharkan kemenangan melawan COVID-19, namun setakat ini kita berupaya urus krisis ini dengan baik. Bukan sahaja kes COVID-19 menunjukkan angka mendatar, malah kebajikan dan keselamatan ratusan ribu rakyat kita di dalam dan di luar negara dapat diberi perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan.

Untuk rekod Dewan yang mulia ini, setakat 15 Julai 2020, seramai 23,955 orang rakyat kita yang terkandas di 82 buah negara akibat COVID-19 telah berjaya dibawa pulang ke tanah air. Selain saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada banyak pihak *front-liners*, dengan izin, sama ada pihak kerajaan dan pihak swasta, rakan-rakan negara yang menghulurkan kerjasama dalam memudah cara urusan kepulangan ini, penghargaan juga harus kita berikan kepada petugas Wisma Putra khususnya, *Task Force COVID-19* serta petugas Wisma Putra di seluruh dunia.

Kita menjadi satu-satu negara di dunia yang menerima sumbangan peralatan perubatan terbesar seperti daripada Arab Saudi lebih daripada sembilan juta unit, daripada negara China lebih daripada 300,000 unit dan daripada UAE juga kita menerima bantuan lebih daripada tujuh tan peralatan perubatan terus kepada Wisma Putra untuk diagihkan kepada NADMA dan seluruh rakyat di dalam negara kita.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Luar Negeri bahawa program-program dan langkah-langkah ini harus diteruskan peranan dengan negara-negara luar untuk mendapatkan vaksin bagi COVID-19 ini. Untuk makluman Dewan yang mulia, saya ingin bertanya juga kepada Kementerian Luar Negeri, apakah tindakan berterusan Kementerian Luar Negeri untuk mendepani landskap dunia pasca pandemik ini?

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai hikmah dan pengajaran yang boleh kita ambil daripada wabak COVID-19. Antaranya adalah dari aspek sekuriti bekalan makanan serta sekuriti *stockpile*, dengan izin, bahan perubatan dan kesihatan. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk melihat bukan sahaja hanya berkenaan sekuriti makanan tetapi perlu juga kita melihat kepada sekuriti bahan dan peranti perubatan. Kebergantungan kita kepada import adalah tinggi dalam urusan kesihatan terutamanya peranti perubatan dan barangan pakai habis perubatan.

Dalam keadaan Malaysia yang sudah mula menggiatkan kembali ekonomi, saranan untuk menjemput pelabur-pelabur dalam bidang perubatan ini harus dibuka seluas-luasnya terutamanya kepada pembuatan peranti perubatan dan barangan pakai habis berkaitan dengan pernafasan contohnya tiub pernafasan, pelitup muka, masker oksigen dan juga ventilator. Kerjasama kerajaan dan swasta amat diperlukan untuk melancarkan proses ini.

Sebenarnya banyak pengilang kita dari Malaysia yang mempunyai keupayaan dan termasuk beberapa pengilang adalah pembuat kepada komponen penting untuk kegunaan peranti perubatan bagi kegunaan luar negara seperti Eropah dan Amerika syarikat. Harapan kita bersama adalah untuk melihat dan menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluar peranti

perubatan di Asia di bawah *Asian Rapid Response Program* yang telah dibincangkan dan komitmen yang telah diberikan oleh Perdana Menteri dalam dialog bersama pemimpin negara ASEAN pada bulan April yang lalu.

Kelebihan kita dengan syarikat komponen sedia ada serta polisi kerajaan yang mesra pelabur harus digunakan semaksimum mungkin. Koordinasi dengan kementerian-kementerian terlibat seperti KKM, MITI, MOSTI dan agensi seperti MARA, SME Bank bersama pemain industri yang lain perlu ditubuhkan sekretariat khas untuk melihat kelancaran program yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, terbukti sejak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan pada 22 bulan yang lalu, sudah terbukti bahawa Kerajaan Pakatan Harapan mengambil hutang yang lebih banyak daripada Kerajaan Barisan Nasional seperti yang ingin saya rekodkan di Dewan yang mulia ini. Ketika Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2016 dan tahun 2017, total hutang yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah RM78.8 bilion. Akan tetapi, Kerajaan Pakatan Harapan pada sepanjang tempoh 2018 sehingga Februari 2020, jumlah hutang yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebanyak RM124.5 bilion.

Walaupun hutang yang dibuat dengan begitu banyak, paras saham jatuh, pemberian dividen dan hibah jatuh, pertumbuhan ekonomi juga jatuh. Tidak cukup dengan itu, dalam tempoh 500 hari pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan, lebih banyak aset yang dijual secara lelong.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya ingin mencadangkan supaya.....

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Mencilah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh sekejap lagi?

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Okey.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat tentang adakah berlakunya salah guna kewangan kerajaan semasa Kerajaan Pakatan Harapan. Ini kerana kita semua tahu apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dengan dana pinjaman sebanyak RM124.5 bilion sepanjang pemerintahan mereka dan ditambah pula dengan jumlah dan total kutipan Tabung Harapan yang sehingga kini tidak dibentangkan tentang penggunaan Tabung Harapan yang telah dikutip hampir melebihi RM200 juta.

Tuan Yang di-Pertua, selepas wabak COVID-19, kita telah dapat...

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Tadi kata hendak bagi mencilah. Boleh mencilah?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sekejap.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanyakan tadi ada beberapa perkara yang disebut. Tentang isu hibah itu, misalnya, ia berpunca daripada masalah liabiliti melebihi aset yang telah disembunyikan beberapa tahun dan cuba diperbetulkan oleh pihak Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi, bukankah itu satu perkara yang jelas boleh dibaca dalam keterangan-keterangan yang telah diberikan sebelum ini?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Terima kasih. Pandangan tentang kedudukan hibah dan juga pulangan dividen ini telah banyak dijelaskan oleh Ahli Dewan termasuk Yang Berhormat Menteri. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya memperjelaskan secara *detail* supaya perkara ini dapat difahami secara telus dan *transparent* di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Selepas wabak COVID-19 telah dapat kita redakan, kerajaan tampil pula dengan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan ia adalah merupakan pelan holistik yang mampu mengurangkan beban perniagaan, menyokong kelangsungan ekonomi negara serta menyelamatkan jutaan pekerjaan. Pada masa yang sama, terdapat sedikit kebimbangan terhadap persoalan selama mana kerajaan boleh bertahan untuk menyokong industri untuk menyelamatkan pekerjaan.

Saya melihat Program Subsidi Upah dan Program Insentif Pengambilan Pekerja menerima sambutan yang sangat baik dari industri dan kelihatan telah berjaya menyelamatkan jutaan rakyat daripada kehilangan pekerjaan.

#### ■1240

Pada masa yang sama, kita juga perlu untuk memikirkan tentang keadaan yang bakal berlaku apabila program-program ini tamat. Ramai penganalisis ekonomi meramalkan bahawa impak COVID-19 kepada ekonomi dijangka berlarutan sehingga tahun 2021. Kita wajar untuk mempertimbangkan beberapa perkara demi menyelamatkan lebih ramai rakyat lagi dari hilang punca pendapatan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengunjurkan beberapa cadangan.

Pertama, kerajaan perlu untuk mendahulukan projek-projek yang menggunakan lebih banyak syarikat tempatan dan tenaga buruh tempatan. Ini adalah untuk memastikan segala perbelanjaan kerajaan mampu untuk sampai secara terus kepada industri tempatan dan rakyat.

Kedua, dalam usaha kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi di dalam industri, kita juga perlu berhati-hati. Fokus utama dalam jangka masa pemulihan ekonomi adalah untuk mengekalkan pekerjaan, jangan sehingga teknologi yang kita galakkan penggunaannya menjadikan tenaga manusia sudah tidak lagi relevan kerana kita tahu teknologi kini banyak membolehkan sesuatu proses dilakukan secara automatik tanpa tenaga manusia.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga memperbanyakkan penawaran latihan *reskilling* dan *upskilling* jangka pendek bagi kemahiran yang mampu untuk mengisi bidang pekerjaan yang sedang meningkat permintaannya. Di dalam *2020 Emerging Jobs Report Malaysia* ada menyenaraikan 10 pekerjaan yang mempunyai permintaan yang tinggi di Malaysia antaranya adalah *data scientist*, *digital marketing specialist* dan *cybersecurity specialist*. Saya yakin dalam keadaan krisis pasti masih ada lagi bidang pekerjaan yang kalis krisis dan perlu untuk diisi. Tugas kerajaan adalah untuk mengenal pasti trend pekerjaan serta memastikan para graduan dan tenaga kerja sedia ada memiliki kemahiran yang diperlukan oleh industri.

Keempat, menggalakkan kumpulan peniaga mengambil pekerja tempatan bekerja. Sebanyak 30 peratus daripada tenaga buruh asing di Malaysia bekerja di dalam sektor pertanian. Ini menjadikan sektor pertanian merupakan sektor yang menyumbang bilangan tenaga buruh

asing yang paling ramai di negara ini. Pasca COVID-19 telah mendorong kita untuk mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing. Ini bermakna terdapat banyak peluang pekerjaan yang boleh diisi oleh rakyat tempatan dalam bidang pertanian serta lain-lain bidang.

Berdasarkan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 bahawa walaupun dengan gaji mencecah RM4,000, seseorang individu itu masih dikelaskan sebagai golongan B40 kerana keperluan dan kos sara hidup pada hari ini meningkat terlalu laju, tidak seiring dengan kenaikan pendapatan. Jika kita melihat kepada definisi M40 ia adalah individu yang berpendapatan antara RM4,500 hingga RM10,599. Mungkin bagi sesetengah pihak angka ini dilihat sebagai besar tetapi adakah pendapatan isi rumah ini memberi refleks kepada pemilikan aset golongan M40 ini terutamanya di bandar-bandar besar.

Saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian, adakah terdapat sebarang data dan kajian yang dilakukan oleh pihak kerajaan terhadap pemilikan aset dan hartanah oleh golongan pertengahan ini? Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan nasib golongan pertengahan yakni golongan M40 ini? Mereka tersepit antara dua keadaan, jika hendak memiliki rumah murah yang disediakan oleh kerajaan mereka tidak layak dan dalam masa yang sama jika mereka hendak memiliki rumah yang mahal mereka juga tidak mampu. Oleh itu, saya melihat terdapat keperluan untuk kerajaan menilai dan mengkaji keperluan untuk diwujudkan suatu program khusus untuk membantu golongan pertengahan ini bagi memiliki aset di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada 10 Julai yang lalu kerajaan telah mengumumkan bahawa PGK Malaysia telah dinaikkan kepada RM2,208 seperti yang telah kita maklum. Pertambahan sebanyak 20 kali ganda ini adalah besar namun yang perlu saya inginkan penjelasan ialah apakah bentuk bantuan khusus yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk golongan yang seramai sekitar 388,788 isi rumah yang termasuk di dalam kategori miskin apabila PGK baharu ini diperkenalkan? Saya berpendapat apa pun kaedah kerajaan untuk membantu kumpulan ini ia mestilah program yang mampu membantu mengatasi masalah miskin bandar. Saya percaya majoriti dari isi rumah yang baru termasuk dalam kategori ini yang tinggal di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menghabiskan perbahasan di minit yang terakhir ini berkaitan dengan perkara yang timbul di kawasan Parlimen Jelebu. Pertama, saya ingin mencadangkan supaya perancangan dan juga isu yang berkaitan dengan pelebaran jalan Jelebu ke Hulu Langat seperti yang telah saya sebut berkali-kali di Dewan yang mulia ini dapat diterjemahkan secepat mungkin oleh pihak kerajaan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri KKR yang telah mengambil tindakan awal dalam melaksanakan, *insya-Allah* untuk menterjemahkan supaya perancangan jalan Jelebu-Hulu Langat ini dapat kita laksanakan.

Perkara kedua ialah masalah empangan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian yang telah melawat MARDI, pusat *research* ataupun pusat *research* MARDI di Jelebu pada dua bulan yang lepas tetapi masalah yang saya ingin timbulkan ialah di dalam pusat MARDI ini kita ada



empangan yang mempunyai kapasiti kolam sebanyak 375,000 meter padu persegi. Kolam yang telah dibuat pada tahun 2001 dan keadaannya yang tersangat uzur.

Tanpa lengah, *without any delay* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Immediate action* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kolam dan empangan ini mesti dilaksanakan secepat yang mungkin kerana kolam ini mempunyai keadaan yang sangat teruk dan sangat uzur dan boleh – adalah merupakan seperti *time bomb* dengan izin. Boleh meletup pada bila-bila masa. Kalau kolam ini meletup Tuan Yang di-Pertua, sebanyak lima kampung; Kampung Seri Juntai, Kampung Sungai Buloh, Kampung Bemban, Pekan Simpang Durian, Pekan Durian Tipus akan tenggelam.

Ini adalah merupakan satu perkara yang tidak harus dan tidak mungkin berlaku dalam atas kelalaian yang kita sengaja lakukan kerana kekangan dan kekurangan peruntukan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya empangan ini yang memakan kos lebih kurang RM2 juta supaya dapat dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam keadaan segera mungkin.

Perkara ketiga adalah cadangan FELDA memberi kebenaran kepada tanah-tanah FELDA yang terbiar, tanah-tanah yang tersepit untuk dianugerahkan dengan bayaran minimum, premium yang minimum untuk diberikan kepada generasi kedua FELDA, anak-anak kedua FELDA, anak-anak muda FELDA supaya mereka tidak berhijrah keluar daripada kawasan FELDA terutamanya bagi kawasan Parlimen Jelebu dan Jempol, jiran saya.

Isu ketiga Tuan Yang di-Pertua, adalah berkenaan dengan isu kelewatan pembayaran hasil peneroka yang sampai hari ini tidak boleh diselesaikan oleh pihak kerajaan. Peneroka akan menerima bayaran dalam tempoh 15 hari. Kebiasaannya selepas siap menuai padi, peneroka terima bayaran dalam tempoh 15 hari. Namun pada bulan Mei sehingga kini peneroka terpaksa menunggu hampir satu bulan untuk menerima bayaran. Hal ini banyak memberi kesan kepada kewangan peneroka yang sememangnya pendapatan mereka banyak bergantung kepada hasil tuaian mereka. Saya ingin memohon untuk kerajaan mengambil berat akan permasalahan ini agar dapat diselesaikan segera.

Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan kelewatan pembayaran siap kerja dari pihak Felda Technoplant Sdn. Bhd. (FTP) kepada kontraktor perladangan. Pembayaran akhir yang diterima adalah pada bulan Mac. Akibat daripada kelewatan pembayaran ini terdapat sebahagian kontraktor yang telah memberhentikan operasi mereka yang secara tidak langsung hasil peneroka tidak dapat dikeluarkan. Perkara ini pastinya menjejaskan pendapatan peneroka. Oleh itu saya mohon pihak kerajaan untuk meneliti dan memastikan pembayaran kepada kontraktor perladangan ini dibuat dengan segera, bersekali dengan bayaran-bayaran yang tertangguh. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, gulung.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Hendak tutup ini Tuan Yang di-Pertua. Saya memang ikut *time*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya ingatkan masa.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya tak pernah langgar kata Tuan Yang di-Pertua Dewan. *[Disampuk]* Seterusnya dan yang terakhir adalah berkenaan dengan isu yang berkaitan

dengan ECRL. Saya hendak minta dalam masa yang paling singkat ini Tuan Yang di-Pertua, minta kerajaan supaya timbang walaupun ada suara nakal mengatakan ECRL buat di Jelebu akan menjadi *white elephant*, dengan izin. Akan tetapi kita harus ingat ini adalah salah satu pembelaan kepada masyarakat luar bandar melibatkan kegiatan ataupun peningkatan ekonomi masyarakat luar bandar.

Kita harus ingat mereka juga memerlukan pembangunan termasuk yang berkaitan dengan yang telah dirancang oleh kerajaan yang sebelumnya. Seperti kata Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, apa yang dilakukan oleh kerajaan sebelum ini yang baik untuk rakyat harus kita kekalkan.

Maka sebagai Ahli Parlimen Jelebu, saya mohon laluan jajaran asal ECRL melalui jalan Jelebu, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur ini dapat kita kekalkan. Dengan kata-kata itu, saya dengan ini menyokong usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. *[Tepuk]* Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuaran.

■1250

**12.50 tgh.**

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahar Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Yang di-Pertuan Agong daripada Yang Berhormat Pontian.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku telah menzahirkan beberapa kebimbangan dan juga keprihatinan dalam Titah Diraja tersebut. Antara perkara yang penting yang telah disebut adalah berkenaan dengan jurang pembangunan di antara Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung. Juga disebut ialah berkenaan dengan polarisasi kaum dan Tuanku sangat prihatin tentang hal-hal yang berkaitan dengan kebebasan beragama. Juga, perkara-perkara berkaitan pelaksanaan infrastruktur di negeri Sabah dan juga masalah ekonomi, sosial, keselamatan akibat daripada kebanjiran PTI di negara ini. Tuanku juga prihatin tentang pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 khususnya berkaitan dan pelaksanaan nanti Rancangan Malaysia Kedua Belas. Yang amat penting juga ialah berkenaan dengan membanteras amalan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua keprihatinan dan kebimbangan Tuanku ini, semuanya adalah berkaitan dengan urus tadbir dalam berbagai perkara dalam negara kita ini. Dalam kesempatan 20 minit yang diberikan dalam perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut pertamanya, berkenaan dengan urus tadbir pendidikan. Dalam hal pendidikan dan khususnya di negeri Sabah, terdapat daripada 1,299 sekolah di seluruh negeri Sabah, terdapat 908 sekolah yang tidak mempunyai OC. Sekolah-sekolah ini termasuklah sekolah yang telah dibina sebelum pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Daripada itu juga, sebanyak 150 buah sekolah yang tidak mempunyai *title*, tidak mempunyai geran. Daripada itu juga, terdapat

sebanyak 446 sekolah daif dan daripadanya, 52 buah sekolah telah pun diisytiharkan oleh JKR sebagai tidak selamat dan masih banyak lagi sekolah yang belum diperiksa oleh JKR.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberi fakta-fakta ini hanya kerana Kerajaan Sabah telah buat keputusan untuk menubuhkan Kementerian Pelajaran dan Inovasi. Jika tidak, kita tidak mempunyai maklumat ini. Saya sudah sekian lama berada di Dewan yang mulia ini dan saya telah banyak membangkitkan hal pendidikan, tetapi kita tidak mempunyai maklumat-maklumat ini semua.

Tuan Yang di-Pertua, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah hanya berkuasa dalam hal-hal ehwal guru dan juga hal-hal kurikulum. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah tidak mempunyai kuasa dalam hal-hal pembangunan dan juga hal-hal penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah. Bagaimanakah seorang pengarah yang mengawal selia sebanyak 1,299 buah sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negeri Sabah tidak diberi kuasa? Syukur tuan-tuan dan puan-puan dan Tuan Yang di-Pertua, kerana kita telah mewujudkan Kementerian Pelajaran dan Inovasi Kerajaan Negeri Sabah dan terima kasih juga kerana pegawai-pegawai daripada kementerian daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah datang dalam '*camp*' yang diadakan. Kita dapat mengenali ini semua, kita dapat mengetahui ini semua dan yang pelik, paling parah, kita juga dimaklumkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya enam buah sekolah yang telah dikenakan kompaun oleh PBT dengan jumlah RM12 juta kerana sekolah ini dibina tanpa *development plan*, tanpa DP..

Jadi dengan ini, jelas bahawa hal-hal urus tadbir pendidikan di negara ini dan khususnya Kementerian Pendidikan, tidak mempedulikan hal-hal yang sangat-sangat penting iaitu berkeadaan prasarana dan infrastruktur pendidikan termasuklah hal-hal keselamatan pelajar. Di kawasan saya di Tuaran seperti mana yang saya tanya dalam Pertanyaan-pertanyaan Menteri bahawa bangunan SMK Tun Fuad dan asramanya sudah diisytiharkan oleh JKR sebagai tidak selamat, tetapi masih juga digunakan. Jawapan Menteri hari itu menyatakan ada peruntukan RM1.5 juta dan kita sambut baik. Penduduk di kawasan di hulu khususnya begitu gembira dengan pengumuman itu, tetapi pada masa yang sama saya telah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Persekutuan telah membuat keputusan untuk menarik balik sekurang-kurangnya RM300 lebih juta yang dikhususkan untuk pendidikan infrastruktur di negeri Sabah. Setelah Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Pelajaran Sabah meminta supaya tolonglah peruntukan yang telah disediakan ini dilaksanakan dan sebagainya, saya difahamkan RM104 juta masih lagi mahu ditarik balik hanya atas-atas alasan tidak sempat dilaksanakan dan sebagainya. Saya mohon supaya sekolah-sekolah yang telah diisytiharkan tidak selamat ini berilah keutamaan supaya ia diselenggarakan dan pastikan supaya tidak ada apa-apa keadaan musibah berlaku di sekolah-sekolah yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan dalam hal pendidikan ini sekali lagi memberi peringatan kepada kita dengan jelas bahawa apabila pemimpin-pemimpin silam kita berbincang pembentukan negara kita Malaysia pada tahun 1963, mereka telah pun melihat betapa pentingnya adanya autonomi Sabah dan Sarawak dalam hal-hal urus tadbir termasuklah

pendidikan. Malah, pendidikan pada ketika itu telah dikhususkan untuk diurus tadbir dan dilaksanakan oleh Kerajaan Sabah sendiri. Cumanya pada tahun 1971, hal pendidikan diserahkan kepada Persekutuan. Seperti biasa apabila sesuatu diserahkan kepada Persekutuan oleh Kerajaan Negeri Sabah, ini dibuat dengan harapan Kerajaan Persekutuan akan dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik-baik mungkin. Akan tetapi jelas apa yang saya katakan tadi, bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua, 900 lebih buah sekolah tidak ada OC, DP pun tidak ada. Jangan apabila kita lihat dari segi keputusan peperiksaan kalau ada 18 buah negeri di Malaysia ini, barangkali Sabah ini nombor 18. Memang uncit atau 19, kita memang nombor 16. Bagaimana dengan prasarana seperti ini?

Kemudian, begitu juga barangkali apabila kita serahkan kepada Persekutuan bekalan elektrik, *let say* kita serahkan dulu dengan harapan yang sama, hari ini apa yang sudah jadi? SAIDI di negeri Sabah 200, di peringkat Semenanjung 50, yang 50 SAIDI di Sabah hanya di *Kota Kinabalu Industrial Park* sebab kita telah mengambil langkah-langkah tertentu. Ini bererti sesuatu yang kita serahkan dia tidak dapat sempurnakan, tidak dapat urus tadbir termasuk juga apa yang disebut oleh Yang Berhormat Labuan. Labuan diserahkan kepada Persekutuan dengan harapan supaya Labuan dengan jauh lebih maju, tetapi apa yang berlaku dengan Labuan?

Oleh sebab itu pada hari ini trendnya, kita mahu autonomi. Yang kita serahkan tidak ditadbir dengan elok, kita minta balik. Labuan kita minta balik sebab kita mampu untuk mentadbir. *[Tepuk]*. Elektrik yang kita serahkan tidak dapat urus tadbir, bagi balik kepada kami supaya kita dapat urus tadbir dengan baik. Begitu juga dengan hal-hal pendidikan. Tentunya kerajaan Sabah, Kerajaan Persekutuan kita mesti bekerjasama sebaik-baik mungkin seperti mana dalam Perjanjian Malaysia itu sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan sekarang sudah jam telah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari, saya menangguhkan mesyuarat.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Berapa minit lagi saya ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekarang kita sambung pukul 2.30 petang.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Jadi, berapa minit saya ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** 10 minit.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** 10 minit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan sambung selepas ini.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]***

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

### 2.32 ptg

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta untuk dikira kuorum.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kita cukup kuorum untuk mulakan sidang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya baru beri arahan untuk Bentara mengira kuorum. Tunggu sebentar.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Kita hendak kerajaan ada sini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kerajaan pun tidak ada, apa boleh buat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dia akan dirakam. Yang penting kuorum seramai 26 orang ke atas.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Lima orang sahaja pihak kerajaan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Langkawi pun tunggu lama sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, kuorum telah mencukupi melebihi seramai 26 orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada seramai 30 orang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuaran untuk menyambung perbahasannya. Baki selama 10 minit 22 saat. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Bintulu. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Langkawi. Dipersilakan Yang Berhormat Tuaran.

### 2.34 ptg.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan. Saya akan meneruskan dengan bahaskan tentang urus tadbir kewarganegaraan. Dalam Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 2, telah dinyatakan bahawa sejumlah 95.6 peratus daripada pelancong-pelancong warga China yang datang ke negara ini tidak ada rekod tarikh keluar.

Pada masa yang sama juga, terdapat sejumlah 96.5 peratus daripada seramai 41,293 orang pelancong warga India yang datang ke negara ini tidak ada rekod keluar. Dalam laporan Ketua Audit Negara tahun 2018 Siri 3 yang baru dibentangkan dalam sesi Parlimen pada kali ini melaporkan bahawa seramai '214,398' atau sejumlah 23.5 peratus daripada seramai 912,374 orang warga asing masuk ke Malaysia tidak ada rekod keluar.

Selain daripada ini, Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah— dan saya pun telah menyebut beberapa kali di Dewan yang mulia ini tentang pertumbuhan penduduk di negeri Sabah yang luar biasa. Ini semuanya menunjukkan bahawa ada kecelaruan. Ada kecelaruan dalam urus tadbir

imigresen kita. Apabila ada berita yang melaporkan bahawa ada dalam kalangan orang-orang ini telah mendapat kad pengenalan. Memang kalau di negeri Sabah ini sudah sekian lama. Yang telah menyebabkan kita mengatakan bahawa inilah antara faktor-faktor yang telah memberi sumbangan terhadap pertumbuhan penduduk luar biasa negeri Sabah.

Inilah sebabnya pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua, ada petisyen supaya kad-kad pengenalan rakyat Malaysia di seluruh Malaysia ini ditarik balik dan kita ganti dengan yang baharu. Ditarik balik dan diganti dengan yang baharu dengan tujuan membanteras kad-kad pengenalan telah dikeluarkan secara rasuah. Ini kerana, memang sudah ada bukti-bukti menunjukkan bahawa ada insiden rasuah dalam urus tadbir kewarganegaraan kita.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya telah membuat satu usul di dalam Dewan ini, saya tidak tahu ia usul nombor enam, sampai atau tidak. Akan tetapi, saya ingin mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya kerajaan mengambil perkara ini secara serius. Secara serius kerana, Tuan Yang di-Pertua, hal-hal mengenai kewarganegaraan ini adalah sangat-sangat penting sebab di sinilah bermulanya apa yang dikatakan kalau kita memperjuangkan hal kesejahteraan warga Malaysia ini.

Kalau kita memperjuangkan hal kemakmuran, dia bermula kepada dalam hal-hal kewarganegaraan. Pada masa yang sama, seperti mana yang saya katakan lebih awal tadi, Tuanku juga sangat prihatin tentang urus tadbir pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional. Dalam hal ini, sepatutnya agensi yang menguatkuasakan hal-hal rasuah ini, SPRM dan sebagainya.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Yang Berhormat Tuaran, sedikit boleh?

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Sebentar ya. Nanti saya akan bagi peluang.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Sedikit sahaja, Yang Berhormat Tuaran. Boleh?

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Saya ada 10 minit sahaja. Sepatutnya SPRM ini menumpukan perhatian kepada agensi-agensi yang memang telah dilaporkan dalam rasuah seperti yang saya nyatakan ini. Akan tetapi, sekarang ini di negeri Sabah tiba-tiba seramai 40 orang pegawai SPRM daripada Kuala Lumpur datang ke Sabah dan menyiasat wakil-wakil rakyat, sampai ke rumah dan sebagainya. Itu pula yang disiasat. Kenapa pula tidak disiasat hal-hal berkenaan dengan perkara yang memang sudah dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dan sebagainya. Oleh sebab itu, itu saya ingin mencadangkan dalam hal supaya segala kecelaruan dalam urus tadbir laporan Ketua Audit Negara masa akan datang, tumpukanlah hal-hal seperti ini— urus tadbir kewarganegaraan. Selain daripada itu, saya juga menyebutkan tadi hal-hal pendidikan supaya ditumpukan perhatian kepada bagaimana perkara yang saya sebutkan dalam pertama, iaitu urus tadbir pendidikan di mana sampai ratusan sekolah yang tidak ada 'OC', tidak ada 'DP' dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meneruskan perbahasan ini dalam hal-hal yang berkaitan dengan urus tadbir dalam institusi akar umbi negara kita. Sistem kerajaan kita, kita ada

Kerajaan Persekutuan, lepas itu kita ada kerajaan negeri, lepas itu kita ada kerajaan di peringkat daerah dan kita juga ada kerajaan di peringkat kampung iaitu MPKK.

■1440

Peringkat nasional Malaysia, kita ada hanya satu Perdana Menteri, negeri hanya satu Ketua Menteri, di peringkat daerah kita hanya seorang pegawai daerah, satu pengerusi PBT dan sebagainya dan di kampung juga hanya satu orang pengerusi MPKK. Akan tetapi hari ini di negeri Sabah, kita difahamkan ada ura-ura untuk menubuhkan satu lagi *parallel* JKK yang baharu. Ini bererti dalam sebuah kampung akan ada dua orang ketua. Seorang pengerusi MPKK, satu lagi pengerusi entah apa nama dia, JKK Persekutuankah begitu. Kalaulah ini dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua, saya fikir bukan keharmonian dicari, bukan kemakmuran yang dicari tetapi saya ingat perbalahan dan porak peranda di kampung yang dicari.

Sebab itu saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua supaya janganlah. Cukuplah hanya institusi di akar umbi, cukuplah ada MPKK yang ada sekarang. Kalau mana-mana penduduk di kampung itu yang berminat untuk menjadi pengerusi atau menjadi pemimpin di peringkat kampung, senang saja, bertanding sahaja. Akan tetapi tidak payahlah mewujudkan satu lagi institusi di peringkat kampung ataupun apa yang dipanggil sebagai JKK Persekutuan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang beberapa perkara di kawasan saya yang sangat penting untuk diambil tindakan oleh pihak kerajaan. Pertamanya, sekali lagi bangunan-bangunan sekolah tetapi khusus untuk ini ada sebuah bangunan sekolah di kawasan saya bernama SMK Nabalu yang memang sudah pun dibina dahulu setengah jalan tetapi oleh kerana masalah tapaknya dan sebagainya sebab memang tidak ada dia punya DP dan sebagainya, lepas itu di-*abandon* dan dipindah ke satu tempat. Saya mohon supaya— mohon bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, beri penjelasan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan supaya sekolah SMK Nabalu ini dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Saya juga ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini tentang jalan-jalan raya luar bandar yang sangat penting untuk dinaik taraf dan saya boleh bagi beberapa contoh Jalan Togop Hamat dan sebagainya, sampai ke Puturedang yang sudah suatu ketika dahulu sudah pun diumumkan peruntukan sampai RM100 juta. Apa sudah kesudahan dengan jalan-jalan seperti ini.

Begitu juga dengan pembinaan kemudahan pemancar luar bandar di kawasan Parlimen Tuaran. Saya ingin tahu, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian kerajaan iaitu Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk memastikan supaya di seluruh kawasan Parlimen Tuaran ini akan mendapat akses internet yang stabil terutama sekali di mana terdapatnya bangunan-bangunan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan ini, saya ingin sekali lagi menyatakan agar pihak kerajaan dan khususnya di sini, saya ingin menyebut supaya pihak Audit Negara dapat di masa-masa akan datang menumpukan perhatian kepada semua keprihatinan dan kebimbangan Tuanku dalam Titah Diraja pada kali ini dan supaya diambil kira sebab dalam laporan audit kali ini dibentangkan di Parlimen ini ada perkara-perkara yang penting juga tetapi

ada yang jauh lagi penting. Contohnya adalah Laporan PUIC Lahad Datu. Tidak ada masalah di sana. Laporan audit mengenai SEDCO yang dibentangkan tidak ada masalah di sana. Akan tetapi tidak pula dinyatakan masalah-masalah yang sebut tadi berkenaan dengan bangunan-bangunan sekolah. Lepas itu hal-hal urus tadbir kewarganegaraan, itu pula tidak disebut dan sebagainya.

Begitu juga dalam hal-hal yang berkaitan dengan perpaduan yang Tuanku begitu bimbang. Saya ingin mengambil kesempatan dalam perbincangan ini, apa sudah jadi dengan Pastor Raymond Koh. Di manakah sudah beliau? Adakah sudah ditemui dan sebagainya? Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya juga ingin bertanya, apakah kesudahan terhadap beberapa kes-kes yang berkenaan dengan kalimah Allah yang sudah pun dibawa di mahkamah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bintulu. 20 minit.

**2.45 ptg.**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi sama saya peluang ingin berbahas dalam ucapan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda semasa pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas.

Tuan Yang di-Pertua, kita wabak COVID-19, dalam masa zaman bulan November 2019 sudah mula di negara kita. Akan tetapi dalam masa itu kita tidak ambil apa-apa keputusan ataupun tindakan yang serius atas pesakit COVID-19 ini. Kita dalam masa itu, dalam kerajaan PH kata kita tidak boleh buat apa-apa tindakan fasal kita hendak pelancong-pelancong masuk ke negara kita. Walaupun kita sudah ada *confirm* ataupun kes-kes COVID-19 dalam hospital.

Dalam masa itu kita hendak mencegahnya tetapi rakyat punya nyawa kita tidak berapa ambil serius. Sampai kita, 10 hari bulan, kerajaan kita ditubuh baharu. Lepas tubuh baharu, barulah kita ambil tindakan yang serius dan juga rakyat kata kali ini terima kasihlah Tuhan Allah membantu...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(12), mengelirukan Dewan. Yang Berhormat Bintulu membuat ucapan seolah-olah Kerajaan Pakatan Harapan tidak mengambil tindakan untuk sebelum sewaktu kita menjadi kerajaan. Seolah-olah kita tidak mengendahkan ataupun tidak mengambil langkah-langkah berkenaan dengan penyakit COVID-19 ini. Itu adalah tidak benar.

Ucapan ini seolah-olah menunjukkan hanya Perikatan Nasional saja yang mengambil berat tentang penyakit ini. So saya mohon supaya Yang Berhormat Bintulu dinasihatkan supaya



lebih ikhlas dalam membuat ucapan. Kita tahu mantan Menteri Kesihatan telah pun menyediakan langkah-langkah yang perlu diambil. Kita tidak membenarkan penyakit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita— tuduhan yang dibuat oleh beliau seolah-olah kita membenarkan pelancong-pelancong masuk tanpa menghiraukan penyakit ini daripada merebak. Saya minta supaya beliau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Dinasihatkan supaya lebih ikhlas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Dalam membuat ucapan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Bintulu bagi ulasan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Itulah saya kata kadang-kadang kita jangan kongkalikung. *Check* dulu apa kita sudah cerita dalam masa Kerajaan PH. Barulah cerita. Itu surat khabar mesti ada, sosial media rekod semua ada. Apa mahu lawan. Lawan apa guna. Ini cerita saya cakap benar.

Kita sekarang dalam masa 10 hari bulan kita tubuh kerajaan. Pada 18 hari bulan kita buat *lockdown*, itulah kerajaan...

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Rakyat kata ucap terima kasih kepada kerajaan...

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Bintulu...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Perikatan Nasional.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak payahlah. Itu buang masa. Nanti aku punya masa habislah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Cerita, cerita benar punyalah. Jangan buat publisitilah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita sekarang...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, atas isu peraturan yang sama...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Dalam— tidak payahlah ini *standing order*. Apa ini *standing order* sahaja.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Kita tahu Pengarah Kesihatan mengamalkan semua arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh mantan Menteri Kesihatan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini saya berbahas, bukan dia berbahas.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Pelan-pelan tindakan telah dikeluarkan oleh mantan Menteri Kesihatan yang diamalkan oleh Pengarah Kesihatan. So janganlah ambil kredit...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini rakyat kata...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua ini ucapan Yang Berhormat Bintulu. Tunggulah dia berucap, ulaslah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Atas isu peraturan. Tidak boleh, tidak boleh mengelirukan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong, penjelasan telah dibuat oleh Yang Berhormat Bintulu. Saya minta Yang Berhormat Bintulu teruskan ucapan.

#### ■1450

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya kata rakyat ucap terima kasih. Tuhan Allah tolong kerajaan ditukar, masuk Perikatan Nasional. Barulah dalam masa 18 Mac 2020 buat *lockdown* terus. Kita ambil tindakan-tindakan yang cukup berkesan dan sempurna. Rakyat ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ahli Parlimen Pagoh dan seluruh yang terlibat yang telah berkhidmat bagi menangani wabak COVID-19. Rakyat ucap terima kasih. Akan tetapi dia kata janganlah ada-ada kelemahan kita, jangan melupakan dinaik taraf. Memang ada beberapa perkara saya hari ini hendak sentuh daripada mesej-mesej daripada rakyat.

Rakyat kata kali ini kita mesti mengubah kita punya prosedur ataupun sistem kita. Dalam bila bencana ataupun kecemasan, janganlah kita ikut terlampau banyak prosedur. Kita mestilah ikut apa sebenarnya bencana. Dalam sistem ini, kita mesti ambil tindakan disegerakan. Kita boleh nampak kali ini kita *frontliners* punya...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Peralatan itu semua banyak lambat baru sampai. Bila kita bercerita sama MKN, MKN menunggu sama Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan mahu ikut dia punya sistem dan proses hendak membeli ini barang semua. Kenapa MKN tidak ambil alih terus daripada agensi-agensi ataupun daripada kementerian mana-mana kuasa? Terus MKN uruskan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya bersetuju dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Nanti sekejap Yang Berhormat Muar ingin mencelah. Yang Berhormat Bintulu? Bagi laluan? Baik.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya bersetuju dengan ucapan beliau di mana kita perlu memudahkan proses. Saya ingin mengambil kesempatan kerana Yang Berhormat Menteri Kesihatan pun ada di sini.

Sambil kita terhutang budi kepada *frontliners* di seluruh Malaysia, ada banyak rintihan yang disampaikan oleh *medical professionals* di mana sebagai contohnya di Hospital Muar. Agak sukar untuk mereka dapatkan elaun khas COVID-19 kerana tatacara ataupun SOP yang diguna pakai— walaupun saya dimaklumkan SOP telah pun ditambah baik di mana mereka patut mendapat RM600 tambahan sebulan elaun COVID-19. Akan tetapi kerana tindakan yang diambil oleh segelintir pihak di peringkat hospital itu sendiri, agak sukar untuk mereka dapat elaun COVID-19 tersebut. Saya dimaklumkan ini bukan sahaja di Hospital Muar, turut diguna pakai di hospital-hospital lain.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan boleh ambil maklum dan Yang Berhormat Bintulu boleh tolong bangkitkan juga kerana Yang Berhormat Bintulu bangkitkan soal prosedur. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Muar, sila Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini cadangan yang baik. Saya memang setuju. Yang Berhormat Menteri Kesihatan pun ada sini. Dia memang hendak ambil ini perkara berat. Inilah kita harap jangan kita ubah itu sistem, bila nanti OT keluar ada apa-apa silap sikit sini sana, nanti pembangkang lagi kongkalikung hentam lagi kiri kanan. Kita mesti mahu bersama-sama dinaik taraf mana-mana birokrasi ataupun mana-mana kelemahan ataupun mana-mana sistem kita hendak naik taraf, mestilah mahu kerja-sama. Barulah nyawa rakyat kita dapat dijamin.

Fasal dalam masa itu PPE itu semua memang lambat. Macam di Sarawak, PPE dapat daripada Kerajaan Persekutuan sampai akhir sudah COVID-19 barulah sampai. Memang hendak sekarang orang kata *second wave* tetapi harap-harap bukan *second wave*-lah. Cuma signal-signal ataupun dalam masa *test* ini kita 16 Julai 2020 kita dengar *rapid test kit* antigen ataupun RTK-Ag ini tidak berapa sesuai. *Test* ini berapa orang telah melalui transit daripada luar negara ke Sarawak. Akan tetapi akhir sekali di sini tiada, tetapi sampai Bintulu ada. Sampai Kuching pun gunakan PCR *test* memang positif.

Inilah saya harap ini saya memohon Yang Berhormat Menteri atas ini *rapid test kit* antigen ini, saya harap jangan dipakai. Selalu kita hantar salah signal kepada semua rakyat, semua okey. Nasib di Sarawak mereka masih kuarantin di hotel. Kalau tidak ini balik rumah pusing satu *round* ataupun di rumah panjang pusing satu *round*. Ha, semua orang akan menari itu. *[Dewan ketawa]* Bukan berlari, menari di rumah panjang.

Saya berharap ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan ambillah prihatin atas isu ini dan juga pegawai, saya bagi satu contoh, pegawai kesihatan bahagian Bintulu. Kita sudah bagi suara rakyat punya suara, minta dia ditukar, apa-apa sebab dia dalam surat saya sudah dijelaskan. Kita boleh tanya di bahagian Bintulu, Pejabat Residen, macam-macam masalah. Baru-baru ini satu kes lagi daripada Kapar, dia pun tidak ikut SOP, kamu orang dia tidak tangkap. Dia buat dia

sendiri punya cara. Ini saya difahamkan, *state disaster committee* pun banyak sedih perkara ini berlaku.

Juga dalam masa COVID-19, kita minta di kawasan-kawasan mana ada COVID-19 minta *test infection*, dia tidak mahu bekerjasama. Dia kata kakitangan tak cukuplah, macam-macam cerita. Akan tetapi dalam masa Pakatan Harapan kalau mahu tangkap orang merokok, pegawai boleh mari, berlori-lori datang. Mana COVID-19 punya masa itu pegawai semua pergi? Itulah rakyat kata, ini nampaknya jabatan kesihatan tidak begitu serius, tidak ambil berat atas ini COVID-19. Ini saya minta Yang Berhormat Menteri ada, disegerakan, tolonglah pindah Pegawai Kesihatan Bahagian Bintulu. Ini bukan suara daripada saya sebagai Ahli Parlimen, daripada rakyat Bintulu minta disegerakan, dipindah, tukar orang yang lebih proaktif *and efficient* dengan izin, datang di Bintulu berkhidmat.

Juga, isu ini satu saya sudah tulis surat kepada Kementerian Kesihatan melalui KSU. Minta kita sudah ada rakyat-rakyat derma PCR *lab* ataupun makmal PCR di Hospital Bintulu. Akan tetapi masalah dia, sekarang kakitangan tiada. Kakitangan kekurangan 10 orang ataupun Pakar Mikrobiologi pun tiada. Kita minta, tetapi tidak ada. Pegawai Perubatan, minta dua jawatan pun tidak datang. Pegawai Sains seramai dua pegawai pun tidak datang, Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) empat orang pun tidak datang. Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) satu orang pun tidak datang, semua tidak datang.

Jadi saya mintalah Yang Berhormat Menteri, kita rakyat Bintulu minta pertolongan isilah pegawai-pegawai yang sepatutnya mahu kena isi. Ini kerana Bintulu kita nampak juga Yang Berhormat Menteri pun tahu berapa kes sudah ada meningkat sikit dari luar ataupun pegawai ataupun pekerja daripada luar negeri. Saya harap kita faham juga dengan kesihatan kawasan Bintulu *is a heavy industrial area*, dengan izin. Saya harap kita bolehlah mengingatkan kementerian kita, tolonglah bantu apa yang sepatutnya mahu buat untuk kawasan Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu soalkan isu ini mengenai SME. SME ini memanglah daripada rakyat pun ucap terima kasih SME. Satu SME pun mengucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membantu dan memberi peluang sama-sama mereka moratorium selama enam bulan dalam *financial sectors* ataupun *financial needs* dengan izin, tetapi sampai 30 September 2020.

#### ■1500

Akan tetapi banyaklah pihak-pihak SME merasakan dalam ini enam bulan sampai 30 September 2020 masih lagi tidak mencukupi untuk sama dia orang ataupun *turn around* ataupun dia orang boleh membayar apa-apa hutang kepada bank. Kalau boleh, dia orang hendak minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nilai dan membantu lagi bagi atas kewangan kepada SME ataupun tolonglah kasi bantu sepatut apa mahu bantu.

Saya berharap juga bank-bank boleh bekerjasama. *I quote* ini, rakyat bagi sama saya, “*Bank Negara ataupun...*”, saya baca dia punya, Bank Negara punya mesej. “*Earlier, Bank Negara was quoted as saying that the banks stood ready to assist borrowers in a more targeted manner and have reached out to borrowers to offer various type of forms of repayment assistance*

*including payment of interest only, lengthening of loan tenure and flexible repayments*”, dengan izin ini.

Saya berharap ini Kementerian Kewangan boleh *set in* membantu. Itu hari saya ada nampak pengumuman daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan kata *leave it to the bank to decide*, dengan izin. Saya berharap Kementerian Kewangan janganlah *leave it to the bank to decide*, dengan izin. Kalau *leave it to the bank*, memanglah itu SME kena tunggu mati sahaja, masuk kuburan sahaja. Mana bank mahu tunggu punya? Bank mesti lanyak habis-habisan. *We as a government, we must stand firm* bantu apa sepatutnya kita membantu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sentuh lagi satu isu infrastruktur. Saya memohon ini Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ambil perhatian dan ambil perkara ini serius. Ini lebuhraya LLPU ini memang daripada zaman Barisan Nasional sudah lulus ini projek, tetapi dalam pelaksanaan, ada banyak tidak ikut *specification* ataupun sepatutnya kerja-kerja ini ditentukan. Apabila dia orang melaksanakan ini projek, kontraktor-kontraktor sepatutnya kita janji. *It is a first-class contractor* dengan izin, tetapi bila melaksanakan ini projek, itu kontraktor pun dua kali lima sama.

Kita banyak kali sudah soal penyelenggaraan jalan raya. Sekali kala dia orang buat, tetapi dalam isu keselamatan jalan raya, dia orang tidak ambil perhatian. Kita tiada, *I mean* itu *lighting* untuk malam pun tidak ada. Untuk isu keselamatan, tidak dikawal. *We never bothered*. *Signage* tidak ada. Bila kita buat *diversion*, tidak ikut *specification*. Kalau dua kereta lalu, memang langgar punya. Tadi kita sudah soal ini isu banyak kali. Saya haraplah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya boleh dapat satu penjelasan dan jaminan kepada pengguna-pengguna jalan, bagi dia orang punya nyawa boleh terjamin. Jangan kita dibiarkan sahaja isu-isu ini. Banyak kali rakyat sudah sentuh, rakyat sudah bising, kita pun buat tidak tahu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun mahu sentuh itu satu *crossroad* daripada Bintulu ke Samalaju. Memang kita sekarang *two-way* jalan biasa, saya mahu minta ini jalan boleh dinaiktarafkan kasi dua *garage ways*. Juga, ini jalan kalau boleh sekarang tiada peruntukan, boleh masuk Rancangan Malaysia Ke-12. Bagilah bantu ini kawasan dikurangkan kemalangan di atas jalan raya fasal ini banyak *heavy truck* dengan izin, mengguna ini jalan dan juga dia orang ada banyak lori, semua lalu sana. Itulah saya minta peruntukan diagihkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sekejap, mahu habis. Tuan Yang di-Pertua, ini satu isu paling mustahak untuk isu nelayan tempatan. Saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan ataupun ini jabatan KPMM.

Tuan Yang di-Pertua, saya cakap itu *many time*. Saya cukup sedih bila saya banyak kali saya terima aduan daripada nelayan, nelayan cukup bising. Banyak negara jiran punya kapal masuk, nelayan dari negara-negara jiran. Bukan satu negara, banyak negara masuk tetapi masalah agensi-agensinya daripada kita punya kerajaan, kita tidak boleh nampak. Semua rakyat

boleh nampak, nelayan boleh nampak, agensi tidak boleh nampak. Bila dia minta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan membantu, tidak ada siapa tahu. Pegawai bila dia orang telefon, pegawai buat dia orang macam bola, tendang sini dan tendang sana. Ini maritim pun sama. Bila dia orang bagi tahu, esok itu nelayan memang mati punya. Bila dia pergi laut, memang maritim ikut. Kalau dia silap sikit, dia tangkap. Ini maritim yang jaga kepentingan negara jiran atau jaga negara kita? Ini dua-dua kementerian ataupun ini kawan-kawan sini naik sudah jadi Menteri ataupun Timbalan Menteri, jangan kongkalikung, lupa jaga kepentingan rakyat. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Di seluruh negara terutama sekali di negara Malaysia, jangan lupa negeri Sarawak. Memang jangan kongkalikung, jangan jawab syok sendiri sahaja. Ini perkara bukan ini hari berlaku, banyak kali berlaku. Kau punya pengarah di Sarawak Maritime sudah lawan sama saya satu kali, dia kata mana ada, saya banyak tipu. Sampai saya gaduh sama dia habis-habisan, baru mengaku ada, baru pergi tangkap. Ini jangan lagi berlaku satu kali. Rakyat nampak, jangan kita agensi semua tidak nampak. Yang Berhormat Menteri jangan tuduh, *officers* tolonglah turun padang tengok dan lihat rakyat punya kesusahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Akhir sekali saya mohon menyokong. Ini tidak habis lagi, tidak apalah.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Sepatut Yang Berhormat Bintulu menjadi Menteri ini. Patut Yang Berhormat jadi Menteri.

*[Pembesar suara dimatikan].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Langkawi, 20 minit. *[Tepuk]. Switch on mike.* Terima kasih.

**3.08 ptg.**

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Pontian berkenaan dengan ucapan yang disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14 pada bulan Mei.

Ini adalah satu tradisi Parlimen yang kita pinjam dari adat Parlimen British. Ia sudah jadi tradisi kita. Sebenarnya ucapan ini adalah dari kerajaan dan ia menjelaskan dasar dan perancangan kerajaan yang dipilih oleh rakyat atau yang tidak dipilih. Dalam ucapan ini, memang ada bahagian-bahagian yang mencerminkan pendapat dan pandangan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri. Kita biasanya tidak sentuh bahagian berkenaan.

## ■1510

Selain dari menghargai dan menjunjung kasih terhadap nasihat dan pandangan Duli Yang Maha Mulia, apa yang kita akan bahas ialah bahagian yang menyentuh dasar dan perancangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya perbahasan ini menyusul sejurus selepas ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku tetapi kononnya kerana pandemik dan larangan bergerak, Dewan ini tidak dibenarkan mengamalkan adat dan cara biasa kita. Saya tidak dapat terima alasan ini seperti mana saya tidak dapat terima sebab Yang di-Pertua Dewan lama disingkir.

Tradisi dan adat amat penting untuk menjaga kehormatan Dewan ini. Tanpa adat dan tradisi, Dewan akan hilang auranya. Kita sekarang terpaksa menerima norma baharu tetapi norma lama yang tidak terganggu oleh sesuatu keadaan yang tidak pernah dialami hendaklah dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan pemerintahan ala demokrasi. Dalam demokrasi, rakyat berhak memilih kerajaan melalui proses pilihan raya. Ini adalah hak rakyat dan semua pihak harus hormati hak mereka. Amat malang apabila kita dapati ada perancangan untuk merampas hak rakyat diusahakan. Kita kenali cara ini sebagai cara pintu belakang. Ia bertentangan dengan prinsip-prinsip demokrasi.

Kerajaan yang ada sekarang diakui oleh Perdana Menteri sendiri bukanlah kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Sebenarnya ia adalah satu badan yang bertentangan dengan kehendak majoriti rakyat. Sebenarnya parti-parti yang ditolak oleh rakyat telah rampas kerajaan pilihan rakyat dengan cara yang tidak mengikut peruntukan Perlembagaan negara.

Apa yang berlaku bukan sahaja tidak demokratik tetapi menghalang hasrat majoriti rakyat untuk melakukan perubahan dasar negara. Parti yang majoriti rakyat tolak...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Tun?

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** ...Dan dasar yang juga ditolak oleh mereka sekarang ini menubuhkan kerajaan yang mengekalkan dasar yang ditolak oleh rakyat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Ada ahli yang salahkan saya kerana semua pertukaran ini dikatakan...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua?

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** ...Disebabkan oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya serah kepada Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tun. [Disampuk] Diam-diamlah. Yang Berhormat Tun *gentleman*. Terima kasih Yang Berhormat Tun.

Hendak tanya ini Yang Berhormat Langkawi, adakah juga kerajaan negeri di Sabah itu kerajaan pintu belakang? Sebab ia tidak menang pun dalam pilihan raya. Ia menang sebab

UPKO melompat menyokong dia. Jadi, adakah sama juga bagi pandangan Yang Berhormat Tun?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sila Yang Berhormat Langkawi.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Ya, saya berpendapat bahawa lompat melompat ini terjadi banyak di Sabah. Entah fasal apa saya tidak tahu tapi memanglah ini berlaku dahulu. Akan tetapi di peringkat pusat ini tidak pernah berlaku seperti ini. Kita hormati keputusan yang dibuat oleh rakyat.

Parti yang majoriti rakyat tolak dan dasar yang juga ditolak oleh mereka sekarang ini menubuhkan kerajaan dan mengekalkan dasar yang ditolak oleh rakyat. Ada ahli yang salahkan saya kerana semua pertukaran ini dikatakan disebabkan...

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** ...Oleh saya letak jawatan sebagai Perdana Menteri. Sebenarnya apabila Kerajaan Pakatan Harapan dijatuhkan oleh Parti Bersatu apabila ia keluar daripada Pakatan Harapan, seluruh anggota PH kehilangan jawatan mereka. Saya sebagai anggota Kerajaan PH juga kehilangan jawatan. Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu sudah pun membuat keputusan keluar daripada Kerajaan PH apabila mereka rayakan bersama UMNO dan PAS di Hotel Sheraton. *[Disampuk]*

Pelantikan saya sebagai Perdana Menteri Interim adalah melalui budi bicara Yang di-Pertuan Agong untuk menentu negara tidak hilang kepimpinan sebelum kerajaan baharu ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia, negara menghadapi banyak cabaran. Semasa itu, ekonomi negara sudah pun menurun, perang dagang antara China dan Amerika mengancam, ekonomi dunia merosot, pandemik COVID-19 kemudiannya menghentikan perniagaan dan perusahaan. Permintaan untuk minyak dan gas jatuh disebabkan pandemik. Harga minyak dan gas menurun, pendapatan kerajaan dari hasil jualan minyak turut berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucap tahniah kepada kerajaan kerana telah menyerahkan urusan berkenaan dengan pandemik ini kepada ahli profesional. Saya dapati bahawa kerajaan amat berminat untuk tukar ahli profesional dengan ahli politik. Sudah 30 badan yang ditukar kerana untuk memberi pendapatan yang tinggi kepada ahli politik. *[Tepuk]* Akan tetapi, dalam pengurusan pandemik ini, kerajaan entah bagaimana telah membenarkan ahli profesional mengurus segala masalah yang terbangkit kerana pandemik ini. Dengan itu, pengurusan ini dilakukan dengan cara yang bijak, dengan cukup ilmu pengetahuan dan sebab itulah kita dapati bahawa pandemik ini dapat dikurangkan dalam jangka masa yang agak pendek.

Saya harap amalan tukar ahli profesional dalam badan-badan tertentu oleh kerajaan ini dihentikan kerana kita perlu kepada ahli profesional yang dilantik oleh Kerajaan Pakatan Harapan dahulu dikekalkan kerana mereka mempunyai kebolehan tertentu. Bagi ahli politik, ia cuma hadiah supaya mereka dapat pendapatan yang lebih kerana mereka adalah penyokong kerajaan.



Semua masalah ini mengancam ekonomi negara. Di waktu ini, ada pihak yang merancang untuk merebut kuasa dan mengkhianati kerajaan pilihan rakyat melalui kerajaan pintu belakang. Dengan ini, politik negara menjadi kucar-kacir.

Saya sedih kerana perancangan ini melibatkan parti saya, Parti Pribumi Bersatu Malaysia. Parti ini ditubuhkan khusus untuk menjatuhkan kerajaan kleptokrat pimpinan Dato' Sri Najib. Perancangan ini kononnya bertujuan untuk menyelamatkan Melayu dari dihancurkan oleh DAP. Ini adalah isu yang dicipta oleh Dato' Sri Najib untuk menjatuhkan Kerajaan PH supaya Dato' Sri Najib dapat menjadi sebahagian daripada kerajaan yang akan mengambil alih. Malangnya, ada pimpinan dan ahli PPBM yang percaya DAP boleh hancurkan orang Melayu.

Kita semua tahu bahawa di waktu Dato' Sri Najib menjadi Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Gani Patail dibuang dan diganti dengan Peguam Negara yang kemudiannya mendakwa Dato' Sri Najib tidak bersalah dalam kes 1MDB.

#### ■1520

Demikianlah salah guna kuasa yang dilakukan oleh Dato' Sri Mohd Najib sebagai Perdana Menteri. Tentulah menjadi harapan Dato' Sri Mohd Najib apabila ia berada dalam kerajaan, Peguam Negara baru akan dakwa bahawa tidak ada kes terhadap dirinya. Maka dengan hasrat untuk kembali berada dalam kerajaan, Dato' Sri Mohd Najib mendakwa bahawa DAP akan hancurkan orang Melayu jika berada dalam kerajaan. Dakwaan ini tidak ada asas sama sekali. Ia hanya bertujuan menakutkan orang Melayu supaya menolak Pakatan Harapan. Sebenarnya DAP tidak mampu menghancurkan orang Melayu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sokong, sokong.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, pada masa itu dia belum jadi Perdana Menteri. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tahu dan sedar bahawa dengan hanya membatalkan pendaftaran DAP...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Akan lumpuh dan hilanglah DAP.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(5) tidak boleh menyebut secara spesifik nama seseorang individu. *[Disampuk]* Nama individu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sila Yang Berhormat Langkawi beri penjelasan.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan seorang individu di tepi jalan. Ini adalah bekas Perdana Menteri. *[Dewan riuh]* Kalau tidak kerana Perdana Menteri ini kita tidak ada masalah besar yang kita hadapi. Oleh sebab itu saya berhak untuk menunjukkan orang yang terlibat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Langkawi, teruskan.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** DAP akan lumpuh dan akan hilang DAP dan yang terdedah kepada kehancuran bukan orang Melayu tetapi DAP. *Cancel* sahaja dia punya *register* habislah. Ini juga kita lakukan kepada Parti Komunis Malaya sehingga ia hentikan percubaan untuk rampas kuasa Kerajaan Malaysia.

DAP bukan sekuat PKM. Tidak mungkin DAP berjaya di mana PKM dengan gerakan bersenjatanya juga gagal. Akan tetapi pembohongan ini berjaya mempengaruhi Presiden dan beberapa pemimpin Bersatu membuat keputusan untuk keluar daripada Pakatan Harapan. Dengan ini, saya pun terkeluar daripada menjadi Perdana Menteri Kerajaan Pakatan Harapan. Peletakan jawatan oleh saya tidak dapat dielak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa polarisasi kaum sedang menjadi-jadi. Jika kita ingin kurangkan masalah perkauman ini, kita perlu tahu sebabnya. Melarang sebutan berkenaan dengan perkara ini tidak akan mengurangkan masalah, bahkan ia akan menjadi lebih teruk. Besar kemungkinan pengasingan antara kaum akan menjadi lebih jauh kerana tidak ada tindakan diambil. Ia akan meluap-luap dan akan mencetuskan tindakan ganas yang lebih sukar diatasi.

Saya ingin rujuk kepada Revolusi Rusia. Ia disebabkan oleh perpisahan antara kaum elit yang kaya raya dan buruh pertanian yang amat miskin. Akhirnya revolusi oleh rakyat yang miskin menghasilkan pembunuhan Raja Tsar yang memerintah. Demikian juga di Perancis dan di negara China dan di banyak lagi negara lain dan sebabnya ialah oleh sebab puak elit tidak suka dengan rintihan puak yang miskin. Dengan itu tidak ada perancangan untuk menangani perasaan tidak puas hati puak miskin ini. Malaysia unik. Semua rakyat Malaysia tidak suka dengan huru-hara dan keganasan. Akan tetapi ini tidak bermakna polarisasi kaum tidak ada. Sebenarnya perkauman akan menjadi lebih teruk jika keadaan sebenar disembunyikan. Adalah lebih baik kita kenal pasti keadaan dan kita bertindak mengurangkannya supaya kurang bahaya.

Dalam sejarah masyarakat manusia, sesuatu yang sering menyebabkan revolusi ganas berlaku ialah jarak perpisahan antara yang miskin dengan yang kaya. Perbezaan kaum tidak akan membawa rusuhan jika tidak ada elemen perbezaan daripada segi agihan kekayaan. Apabila perpisahan ini dikaitkan dengan prestasi yang dicapai antara kaum, maka kesan terhadap hubungan menjadi lebih teruk.

Kita tidak dapat menukar kaum tetapi kita mampu mengurangkan jarak perbezaan ekonomi antara kaum. Jika jarak ini dapat dikurangkan, kelainan kaum dapat dikurangkan kesan buruknya. Sejarah menjadi pedoman kepada kita. Kita perlu kaji dengan cara yang saintifik dengan lebih awal supaya kita dapat kenal pasti sebab sesuatu isu itu wujud. Daripada hasil kajian ini, dapatlah kita bertindak awal sebelum ia menjadi ancaman besar, sebelum rusuhan dicituskan.

Dasar Ekonomi Baru adalah hasil daripada kajian terhadap sebab-sebab peristiwa 13 Mei 1969 berlaku. Hasilnya ialah pengurangan jarak pencapaian dalam bidang ekonomi antara kaum di Malaysia. Jika pada tahun 1969, perusuh berpendapat segala yang ada di bandar adalah milik orang lain, hari ini terdapat banyak dari pemilik dalam bandar terdiri dari kaum mereka sendiri.

Dengan itu jika mereka merusuh, kaum mereka juga akan jadi mangsa. Oleh sebab itu sejak Mei 1969, tidak ada rusuhan besar-besaran yang berlaku di Kuala Lumpur. Akan tetapi kita perlu kurangkan lagi perbezaan kekayaan antara kaum. Membuat dakwaan masalah ini tidak ada akan mengundang polarisasi yang lebih serius antara kaum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta rumuskan Yang Berhormat Langkawi.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun hadapan iaitu tahun 2021 kita akan adakan banci penduduk. Kita bukan perlu kepada bilangan penduduk Malaysia sahaja tetapi juga peranan dan sumbangan mereka kepada negara. Berasas kepada banci yang lebih terperinci ini, satu perancangan baru boleh dicipta dan diperkenalkan supaya segala perbezaan antara kita di negara berbilang kaum ini akan dikenal pasti dan tindakan dirancang untuk mengatasi masalah yang kita hadapi.

Saya harap Wawasan Kemakmuran Bersama akan diteruskan oleh kerajaan. Oleh kerana sesuatu yang sering menyumbang kepada pertelingkahan ialah jarak antara miskin dan kaya. Banci perlu ambil kira segala yang menyumbang kepada jarak perbezaan ini. Dengan ini, polarisasi kaum dapat kita kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, orang Islam tentu sedar bahawa dunia Islam berada dalam keadaan kucar kacir. Rusuhan dan peperangan berlaku di antara negara Islam yang tidak dapat ditamatkan. Apakah ini disebabkan oleh agama Islam? Saya berpendapat walaupun saya bukanlah ulama, saya berpendapat semua ini berlaku kerana orang Islam umumnya tidak amal ajaran Islam yang sebenar.

#### ■1530

Sebagai contoh, orang Islam dilarang membunuh terutama sesama orang Islam. Apa yang kita lihat sekarang ialah orang Islam berperang dan mengganas antara mereka sehingga tidak dapat dihentikan. Ratusan ribu sudah dibunuh, berjuta telah lari ke negara lain dan bedilan bom dan roket menghancurkan seluruh negara. Tidak ada sedikit pun persaudaraan antara orang Islam. Al-Quran juga menyuruh kita sambut baik jika musuh ingin tamatkan peperangan. Kita patut terima cadangan ini. Sebaliknya, ramai yang berpendapat bahawa peperangan ini akan diteruskan guna untuk balas dendam sehingga ke generasi akan datang. Semua ini bukanlah daripada ajaran Islam.

Demikian dari Malaysia, juga terdapat kesanggupan orang yang pergi ke medan perang untuk mengambil bahagian dalam kegiatan membunuh orang Islam. Sikap kita ini mungkin dipengaruhi oleh ajaran Islam yang kita sampaikan di sekolah-sekolah kita. Sementara kita utamakan ajaran ibadat tertentu seperti sembahyang, puasa, zakat dan kerja haji, kita tidak diberitahu akan cara hidup Islam. Kita lebih utama ajaran yang memecah belah kita. Saya berharap pelajaran agama di sekolah kita ditumpukan juga kepada nilai-nilai hidup Islam supaya kita dapat hidup berasas kepada ajaran Islam yang sebenar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, minta rumuskan Yang Berhormat. Masa telah melewati. Minta rumuskan.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya, Speaker. Minta rumuskan. Masa 10 minit telah habis, minta rumuskan.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Hendak habis sudah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Minta maaf. Saya berharap pelajaran agama di sekolah kita ditumpukan juga kepada nilai-nilai hidup Islam. Dengan berbuat demikian, kita akan jadi masyarakat Islam yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang asing menjadi masalah di seluruh dunia. Dengan mudah dan pantas perjalanannya serta perenggan antara negara yang sukar dikawal. Ramailah penduduk negara yang tidak maju yang sering berhijrah ke negara maju. Kita bukanlah negara maju, tetapi kerana kita memberi layanan yang lebih baik kepada pendatang, ramailah migran yang pilih untuk datang ke Malaysia. Jumlah orang asing di Malaysia sudah meningkat kepada 7 juta.

Walaupun kita memberi layanan yang baik, tetapi terdapat juga kes yang ternampak seolah-olah kita tidak bertimbang rasa. Saya sedar bahawa pendatang tanpa izin menimbulkan banyak masalah terutama semasa wabak COVID-19. Mereka takut memperkenalkan diri mereka kerana mereka akan dihantar balik, tetapi mereka hendaklah dikenal pasti supaya mereka tidak jadi kluster COVID-19. Orang asing mudah tuduh kita kasar terhadap pendatang tetapi Eropah, Amerika, India adalah lebih kasar. Kerajaan tidak sepatutnya ambil tindakan keras terhadap pemberita *Al-Jazeera*. Adalah lebih baik jika kita sampaikan laporan kita berkenaan dengan layanan kepada pendatang asing.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada amalan yang penting dalam demokrasi ialah pemisahan kuasa antara pembuat undang-undang (*legislative*), pelaksana kerja (eksekutif), dan institusi kehakiman (*the judiciary*). Ada kalanya terdapat campur tangan antara satu kuasa dengan kuasa yang lain. Ini menghasilkan tekanan ke atas rakyat. Kerajaan sekarang didapati mengguna kuasa eksekutif untuk usahanya menghapus bantahan terhadap pemerintahannya.

Kita dapati anggota parti BERSATU *blackout* disoal siasat tidak berhenti-henti. Rumah beberapa anggota parti pembangkang digeledah dan isi rumah disoal. Ada juga percubaan oleh anggota kerajaan untuk menghalang kehadiran ahli parti pembangkang daripada menghadiri perhimpunan tertentu. Ada juga ramai yang dimasukkan dalam tahanan apabila dituduh dalam mahkamah, tetapi ada orang tertentu dibebaskan bertahun-tahun kerana jaminan yang sedikit.

Kerajaan sepatutnya bersikap adil terhadap semua pihak. Tidak ada tempat pilih kasih dalam melaksanakan undang-undang. Saya sedar kerajaan berkuasa, kegunaan kuasa itu bukan bebas daripada peraturan-peraturan. Jika kuasa diguna di luar peraturan, ia menjadi jenayah salah guna kuasa. Ada undang-undang berkenaan dengan salah guna kuasa. Undang-undang ini hendaklah dihormati.

Rakyat bebas memilih siapa yang mereka ingin sokong. Mengguna agihan duit kerajaan untuk penyokong dan menafikan hak sesiapa kerana tidak sokong adalah salah. Lebih salah lagi

jika jentera kerajaan diguna untuk menekan pembangkang. Cara ini boleh memberi gambaran bahawa rakyat sokong kerajaan, tetapi sebenarnya mereka tidak. Inilah yang berlaku pada PRU-14. Setelah mencurah wang sogokan yang banyak, rakyat tolak juga pihak berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Langkawi, masa sudah tamat.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Sudah habis sudah? Dua *sentences*, sudah habis sudah. [*Dewan riuh*] Amalan ini hendaklah...

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekejap, ada peraturan mesyuarat. Sila.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Pohon *ruling* daripada Speaker sama ada membenarkan Yang Berhormat Langkawi lebih daripada 20 minit. Jika benar, kami pun pohon semasa kami berucap, kami diberi lebih 20 minit.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Sedikit sahaja. Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya ikut keputusan saya, sila Tun.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Hendak habis sudah. Hendak gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila habiskan.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Hormatlah sedikit orang lama. Apalah wakil rakyat ini.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Amalan ini adalah amalan menggunakan wang untuk mendapat sokongan, amalan ini hendaklah dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah pendapat saya terhadap ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Baling, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Petaling Jaya, kemudian Yang Berhormat Sabak Bernam dan kemudian Yang Berhormat Bukit Gelugor. Silakan Yang Berhormat Baling.

### 3.48 ptg.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya menyertai perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Di sini dengan izin, saya pohon kerjasama Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menggunakan Peraturan Mesyuarat 37(2), saya tidak pernah ganggu siapa-siapa dalam masa perbahasan ini... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya minta kerjasama Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Di kesempatan ini juga...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Takut bahas, takut bahas.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas serta tahniah kepada seluruh petugas-petugas yang telah melaksanakan tugas, tanggungjawab yang begitu baik menangani virus *coronavirus*, COVID-19 termasuk Ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang memberikan kerjasama padu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Syabas dan tahniah, Baling mengucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya hendak bahaskan hari ini adalah khususnya berkaitan dengan isu yang amat-amat dekat di hati rakyat keseluruhan, khususnya 9.3 juta pendeposit Tabung Haji. Jadi, saya sudah menunggu dua tahun untuk memberi penjelasan ini. Jadi, izinkan saya tanpa ada gangguan. *Thank you Sir.*

Tuan Yang di-Pertua, isu Tabung Haji ini sangat penting. Setelah saya telah dilantik sebagai Pengerusi Tabung Haji pada 1 Julai tahun 2013, saya bersama-sama pihak pengurusan tertinggi Tabung Haji pada ketika itu telah diamanahkan untuk menjaga rakyat Malaysia yang akan berangkat ke tanah suci untuk menjaga kebajikan mereka apabila mereka melangsungkan ibadah haji.

#### ■1540

Pengurusan tertinggi diamanahkan dengan lebih berat lagi untuk meningkatkan kepentingan Tabung Haji bukan sahaja sebagai institusi kewangan umat Islam tetapi juga mengekalkan pulangan kompetitif terhadap pendeposit Tabung Haji.

Alhamdulillah, ketika mula-mula saya menjadi Pengerusi Tabung Haji, jumlah pendeposit Tabung Haji pada waktu itu adalah sebanyak RM45.7 bilion. Jumlah deposit ini terus meningkat kepada sebanyak RM73.5 bilion pada tahun 2017, iaitu penambahan sejumlah RM27.8 bilion dalam tempoh masa empat tahun sahaja. Berbanding dengan pencapaian Pakatan Harapan yang menyebabkan deposit turun sebanyak RM5.1 bilion kepada angka sejumlah RM69 bilion, manakala bilangan pendeposit juga menurun seramai 500 ribu orang apabila Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih tampuk kepimpinan pemerintahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya – selama dua tahun sejak tahun 2018 sehingga ke hari ini, masih lagi digelar sebagai penyamun, dipanggil perompak, malah dipanggil pencuri wang Tabung Haji. Dalam Dewan yang mulia ini pun ada rakan-rakan sebelah sana memanggil saya pencuri duit Tabung Haji. Lebih dahsyat lagi Tuan Yang di-Pertua, saya dituduh sebagai seorang Hindu masuk Islam, mana mungkin menjadi Pengerusi Tabung Haji dengan diberikan nama pula Kalimuthu, Tuan Yang di-Pertua. Saya dimalukan sedemikian rupa sedangkan sepanjang kami mengendalikan institusi kewangan ulung umat Islam ini, kami tidak pernah gagal walau sekali pun untuk membentangkan Laporan Kewangan Tahunan pada setiap tahun. Contoh, saya bawa Tuan Yang di-Pertua ini adalah Laporan Kewangan Tahun 2013 [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*]. Ini Laporan Kewangan Tahun 2014 [*Sambil menunjukkan senaskhah*

*dokumen*], ini Laporan Kewangan Tahun 2015 [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*], ini Laporan Kewangan Tahun 2016 [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*]. Kita letakkan dalam Dewan yang mulia ini untuk semua rakan-rakan bijaksana Ahli Parlimen untuk melihat.

Jikalau kita tengok pada hari ini kerajaan di bawah Pakatan Harapan yang dianggap telus, gagah perkasa, *transparency*, integriti dengan izin yang begitu tinggi. Sehingga ke hari ini tahun 2020, dua tahun tidak ada satu pun laporan daripada Tabung Haji dibentangkan kepada kita semua. Jadi ini persoalan saya, di manakah Laporan Kewangan Tahunan untuk tahun 2018 dan tahun 2019? Jika tidak ada, bagaimana Kerajaan Pakatan Harapan yang bijaksana boleh membayar – yang diterajui oleh Yang Berhormat Parit Buntar tergamak mengumumkan hibah sebelum prestasi mereka di lakukan audit oleh Jabatan Audit Negara. Keperluan dan kewajipan menyediakan laporan tahunan, penyata kewangan ini disebut dengan jelas di dalam seksyen 5 dan 6 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240].

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyedihkan laungan perompak, penyamun, pencuri tersebut berdasarkan kononnya saya bersama pihak pengurusan tertinggi Tabung Haji dituduh melakukan perkara-perkara berikut. Tuduhan pertama kami telah memberikan hibah kepada pendeposit Tabung Haji sedangkan liabiliti adalah melebihi aset, walaupun Bank Negara telah menegur perbuatan tersebut. Saya ingin jelaskan di sini, bahawa Lembaga Tabung Haji adalah sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995. Akta 535 dan Akta Badan Berkanun 1980 [Akta 240] serta tidak terikat dengan peraturan-peraturan Bank Negara, kerana itu Tabung Haji boleh membayar dividen atau hibah tinggi berbanding dengan bank-bank lain di bawah Bank Negara.

Maka pemberian hibah kepada pendeposit mestilah dibayar menurut Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535] seksyen 22(1) di antara menyebut "*Lembaga boleh mengikut budi bicara mutlaknya menentukan pada bila-bila masa, sama ada wajar untuk mengisytiharkan sesuatu jumlah wang sebagai untung boleh agih iaitu hibah dengan kelulusan Menteri*". Seksyen 22 (3) dan seksyen 22 (3)(a) pula antara menyebut bahawa "*Tiada untung boleh agih iaitu hibah boleh diisytiharkan dalam mana-mana tahun melainkan jika pada akhir tahun aset kumpulan wang tidak kurang daripada jumlah liabiliti kumpulan wang*".

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pada muka surat 10 iaitu dalam Penyata Kewangan Tahun 2017 Tabung Haji, pihak pengurusan telah melaporkan kerugian rizab lain-lain berjumlah RM4.6 bilion. Kerugian ini adalah hasil daripada perbezaan harga kos ekuiti saham yang dibeli dengan harga pasaran saham semasa pada tarikh Laporan Kewangan ini dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerugian yang belum direalisasikan kerana saham-saham tersebut masih dipegang oleh Tabung Haji dan harga pasaran akan turun naik, apabila bursa saham pulih— dan perlu ingat masa itu prestasi bursa saham ini menjejaskan semua syarikat-syarikat di Malaysia, bukan hanya syarikat di dalam pelaburan Tabung Haji. Ini pun dinyatakan oleh pihak pengurusan dalam Penyata Kewangan. Jadi, di mana asas tuduhan mereka kata Laporan Penyata Kewangan itu salah, menyeleweng, ibarat kanser, tenat dan sehingga menakutkan pendeposit yang keluar mengeluarkan wang daripada Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan pengurusan tertinggi Tabung Haji telah dituduh meyelong aset Tabung Haji. Jika benar, kenapa aset Tabung Haji boleh meningkat sebanyak RM26.5 bilion sepanjang saya menjadi Pengerusi. Ini adalah aset yang Tabung Haji peroleh.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baling...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dalam bentuk fizikal sama ada dalam bentuk ladang, bangunan, hotel, tanah, saham dan lain-lain lagi.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini adalah aset-aset yang mempunyai nilai dan boleh dicairkan kepada tunai...

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...pada bila-bila masa jika keadaan mendesak.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Baling ada – mohon celahan daripada Yang Berhormat Langkawi. Hendak berikan atau tidak?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Boleh, Tun bagi saya habiskan *paragraph ... I'm going give it to you.*

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *I'm going give it to you.* Bagi saya habiskan *paragraph* ini. Saya habiskan ini, saya akan bagi...

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** ...Saya hendak buat teguran sekarang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Boleh, boleh. *Give me two minutes.* Saya ada satu topik selepas itu saya bagi Tun.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Saya pun sekejap juga.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, semasa saya menerajui Tabung Haji terdapatnya jawatankuasa panel pelaburan yang memantau pelaburan Tabung Haji dan ahli jawatankuasa panel pelaburan ini merupakan mereka yang sangat berkualiti, hebat, terulung. Jadi, saya hendak tanya kepada Menteri yang ada – Yang Berhormat Menteri baharu sekarang ini, kena jawab saya hendak tanya dia. Kenapa – adakah mereka-mereka yang dipercayai oleh Yang Berhormat Langkawi sendiri yang diletakkan dalam panel pelaburan Tabung Haji, iaitu di antara mereka tidak lain, tidak bukan Yang Berbahagia Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus, Gabenor Bank Negara sekarang, Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Wahid bin Omar, Pengerusi Bursa dan Pengerusi Lembaga Pengarah UKM sekarang, Yang Berbahagia Dato' Mohzani bin Abdul Wahab, waktu itu adalah Pengarah Urusan Shell, ada juga Yang Berbahagia Datuk Abdul Rahman Ahmad yang hari ini mengambil alih kerjaya Menteri



Kewangan, menjadi Pengerusi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB, lebih ramai lagi yang telah dilantik untuk menerajui panel.

Apa yang dibuat oleh pihak Tabung Haji, pengurusan tertinggi Tabung Haji – keputusan pelaburan perlu diperakui oleh panel pelaburan ini. Sebelum kami membuat apa-apa keputusan diperakui dan *risk management*, kami akan ikut apa yang disyorkan oleh – iaitu panel pelaburan tadi. Akan tetapi, saya difahamkan pada hari ini Kerajaan Pakatan Harapan sudah tidak guna lagi panel pelaburan ini. Ia Yang Berhormat Langkawi, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dipersilakan Yang Berhormat Langkawi.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, ahli Yang Berhormat akan berpeluang untuk menjelaskan segala-galanya di dalam mahkamah apabila ada tuduhan. Kita bukan mahkamah di sini, penjelasan macam cerita dalam akhbar sahaja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Soalan Yang Berhormat Langkawi ini apa? Adakah ceramah – *What is your soalan? You wanted to ask me soalan*, lepas itu...

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Saya hendak beritahu kepada...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya belum dituduh lagi.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Berpeluang...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Untuk makluman Yang Berhormat Langkawi, saya tidak ada satu kes pun dituduh atas Tabung Haji sampai dua tahun, dua bulan ini. Satu kes pun tidak ada— *go and check the fact sir*. Saya tidak ada tuduhan, ini adalah yang disebut oleh Yang Berhormat Langkawi waktu duduk di sana, tunjuk dekat muka saya itulah dia penyamun, penyangak Tabung Haji ada di sini. Saya berada di situ, tetapi hakikatnya saya tidak pernah ada sebarang tuduhan. Yang Berhormat Ayer Hitam hebat di situ, *Google* sekarang ada atau tidak tuduhan atas nama Azeez Rahim? – Yang Berhormat Simpang Renggam, *sorry, sorry*, Yang Berhormat Simpang Renggam, hebat itu. *Google* sekarang ada atau tidak satu tuduhan atas nama Tabung Haji. Silakan, selepas itu bangkit.

■1550

Jadi Yang Berhormat Langkawi cukuplah, saya hendak sambung. Saya ada banyak penting lagi perkara yang saya hendak sebut. *Thank you, sir. Thank you.*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya tidak beri laluan pada sesiapa lagi. Walau bagaimanapun, pada hari ini saya hendak menyatakan. Saya hendak kupas beberapa perkara penting yang rakyat di luar sana perlu tahu. Yang Berhormat Parit Buntar menyebut bahawa Kerajaan Pakatan Harapan telah menyuntik sejumlah RM19.1 bilion ke dalam sebuah syarikat. Syarikat ini kononnya adalah MOF *Incorporated* yang mana *property* bangunan Tabung Haji, hotel-hotel Tabung Haji semuanya telah dijual kepada mereka, malah telah ditukar nama— saya difahamkan. Telah tukar nama. Hotel-hotel semua ditukar nama. Hotel-hotel yang dijual iaitu empat hotel yang ada, Tabung Haji jual kepada UJSB. Ada surat. Yang Berhormat Menteri

meluluskan. Yang Berhormat Menteri lamalah yang meluluskan jual seluruh perabot. Seluruh peti sejuk. Seluruh dapur, katil yakni empat-empat hotel ini dengan harga sebanyak RM10,000 sahaja. Empat hotel. Tuan Yang di-Pertua pergi beli cepat. Tuan Yang di-Pertua boleh buat 50 *homestay* dekat kawasan Tuan Yang di-Pertua, pergi. Sebanyak RM10,000. Punya murah mereka jual.

Bukan sekadar itu, yang menyedihkan, kononnya integriti terhebat. Kerajaan Pakatan Harapan terdahulu hebat. Saya baru dapat hari ini, dalam laporan SSM, syarikat ini *paid up capital* sebanyak RM1.00 sahaja. Sejumlah RM1.00 Dana Urus Harta Jemaah Sendirian Berhad. *Paid-up capital only* RM1.00 *sir* dengan izin, bukan *one dollar*. Sejumlah RM1.00. Mana mungkin boleh menyelesaikan masalah sejumlah RM29 bilion. Setakat hari ini saya hendak maklum kepada Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini telah mengambil alih aset-aset ini sampai hari ini hanya membayar RM100 juta sahaja. Walhal, RM10 juta telah ditukar nama, telah dipindah. Malah, kalau Tuan Yang di-Pertua hendak pergi Mekah tahun depan, pergi transit duduk di hotel mana-mana, Tabung Haji kena bayar sewa kepada UJSB. Itulah kepandaian, kehebatan Kerajaan Pakatan Harapan terdahulu. Kononnya telus. Saya hendak nyatakan di sini, tadi Yang Berhormat Langkawi sebut kerajaan baharu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buang orang-orang cerdik pandai. Ini kenapa pergi buang semua panel pelabur-pelabur yang pandai-pandai ini dari Tabung Haji. Kenapa ditutup panel pelabur ini? Ini di antara perkara yang harus dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bagi tahu, apa tah lagi sukuk. Sukuk yang mereka keluarkan ini dengan izin adalah *non transferable*.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Non guaranteed*, dengan izin.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tadi, Yang Berhormat Baling minta saya untuk mencelah. Beliau yang minta.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya. Fasal kes itu. Fasal kes.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Jadi, saya memberikan hak saya kepada Yang Berhormat Langkawi untuk mewakili saya. Yang Berhormat Langkawi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Eh, tidak boleh. Fasal kes. Tidak bolehlah macam itu. Ini bukan *passing baton*. Fasal *not setup* lagi.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** *You must be gentlemen, sir.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *I gave to you.*

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** *Must be gentlemen. You must face* Yang Berhormat Langkawi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Not to— no! No, no.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** *If you are really a gentlemen.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, jangan buang masa saya.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Soal lah sendiri. Soal sendiri.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya berikan hak saya kepada Yang Berhormat Langkawi, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya ada banyak—sebagai bekas Pengerusi Tabung Haji, saya ada banyak maklumat tentang kaitan Pakatan Harapan yang telah membohong rakyat...

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** *[Bangun]*

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Jikalau Yang Berhormat Baling anak jantan, sila berhadapan dengan Yang Berhormat Langkawi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...kelirukan rakyat, telah bohong rakyat. *No!*

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Jikalau Yang Berhormat Baling anak jantan, sila berhadapan dengan Yang Berhormat Langkawi. Berani kerana benar!

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *I don't have...* Tidak usahlah! Tidak usah! Tidak payah!

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Simpang Renggam telah diberi laluan oleh Yang Berhormat Baling. So, Yang Berhormat Simpang Renggam kena respons kepada Yang Berhormat Baling. Sila Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Simpang Renggam memberikan haknya kepada Yang Berhormat Langkawi untuk mewakili Simpang Renggam. Boleh ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Itu tidak betul

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya dah baca buku tadi. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* *No.* Tidak! Saya tidak mahu bagi.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Penakut.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar. Kita dengar dalam Dewan yang mulia ini *only 20 minutes ago, sir* dengan izin. Yang Berhormat Langkawi sebut kami telah ada, orang datang geledah rumah, siasat dan tangkap. Tuan Yang di-Pertua, saya dilokapkan 11 malam tanpa ada sebarang — 11 malam di geledah rumah saya. Akaun mak saya dibekukan. Semua digeledah. Anak-anak saya sampai hari ini akaun tidak lepas. Undang-undang menyatakan hanya satu tahun saya boleh sita. Sudah dua tahun. Inilah kerajaan kartun di bawah kepimpinan Yang Berhormat Langkawi. *Double standard. [Tepuk]*

Tadi, Yang Berhormat Langkawi sebut...

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Betul, betul.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tadi Yang Berhormat Langkawi sebut, dia kata kami digeledah, kena tangkap, kena itu. Habis kami tidak kena? Waktu Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Langkawi, tidak menzalimi. Zalim kami, bulan puasa. SPRM datang rumah saya pukul 11 pagi. Buka puasa, sahur baru balik. Buka puasa, terawih, sahur *the next day* baru balik. Jadi apa ada bezanya sekarang. Biarlah Yang Berhormat Pagoh buat kerja dia. Jangan ganggu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya tidak mahu— macam saya sebutkan tadi, saya hendak bertenang, saya hendak bercakap dengan keadaan yang tenang. Saya suka bahas ini biarlah bahas secara ada tamadun. Kita bertamadunlah. Jangan provokasi. Jangan cakap benda yang mereka tidak buat, mereka sudah buat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua – saya hendak bertanya kepada kakanda Yang Berhormat Parit Buntar, kenapa hendak tipu rakyat dengan mengatakan aset dipindahkan milik. Walhal, hakikat sebenarnya aset-aset Tabung Haji telah dijual dengan bukan milik Tabung Haji lagi. Dalam perjanjian pemindahan aset di antara Tabung Haji dan UJSB tersebut, saya difahamkan daripada RM19.9 bilion ini tadi hanya RM100 *million* sahaja yang telah dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada kerajaan ataupun Yang Berhormat Menteri sekarang, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan sebagainya. Jadi, sepanjang zaman Tabung Haji, zaman Yang Berhormat Pekan yang dituduh perompak, pencuri dan penyamun termasuk sayalah. Saya hendak tanya kenapa zaman kami rakyat boleh dapat manfaat dividen, hibah sehingga 7.25 peratus di antara pada tahun 2013 hingga 2017? Kami juga telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Kami ini mengikut— kalau ikut peruntukan undang-undang, peruntukan Tabung Haji, kami ini semuanya mesti diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN) dan di sini terang-terang ada menyatakan *“there is a reasonable suspicious for the Hibah for 2018 and 2019. We paid without compliance, section 22 of the Tabung Haji Act. This and above reason are sufficient enough to sack all the board”*. [Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]

Ini peruntukan undang-undang yang ada. Kalau ikutkan hari ini semua Ahli Lembaga Pengarah harus dipecat kerana mengeluarkan dividen tanpa ada *certify* daripada Jabatan Audit Negara. Bukan sekadar itu, banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sebutkan Tuan Yang di-Pertua, di antaranya saya hendak bagi tahulah, saya tahu masa tidak ada. Masa saya Yang Berhormat Langkawi sudah kacau. Saya hendak sikit masa tambah. *This is important*. Rakyat kena tahu.

Saya hendak bagi tahu salah guna mereka, apa yang mereka telah salah. Di antaranya perkara yang pokok, saya hendak sebutkan. Saya bukan hendak jadi rasis. Ini berkaitan dengan Tabung Haji Plantations. Zaman saya jadi Pengerusi Plantations, setiap tahun, Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun pada 2015, kami untung sebanyak RM18.714 juta. Pada 2016, sebanyak RM127,296,000. Pada 2017, sebanyak RM60.99 juta. Tuan Yang di-Pertua, bila Pakatan ambil alih sahaja. Pakatan Harapan, tahun pertama rugi sebanyak RM678 juta. Sebanyak RM111,000.

Ini bermakna Tabung Haji telah diurus tadbir dengan baik oleh kerajaan terdahulu tetapi mereka ambil alih, mereka menjahanamkan dan menuduh setiap kali menuduh, menuduh.

*Last* sekali, fasal berkaitan dengan Tabung Haji Plantations. Saya hendak bagi tahu kepada Tuan Yang di-Pertua, untuk Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Yang Berhormat Baling rumuskan. Silakan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, boleh. Saya hendak minta sedikit macam mana Yang Berhormat Langkawi. *Is not fair*. Saya pun Yang Berhormat biasa. Yang Berhormat Langkawi pun Yang Berhormat biasa. Jadi, datang dari negeri Kedah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila rumuskan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:**Okey. Sana pembangkang, sini kerajaan. *Please give fair sir*. Saya hendak bagi tahu kepada Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan kes penjualan tanah di syarikat di Sarawak sebanyak dua buah anak syarikat Tabung Haji bernama Bumi Suria Ventures dan Maju Warisan. Sebuah syarikat bukan—saya bukan hendak rasis. *I'm not going to be a racist here*. Saya hendak keuntungan, pulangan yang begitu baik untuk Tabung Haji. Zaman kami pun ada jual pada bukan Islam. *No issue*. Isu dia sekarang ini sebuah syarikat yang bernama Tamaco Plantation. Bagaimanakah sebenarnya kaedah penjualan berkenaan? Saya hendak semua siasat. Saya difahamkan *market value* dia hari ini telah dibuat RM200 lebih juta dan mereka hendak menjual dengan penilaian RM224 juta. Mereka hendak jual sekarang ini dengan harga RM170 juta. Mereka hendak jual sekarang.

Jadi, saya hendak tanya kepada mereka ini kepada Pengurusan Tabung Haji, apakah status penjualan ini? Sudah jual ke belum? Saya difahamkan mereka sudah bayar RM50 juta deposit walaupun belum *sign*. SPA belum lagi dimaktubkan. Saya hendak bagi tahu kepada Dewan yang mulia ini, khususnya kepada Yang Berhormat Langkawi. Ahli Lembaga Pengarah yang beli syarikat ini iaitu Tamaco Plantation ini, Yang Berhormat Kulim kata "*no, we don't deal with non-Muslim*". Tidak apa. Kita tidak rasis. Mereka yang Ahli Lembaga Pengarahnya, Lim Sing Hua, Lim Chun Leng, Lim Wai Foong, Lim Chun Hsiong dan Lee Ban Loong. Inilah Ahli Lembaga Pengarah syarikat ini yang membeli syarikat yang saya sebutkan tadi.

#### ■1600

Saya juga hendak bagi tahu, waktu zaman kami memerintah dulu kami menjadi ketua di Tabung Haji, kami mempunyai lebih 100,000 hektar tanah yang melebihi keluasan Singapura. Hari ini lebih 70,000 yang hendak dijual kepada syarikat Tamaco ini dan mereka hendak jual dengan harga murah. Ada surat pula yang dikeluarkan oleh pengurusan tertinggi Tabung Haji untuk mengurangkan *value* dia, harga dia dikurangkan *valuation*, ada surat dan ada arahan daripada pengurusan tertinggi Tabung Haji.

Jadi, saya hendak bagi tahu kepada Tuan Yang di-Pertua, saya faham, saya pun akur apa yang disebut, walaupun saya tidak habis tetapi saya ada syor. Syor saya ini penting supaya saya hendak dengar apa yang dinyatakan esok oleh Yang Berhormat Menteri, saya hendak dia jawab berkaitan dengan apa yang saya sebut berkaitan dengan Tamaco, berkaitan dengan

UGSB, dan berkaitan dengan kenapa tidak ada *audit report* ataupun laporan Tabung Haji setiap tahun dalam Dewan yang mulia ini dan saya hendak tahu keputusan menjual 14 anak syarikat TH Plantation ketika pemerintahan Pakatan Harapan akan menyebabkan THP keluar daripada negeri Sarawak. Apakah Perjanjian Malaysia 1963, Sarawak mesti mendapat manfaat daripada Tabung Haji? Kenapa hendak dikeluarkan daripada Sarawak? Jadi saya hendak – oleh yang demikian, demi harta dan hak umat Islam, demi maruah, demi kesucian institusi Islam dan demi masa depan kegemilangan Islam, Yang Berhormat Parit Buntar berulang kali berbahas dalam Dewan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling, masa sudah tamat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Keluarkan ayat-ayat al-Quran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila tamatkan Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, ya. Saya gulung. Saya gulung. Saya hendak bagi tahu bahawa Yang Berhormat Parit Buntar seorang yang niatnya tidak baik. Dia masukkan dalam *Facebook* dia gambar saya bergari, masuk gambar saya bergari lokap SPRM, dia bagi tahu dalam ini '*Mujahid Cabar Azeez Rahim Debat Isu Tabung Haji*'. Gambar ini banyak gambar lain. Kalaulah di baik, dia tidak akan letak gambar ini. Niat dia tidak baik dan saya juga hendak rekodkan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya pernah minit masa dia mula-mula jadi Menteri. Saya suruh Bentara saya minit Yang Berhormat Menteri saya hendak jumpa bincang di kantin, hantar ke beliau dia jawab balik tidak perlu jumpa. Ini juga kezaliman yang mereka buat terhadap kakitangan Tabung Haji. Mereka digantung kerja hari ini – 603 hari tidak ada tindakan, gantung kerja macam itu. Tidak zalim kah Pakatan Harapan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling, terima kasih. Ya, Yang Berhormat Baling, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, itu sebab mesti dijawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini mesti dijawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, saya ingin mengusulkan, saya hendak mengusulkan agar satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan oleh Kerajaan Perikatan Nasional di bawah Yang Berhormat Pagoh hari ini bagi mencari kebenaran...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Di sebalik satu skandal...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang amat memilukan masyarakat Islam di negara kita.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sekiranya RCI ditubuhkan, maka saya sendiri menawarkan untuk menjadi individu pertama...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Disiasat dan beri kerjasama bagi membuktikan kebenaran dan hakikat sebenarnya yang berlaku dalam institusi Tabung Haji...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Pada hari ini.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dengan itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat tadi. Saya bangkitkan Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya akhiri.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya akan tamatkan Yang Berhormat Baling.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya hendak *last* sekali.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Apa you ....

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya hendak bagi pantun sahaja. Saya hendak bagi pantun saja, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi pantun sahaja.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:**

*Sorong papan tarik papan,  
Buah keranji di atas peti,  
Rakyat yang undi Pakatan Harapan,  
Sudah benci dan sakit hati.*

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Peraturan Mesyuarat, *Point of Order*.  
*Point of Order* Tuan Yang di-Pertua. *Point of Order* Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:**

*Pakatan Harapan parti pemusnah,  
Penuh dengki bohong dan fitnah,  
Harapan rakyat hancur dan punah,  
Biarlah Perikatan Nasional pula menjadi pemerintah.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, duduk.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Point of Order*. *Point of Order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Duduk Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dengan itu Baling menyokong usul Titah Diraja. *Wabillahi taufik wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Point of Order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Baling, terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Kejap.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya sudah bangkitkan banyak kali tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya hendak jemput Yang Berhormat Petaling Jaya.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Point of Order* Tuan Yang di-Pertua. *I think you know the Standing Orders.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Point of Order* yang mana Yang Berhormat?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** 36(12)

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Point of Order* yang mana itu? *Regarding?*

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** "... *mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan...*" Saya merujuk kepada apa yang Yang Berhormat Baling katakan tadi mengenai *posting Facebook* Yang Berhormat Parit Buntar. Saya rasa Yang



Berhormat Baling telah mengeluarkan kata-kata tersebut dalam *mala fide towards* Yang Berhormat Parit Buntar sebab Yang Berhormat Parit Buntar sekadar berkongsi berita, berkongsi daripada laman berita *Malaysia Dateline*. Bukan niat beliau untuk memasukkan gambar Yang Berhormat Baling dalam gari.

Walaupun itu adalah satu fakta dan ia bukan diputar belit atau ada sangkaan jahat. Gambar itu memang digunakan oleh banyak media, media sosial dan media arus perdana, Yang Berhormat Parit Buntar hanya berkongsi, *he shared the news. If his picture is on the news, it is no fault of* Yang Berhormat Parit Buntar.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Itu mengelirukan Dewan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya ditahan pada tahun 2018. Kenapa *one hour ago*, kalau dia tidak niat jahat, dia keluarkan gambar ini? Gambar saya lebih banyak lagi ada, masa tolong bantu COVID-19 dan sebagainya. Kenapa dia hendak keluarkan gambar ini?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Itu adalah gambar yang digunakan oleh media.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya merasakan memang Yang Berhormat Parit Buntar mempunyai niat jahat.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Itu apa yang digunakan oleh media, kenapa tidak marah media?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Meletakkan gambar saya kena gari, lokap, hendak ajak saya berdebat.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Kalau betul sangkaan jahat itu adalah terhadap media.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Boleh hantar gambar lain.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Bukan terhadap Yang Berhormat Parit Buntar.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kenapa dia hendak hantar gambar yang ini? Ini hak saya, *floor* saya, saya tidak berniat jahat, saya hanya menyatakan apa yang saya merasakan dia letakkan gambar saya...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** So...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *This is not* Yang Berhormat *Batu Kawan's face, this is my face.*

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yes.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *I have the right to say. Thank you.*

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *But it is on Malaysia Dateline. It is not on* Yang Berhormat Parit Buntar *Facebook page just like that.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Ini mengelirukan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Batu Kawan. Saya dengar, saya dengar. Saya sudah dengar. Jadi, bagi saya kalau Yang Berhormat Batu Kawan baca 36(12) mengatakan "... mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan dan disifatkan menghina Majlis dan hal itu boleh dirujuk pada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu."

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terpujanglah pada Yang Berhormat, kalau itulah Yang Berhormat hendak buat. Sekarang ini saya hendak cuba...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Jadi, *ruling* Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terpujang pada Yang Berhormat.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Oleh sebab Yang Berhormat Baling kata dia bercakap atas dia punya dalam perbahasan, masa untuk dia berbahas. Jadi, dia mempunyai justifikasi dia. Jadi...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Niat beliau *is to* ... Yang Berhormat Parit Buntar ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Waktu saya bahas tadi, Yang Berhormat Jelutong, 36(2), dia kata saya takut. Itu pun 36(2). Saya boleh panjangkan. *Come on* lah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita ada banyak perkara hendak debat, dia sendiri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, kalau saya...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia tidak perlu macam *kids*, tidak perlu. Dia bangun, dia kata saya penakut. Penakut ini [*Tidak jelas*]

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Jelas niat Yang Berhormat Baling adalah untuk menunjukkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Bahawa Yang Berhormat Parit Buntar memuat naik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Gambar sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat [*Tidak jelas*]

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Akan tetapi beliau memuat naik...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *She is wasting your time* Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Baling, duduk.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Satu petikan daripada media sosial *Malaysia Dateline*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Batu Kawan, saya baru masuk, Yang Berhormat Baling sudah habis.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Oleh sebab itu tadi saya minta *Point of Order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang *Berhormat Point of Order* saya, saya sudah sebut.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Sebelum Tuan Yang di-Pertua masuk tadi – sudah *ruling*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat kalau tidak setuju, keputusan saya Yang Berhormat *you have every right* bawah *Standing Order*, terpulang pada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat Baling sudah berikan penerangan dia, terpulang kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat menerima ataupun tidak. *But the cause of action* itu terpulang kepada Yang Berhormat. Saya tidak memihak kepada mana-mana pihak...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Parit Buntar yang sibuk, bukan Yang Berhormat Batu Kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, saya tidak memihak kepada mana-mana pihak, ini keputusan saya. Jadi, sekarang ini saya hendak jemput...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Mengaibkan Ahli Parlimen yang lain Yang Berhormat Baling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya hendak jemput, saya hendak jemput...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *That's what you are doing*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, saya hendak jemput Yang Berhormat Petaling Jaya. Silakan Yang Berhormat Petaling Jaya.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Shame on you [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia bagi tahu *shame on you*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *[Tidak jelas]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Batu Kawan kata *shame on you* Tuan Yang di-Pertua. Lagi sekali dia ulang. Tengok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak apalah. Biarlah. Saya ini macam inilah, bagi saya perbahasan ini penting. Kita sudah *miss out* satu...

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** *It's on?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sesi Parlimen. *Shame on me* kah, *shame on you* kah, tidak apalah. Silakan Yang Berhormat Petaling Jaya 20 minit. Terima kasih.

#### 4.09 ptg.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Terima kasih. Terima kasih atas peluang untuk terlibat dalam perbahasan Titah Tuanku. Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari kita berada di Dewan yang mulia ini, kita semua diberitahu bahawa kerajaan sedang melaksanakan rancangan Pelan Pemulihan Ekonomi dan Bank Dunia (*World Bank*) telah menyemak semula pertumbuhan ekonomi Malaysia dan juga akan meningkat kepada 6.9 peratus pada tahun 2021.

Akan tetapi data-data dan juga keadaan dari akar umbi memberitahu gambaran yang berlainan. Jabatan Statistik menunjukkan bahawa *industry, production index* dalam bulan April 2020 menguncup ke 37.2 peratus kerana COVID-19 ini dan ini mengakibatkan *slow down* dalam sektor-sektor ekonomi di Malaysia.

#### ■1610

Persoalannya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk merapatkan jurang dan mewujudkan ramalan Bank Dunia untuk pertumbuhan yang dikatakan oleh *World Bank*? Adakah ramalan itu realistik? Apa yang kita ada ialah yang mana kita tidak ada statistik yang penuh dan realistik, dan kita tidak boleh membuat apa-apa analisis. Saya harap kita akan jadi lebih telus dalam statistik kita.

Apa yang jelas ialah ekonomi kita ada pelbagai kekangan yang membawa 1001 cabaran kepada rakyat Malaysia. Realiti ialah rata-rata kita dapat melihat pendapatan isi rumah turun dengan mendadak sama ada disebabkan kehilangan pekerjaan akibat ekonomi menguncup ataupun kehilangan peluang perniagaan terutamanya untuk perniagaan mikro dan kecil-kecilan. Kaji selidik oleh Jabatan Statistik misalnya, telah mendedahkan 1.5 peratus daripada 41,386 individu yang disoal telah diberhentikan kerja dan 46 peratus daripada mereka yang bekerja sendiri (*self-employed*) dengan izin, telah hilang kerja. Didapati bahawa 67 peratus daripada syarikat-syarikat swasta melaporkan bahawa mereka tiada pendapatan langsung semasa PKP dan lebih kurang separuh daripada mereka hanya boleh bertahan selama satu atau dua bulan

sahaja sekiranya mereka terus membayar gaji penuh pekerja. Laporan daripada PENJANA menunjukkan bahawa akhir tahun ini, dua juta pekerjaan akan menganggur.

Oleh itu, saya akan sentuh tiga perkara. Pertama ialah Wawasan Kemakmuran Bersama (*Shared Prosperity Vision*) yang dipacu oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini telah menekankan konsep perkongsian pendapatan dan harta yang lebih saksama dan inklusif antara kelas, negeri dan wilayah. Sekiranya selama ini pertumbuhan ekonomi lebih banyak memanfaatkan kelas atasan atau *top 20* ataupun banyak tertumpu di kawasan bandar, SPV pula berhasrat untuk mengetengahkan industri desa kelas pertengahan dan kelas bekerja. SPV menekankan bahawa jurang antara pekerja dan pemilik kapital di Malaysia agak besar. Peratusan pampasan kepada pekerja berbanding KDNK hanya 35.7 peratus, ketinggalan paras di negara Singapura dan juga United Kingdom. Usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi pasca COVID-19, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya dapat mempertahankan sosioekonomi dan kebajikan rakyat?

Perdana Menteri sendiri telah mengumumkan beberapa tambahan *Economic Stimulus Package* dan peruntukan-peruntukan akan atau telah disalurkan kepada *direct fiscal injection* dan mengadakan *up-skilling programs* untuk meningkatkan kebajikan pekerja *freelancer*. Saya harap kerajaan tidak hanya mengutamakan syarikat perniagaan kelas teratas dan industri terlebih dahulu seperti menurunkan cukai ke atas syarikat kerana hendak menarik pelaburan, tetapi juga memelihara hak dan kebajikan rakyat marhaen.

Saya fikir ini adalah pandangan yang tidak sensitif terhadap kesengsaraan yang dihadapi oleh rakyat. Kerajaan perlu memperluaskan jaringan perlindungan sosial yang komprehensif. Peruntukan tunai yang diagihkan untuk kebajikan adalah terlalu kecil, bahkan memberi kesan kepada kehidupan orang miskin. Kita perlu meningkatkan jumlah tunai Bantuan Prihatin Nasional (BPN) sehingga mampu mencapai nilai 20 peratus daripada perbelanjaan bulanan isi rumah golongan B40 supaya ia berkesan dalam membantu penerima untuk menjaga kesihatan, membayar pendidikan anak-anak dan juga mencari kerja yang membawa gaji yang lebih tinggi. Saya setuju dengan cadangan untuk memanjangkan moratorium pinjaman kepada enam bulan lagi untuk membantu syarikat-syarikat dan pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah kita perlu sediakan platform yang mampu untuk menjamin pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat dalam tempoh pemulihan ekonomi ini. Walaupun tugas ini bukan sesuatu yang mudah, tetapi ia harus dilakukan bagi memastikan rakyat tidak dibelenggu pengangguran dan keadaan yang semakin mendesak. Saya anggar bahawa dalam masa hadapan yang terdekat, kerja-kerja seperti juruwang, pelayan *frontline* dalam bidang perhotelan akan digantikan dengan proses *automation*. Sebelum COVID-19, sesetengah kedai telah pun menyediakan prasarana pembayaran sendiri dan di sesetengah kedai McDonald's, proses membeli makanan boleh dilakukan melalui skrin komputer oleh

pelanggan sendiri. Saya percaya bahawa perniagaan-perniagaan besar proses *automation* ini akan dirancahkan lagi bagi mengurangkan kesan COVID-19 ke atas operasi perniagaan mereka.

Dalam konteks ini, kerajaan perlu berinovasi jikalau hendak membina tenaga kerja yang berdaya tahan. Kerajaan perlu menunjukkan kepimpinan dengan menyediakan platform digital dan logistik yang berupaya untuk menghubungi peniaga-peniaga mikro dan kecil dengan pelanggan mereka. Penghantar makanan atau barang boleh diambil dari kalangan rakyat Malaysia yang menghadapi kesukaran untuk mendapat pekerjaan. Melalui platform ini, peniaga-peniaga masih boleh melakukan pembatasan sosial di samping meneruskan perniagaan mereka. Selain itu, jaminan kerja yang konvensional juga perlu dipertimbangkan dan diperluaskan.

Cadangan-cadangan lain ialah menyediakan geran yang memadai supaya peniaga-peniaga sederhana mampu untuk turut serta dalam proses *automation* bagi meneruskan operasi mereka. Dasar pasaran buruh yang aktif diperlukan untuk merangka program *upskilling* dan *cross-skilling* supaya tenaga kerja dapat dimanfaatkan oleh sektor yang memerlukan tenaga kerja tambahan akibat meningkatkan kegiatan ekonomi tersebut. Melabur dalam intensif pendidikan tinggi dan latihan vokasional untuk menyerap semula graduan dan juga mereka yang kehilangan kerja supaya mereka boleh mendapat kemahiran baharu. Pelaburan ini wajar membentuk program latihan dan ijazah yang bersifat keterhadapan dan berkisarkan teknologi internet. Biasiswa yang sesuai perlu disediakan untuk menyerap semula mereka daripada pasaran buruh dan mengelakkan peningkatan pengangguran di samping memberi peluang kepada mereka untuk *upskill* atau *cross-skilling*. Mencipta pekerjaan baharu kepada rakyat Malaysia melalui projek-projek awam.

#### ■1620

Satu lagi ialah berkenaan dengan isu *economic recovery* iaitu sekuriti makanan. Makanan sebagai salah satu aspek kemiskinan pelbagai *dimension*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PKPD telah dikenakan di kawasan Parlimen Petaling Jaya di sekitar Jalan Othman. Sepanjang PKPD tersebut, pejabat saya dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan agensi kerajaan lain telah berusaha untuk memberi bantuan bekalan makanan kepada penduduk yang terjejas.

Pada pendapat saya, sekuriti makanan tidak terjamin sekiranya penduduk tidak mampu untuk membeli makanan. Isu ini sebenarnya bukan sahaja mengenai kewujudan makanan tetapi berkaitan dengan isu kemiskinan. Saya membangkitkan perkara ini kerana kegagalan kerajaan untuk mengambil tindakan dalam masalah ini dan menimbulkan persoalan mengenai keupayaan mereka untuk menangani masalah sekuriti makanan yang lebih serius dan besar.

Bagi isi rumah yang berpendapatan rendah, makanan merupakan perbelanjaan yang paling besar. Jika kita teliti isi rumah yang susah, sebenarnya perbelanjaan makanan mereka tidak mencukupi untuk membekalkan diri dan keluarga mereka dengan makanan berkhasiat.

Akhir sekali, saya hendak memberi sedikit masa untuk Yang Berhormat Langkawi menjelaskan satu tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Baling. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat ada enam minit 43 saat.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Ya. Saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Di bawah peraturan mana Yang Berhormat?

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Yang Berhormat Langkawi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, di bawah peraturan mana?

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Kalau Yang Berhormat Langkawi ingin mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, di bawah peraturan yang mana? Sekejap Yang Berhormat Langkawi.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Bukan. Saya belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat Petaling Jaya, di bawah peraturan mana untuk membenarkan...

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Bukan peraturan. Saya masih ada tetapi kalau Yang Berhormat Langkawi hendak mencelah, saya akan bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Oh, maknanya Yang Berhormat hendak habiskan bahas?

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Bukan batalkan berbahas. Ini kerana saya masih ada enam minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Jadi sekarang?

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Sekarang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Okey, saya akan terus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat...

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Okey.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekejap. Saya agak keliru ini, Yang Berhormat, sebab selalunya pencelahan kalau kita merujuk kepada peraturan, yang memohon untuk mencelah itu yang akan bangun dan memohon kebenaran daripada yang berbahas. Tetapi di sini Yang Berhormat sedang membahaskan dan Yang Berhormat menjemput untuk mencelah. Saya rasa dalam peraturan mana untuk menjemput untuk mencelah, Yang Berhormat?

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Dia sudah bangun dan dia hendak mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya tahu tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat ini...

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Mencilah kot.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** So, Yang Berhormat sekarang— Yang Berhormat Langkawi hendak mencilah?

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat hendak mencilah? Silakan tetapi masa Yang Berhormat Petaling Jaya punya perbincangan. Saya tidak akan tambah masa. Silakan soalan ya, Yang Berhormat, kalau mencilah.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar panjang lebar cerita daripada Yang Berhormat Baling. Ada tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadap Kerajaan Pakatan Harapan. Tuduhan ini boleh dilaporkan kepada polis kalau benar. Kita juga akan menunggu apabila pihak yang berkuasa mengambil tindakan atau membawa ahli yang dituduh di mahkamah. Masa itu, Ahli Yang Berhormat berpeluang untuk membuat penjelasan dan terpulanglah kepada hakim untuk menentukan sama ada penjelasannya itu betul ataupun tidak.

Setakat yang kita tahu, memberi penjelasan dalam Dewan ini mempunyai kesan yang terhad kerana kami tidak boleh berbuat apa-apa, cuma mendengar sahaja. Hendak dengar pun susah juga *pasai* dia bercakap terlalu kuat sampai bengang telinga tidak tahu apa yang dia kata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Langkawi, *with due respect sir...*

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Mengikut peraturan mesyuarat, Yang Berhormat hanya boleh berdiri untuk menimbulkan sama ada mencilah untuk klarifikasi kepada Yang Berhormat yang sedang berbincang. Kalau Yang Berhormat Langkawi mahu membuat kenyataan dan sebagainya, Yang Berhormat boleh membuat sidang media selepas ini. Tetapi dalam Dewan ini, Yang Berhormat, saya terpaksa memantau dari segi perbincangan dan juga dari segi masa. Jadi, saya berharap Yang Berhormat memahami cabaran yang saya hadapi. Jadi kalau Yang Berhormat boleh, sama ada Yang Berhormat hendak tanya soalan kepada pembahas ataupun mungkin Yang Berhormat boleh membuat apa-apa usul kah selepas ini. Tetapi dalam perbincangan sekarang, *the floor is* Yang Berhormat Petaling Jaya.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat Baling bahawa tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadap Kerajaan Pakatan Harapan boleh dilaporkan kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak apa. *I'll understand.*

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** ...Pihak polis dan terpulanglah kepada polis...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *I'll understand,* Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih, Yang Berhormat Langkawi.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak apa.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia cakap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Baling, tidak payah Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya cakap lembut sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak apa.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dahulu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya tidak benarkan.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Ini *floor* saya. Ini adalah *floor* saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Baling, tidak apa Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Langkawi, saya memohon dengan segala hormatnya. *Is that a question* ataupun *clarification* kepada Yang Berhormat Petaling Jaya? *If not, saya kena minta Yang Berhormat duduk. It is very difficult sir for me to ask you to sit down.*

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Thank you so much* Yang Berhormat Langkawi. Silakan Yang Berhormat, satu minit 58 saat.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Okey, terima kasih. Akhir sekali, saya telah menerima banyak e-mail dan surat berkenaan dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019. *Constituent* saya amat prihatin bahawa sehingga kini tidak ada keputusan mengenai IPCMC. Rang undang-undang ini telah ditangguhkan dalam sidang Parlimen yang lalu. Saya harap Kementerian Dalam Negeri tidak memberi alasan lagi dan harus membentangkan bacaan kali ketiga IPCMC.

Akhir kata, IPCMC akan meningkatkan integriti, keupayaan dan kebajikan pasukan polis. Saya harap IPCMC akan dibentangkan sekali lagi dan yang terakhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Dengan ini, saya mewakili rakyat P.105 Petaling Jaya berterima kasih atas peluang untuk membentangkan perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Sabak Bernam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Maaf. Yang Berhormat Sabak Bernam. Minta maaf. Saya silap.

**4.28 ptg.**

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lupa dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Sorry, sorry.*

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan ucapan menjunjung kasih Titah Yang di-Pertuan Agong pada penggal yang ketiga, Parlimen ke-14 pada 18 Mei 2020 yang lalu.

Saya mendoakan agar Tuanku Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dianugerahkan kesihatan dan kekuatan yang berterusan untuk menaungi dan memayungi negara dan rakyat jelata tercinta serta meneruskan pemerintahan yang adil, telus dan saksama serta mengutamakan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Sesungguhnya 18 Mei 2020 yang lalu adalah merupakan tarikh yang bersejarah kepada negara khususnya Parlimen Malaysia kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyampaikan titah di pembukaan persidangan Parlimen Malaysia yang menyaksikan Perikatan Nasional pula menerajui kerajaan menggantikan Kerajaan Pakatan Harapan yang hanya sempat menjadi kerajaan selama hanya 22 bulan yang menjadi sejarah negara sebagai gabungan parti yang paling singkat memerintah negara.

■1630

Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri ke-8. Sesungguhnya semuanya adalah kehendak, izin dan aturan daripada Allah SWT. Sebagaimana mana yang dinyatakan dalam al-Quran, maksudnya;

*"Katakanlah wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakanlah orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakanlah orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan, sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu...".* Surah Ali-Imran ayat ke-26.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Saya merafakkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah dan kurniaNya jua saya dapat berucap menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Baginda, Tuanku telah menyentuh pelbagai perkara, bidang dan ruang skop negara. Antaranya tentang pandemik COVID-19, perubahan teraju kerajaan dan kepimpinan negara, ketidaktentuan ekonomi negara kerana kejatuhan harga minyak dan komoditi serta kesan dan ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China. Inisiatif melindungi kebajikan rakyat dan menyokong industri PKS, masalah polarisasi kaum, mempertahankan Islam sebagai agama Persekutuan, keselamatan negara, merencanakan aktiviti ekonomi, Revolusi Industri 4.0, mewujudkan peluang pekerjaan, memperkasakan pendidikan, khususnya pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional atau TVET.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Sabak Bernam. Satu *second*. Satu saat, boleh?

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Satu saat sahaja. Saya tertarik dengan— boleh ya?

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya tertarik dengan mukadimah Yang Berhormat Sabak Bernam tadi dengan ayat Quran tadi, saya sungguh tertarik. Apakah Yang Berhormat setuju dengan saya kalau Kerajaan Pakatan Harapan ini, mereka memerintah negara ini penuh dengan fitnah, kezaliman sehingga Allah tidak meredai, Allah tidak reda, hari ini kerajaan kita memerintah. Apakah Yang Berhormat bersetuju?

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Masukkan Yang Berhormat Baling dalam ucapan saya. Setuju benar. Masalah polarisasi kaum, mempertahankan Islam sebagai agama Persekutuan, merapatkan jurang pembangunan dan ekonomi antara negeri dan wilayah, kesejahteraan masyarakat bandar, kos sara hidup rakyat, kebajikan dan kesejahteraan rakyat terutama kanak-kanak, wanita, warga emas dan orang kurang upaya, industri komoditi, perkhidmatan kesihatan yang saksama, kemerosotan alam sekitar, amalan integriti dan tadbir urus yang baik. Menghargai taat setia dan sumbangan anggota perkhidmatan awam serta pentingnya pemimpin menjadi teladan dalam menyemai nilai-nilai positif kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pendidikan. Pertama berhubung dengan pendidikan, saya ingin mendapat penjelasan tentang cadangan pembinaan pejabat daerah atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sabak Bernam yang baharu. Saya merayu kepada kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan agar pembinaan PPD Sabak Bernam yang baharu dapat disegerakan kerana PPD Sabak Bernam kini menguruskan 64 buah sekolah iaitu 47 buah sekolah kebangsaan dan 17 buah sekolah menengah dalam bilangan pelajar seramai 22,207 orang serta menguruskan 2,391 orang guru. PPD Sabak Bernam sekarang beroperasi di pejabat sementara mulai Julai 2013.

Saya difahamkan status pembinaan bangunan belum bermula. Saya difahamkan juga kelewatan ini adalah disebabkan kelulusan status tapak sedia daripada *Malay school reserved* kepada Pentadbir Tanah Persekutuan. Saya berharap masalah ini akan segera diatasi Pejabat Tanah Selangor dan Ketua Pengarah Tanah dan Galian kerana ia telah berlarutan sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini terdapat satu kes yang mana sebuah bangunan dewan asrama puteri SAM Muhammadiyah, pekan Sabak Bernam telah runtuh. Ini kerana faktor struktur bumbung yang reput dan tidak selamat diduduki. Lebih membimbangkan apabila terdapat satu lagi bangunan yang diisytiharkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya tidak selamat diduduki. Oleh itu, saya memohon jasa baik kementerian, bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya untuk melakukan pemeriksaan terhadap semua sekolah di seluruh negara, khususnya di Parlimen Sabak Bernam.

Memandangkan pelajar akan memasuki ke sekolah pada 3 Ogos nanti, jangan sehingga berlaku kematian baru tindakan mahu dilakukan. Saya mohon dan merayu agar kementerian mengambil tindakan segera meluluskan peruntukan khas kecemasan ini untuk memastikan pembinaan selamat digunakan. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah kementerian perlu mewujudkan satu prosedur operasi standard (SOP) kepada pihak sekolah untuk menghantar laporan secara bulanan kepada JKR.

Tuanku dalam Titah Baginda telah menyentuh tentang Revolusi Industri 4.0 serta kaitannya bagi mewujudkan peluang pekerjaan. Tuanku turut bertitah bahawa Baginda menyokong pemeraksanaan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional ataupun TVET untuk mempersiapkan golongan belia menghadapi cabaran baharu dalam pekerjaan.

Menteri Pendidikan pada 2 Oktober 2019 melaporkan bahawa lebih 60 peratus pekerjaan di negara ini akan memerlukan kelulusan dalam bidang TVET. Sehubungan dengan ini dijangkakan 225,000 pelajar TVET Malaysia akan diambil. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan berhubung dengan TVET ini. Apakah dasar kerajaan sekarang berhubung dengan memperkasakan pendidikan TVET di Malaysia ini? Berapa jumlah institusi pendidikan dan latihan TVET di Malaysia sama ada kerajaan dan swasta yang sedang beroperasi ketika ini? Apakah perancangan kerajaan bagi menampung bilangan TVET yang dijangka terus meningkat?

Apakah langkah kerajaan bagi memastikan mutu atau standard pendidikan TVET Malaysia memenuhi keperluan industri dan keperluan negara? Setakat manakah pelajar lepasan TVET ini dapat menembusi pasaran kerajaan? Sejauh manakah subjek yang mereka pelajari ketika ini relevan dengan industri dan sejauh manakah pelaksanaan kerajaan dalam memastikan penyelarasan sekolah tahfiz tidak ketinggalan dalam bidang TVET dan Revolusi Industri 4.0.

Berhubung dengan pendidikan juga, saya ingin menyentuh berhubung dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang kini telah memasuki gelombang kedua pelaksanaannya. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi memperluaskan dimensi pendidikan negara serta memacu meningkatkan sistem pendidikan di negara ini. Di antaranya pengukuhan perpaduan di sekolah, pembudayaan kemahiran berfikir dalam pembelajaran abad ke-21 dan Pengukuhan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik ataupun STEM. Adakah kerajaan bercadang untuk menambah bilangan sekolah wawasan sebagai inisiatif untuk meningkatkan perpaduan kaum di negara melalui pendidikan?

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Kawasan Parlimen Sabak Bernam adalah merupakan hab aktiviti pertanian di negara ini kerana mempunyai skop bidang pertanian yang meluas. Di antaranya ialah Parlimen Sabak Bernam mempunyai projek pertanian tanaman kelapa, lebah kelulut. Limau purut, mangga, pisang, sawit dan padi. Sama ada projek ataupun luar projek bagi tempoh Januari hingga 2019 adalah dengan 30,685 peserta dengan keluasan kawasan 27,996.95 hektar dan menghasilkan pengeluaran sebanyak 303,291,189.60 kilogram dengan nilai pengeluaran 164,654,442.45.

Sementara itu bagi penanaman sayuran tanaman industri seperti *roselle*, kopi dan koko, tanaman buah-buahan dan ladang. Tanaman ladang mempunyai peserta seramai 56,915. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2019 dengan jumlah pengeluaran adalah sebanyak 288,991,317 kilogram dengan nilai RM160,668,598 bagaimanakah terdapat hanya empat orang pengusaha sayuran dan 569 pengusaha tanaman buah-buahan.

#### ■1640

Manakala tiada pengusaha *plow culture* herba dan rempah-ratus dan tanaman ladang. Sehubungan dengan ini, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pertanian dan Industri Makanan membuat kajian kemungkinan atau *feasibility study* bagi tanaman-tanaman berkenaan termasuklah lada hitam, jagung dan tanaman kontan seperti keledak secara komersial.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pertanian Daerah Sabak Bernam yang sentiasa komited untuk memajukan dan membangunkan aktiviti projek dan kegiatan pertanian di Sabak Bernam. Terbaru, saya difahamkan Jabatan Pertanian Daerah Sabak Bernam sedang membangunkan Pusat Kecemerlangan Kelulut (*Centre of Excellence on Kelulut*) di Sungai Air Tawar melibatkan lebih 100 penternak kelulut.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang sentiasa mengambil berat dan prihatin ke atas nasib petani, pesawah, pekebun kecil, nelayan dan penternak di kawasan Parlimen Sabak Bernam. Setiap tahun, Parlimen Sabak Bernam mendapat peruntukan lebih daripada RM5 juta bagi aktiviti dan kegiatan pembangunan pertanian. Bagaimanapun, peruntukan ini tidak memadai dan amat terhad bagi pembangunan pertanian yang lebih menyeluruh dan inisiatif untuk melahirkan lebih ramai usahawan industri asas tani seperti kuih, minyak kelapa dara, *nata de coco* dan terutama dalam kalangan wanita dan golongan muda. Oleh itu, saya mohon agar Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menambah peruntukan sedia ada supaya pembangunan pertanian dan usahawan tani dapat diperhebat dan diperkasakan lagi.

Berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, saya ingin menyentuh berhubung dengan inisiatif kerajaan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara yang telah meluluskan Projek Pertanian Bandar. Tuanku dalam titah baginda menyentuh lebih kurang dua pertiga rakyat di negara ini terletak di bandar. Serentak dengan itu, baginda menyeru agar kesejahteraan masyarakat bandar perlu diteruskan dan dipertingkatkan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang mengambil inisiatif melaksanakan Projek Pertanian Bandar untuk membantu mengurangkan kos sara hidup penduduk bandar dan pinggir bandar terutama yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Projek ini juga terbuka kepada penyertaan penduduk luar bandar. Saya mengalu-alukan projek ini yang meliputi dua kategori iaitu kategori komuniti dan juga kategori individu yang boleh dilaksanakan di kawasan kediaman. Saya percaya Projek Pertanian Bandar ini akan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada orang awam kerana projek ini memberikan insentif *one-off* input pertanian dan khidmat nasihat. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan

memberikan peluang menjalankan projek ini terutama kepada golongan peserta dan warga emas yang berminat supaya dapat meningkatkan produktiviti mereka.

Berhubung dengan pertanian ini juga, saya ingin menyentuh pentingnya pesawah, petani dan pekebun kecil mendapat khidmat nasihat dari aspek pengembangan projek pertanian. Saya ingin mendapat penjelasan, setakat manakah program khidmat nasihat daripada segi pengembangan pertanian ini telah dilaksanakan di kawasan Sabak Bernam? Setakat manakah bantuan input pertanian telah diberikan kepada petani, pesawah dan juga program pembangunan pertanian Jabatan Pertanian?

Berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan masalah utama yang dihadapi oleh golongan pesawah, petani dan pekebun kecil di kawasan-kawasan luar bandar. Pertama, berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh pesawah iaitu daripada segi infrastruktur khususnya daripada segi pengaliran air di sawah yang terganggu akibat daripada kerosakan yang teruk kepada palung-palung yang telah berusia lebih daripada 30 tahun.

Palung-palung ini telah banyak yang rosak dan bocor menyebabkan tanaman padi tidak dapat dijalankan secara serentak dan sawah tidak mendapat air yang mencukupi. Natijahnya, hasil padi di kawasan luar bandar semenjak dua tahun ini terutama di kawasan Sabak Bernam, telah merosot daripada tujuh atau lapan tan sekeping ataupun tiga ekar, hanya kepada dua ataupun tiga tan sahaja menyebabkan pesawah mengalami kerugian kerana pendapatan tidak dapat menampung kos penanaman padi yang dianggarkan sebanyak RM4,500 untuk satu keping ataupun tiga ekar.

Terdapat seramai 3,084 orang pesawah yang terbabit dengan tanaman padi. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan, adakah kerajaan mengetahui bilangan palung yang telah rosak dan memerlukan penyelenggaraan? Saya mohon kerajaan menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk menyegerakan pembinaan palung-palung ini. Sehubungan dengan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi membantu golongan pesawah yang terjejas teruk dengan hasil pertanian yang rendah akibat daripada infrastruktur yang tidak sempurna, serangan serangga dan bencana seperti angin dan lain-lain lagi?

Kedua, berhubung dengan tanaman kelapa yang sering terjejas daripada segi hasilnya kerana serangan makhluk perosak seperti kumbang. Saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat manakah kerajaan telah mengambil tindakan untuk membantu pekebun kecil kelapa bagi mengatasi masalah serangan makhluk perosak? Berhubung dengan tanaman kelapa ini juga, saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat manakah kerajaan telah menyediakan bekalan benih kelapa yang bermutu dan mencukupi dengan harga yang tidak membebankan pekebun kecil?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya berhubung dengan pertanian juga, saya berharap akan dapat menghidupkan semula Mesyuarat Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) bagi

melaraskan, memajukan dan membangunkan program pertanian, khususnya di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tuanku dalam titah baginda menyarankan agar kerajaan merapatkan jurang pembangunan ekonomi antara negeri dan wilayah termasuklah usaha menambah baik rangkaian dan infrastruktur asas. Peranan KPLB amatlah penting dari segi pembangunan sebagaimana enam teras utama iaitu:

- (i) prasarana;
- (ii) ekonomi;
- (iii) keusahawanan;
- (iv) modal insan;
- (v) wanita; dan
- (vi) sistem penyampaian.

Program prasarana termasuklah:

- (i) jalan luar bandar;
- (ii) jalan perhubungan desa;
- (iii) bekalan air luar bandar;
- (iv) bekalan elektrik luar bandar; dan
- (v) program aktiviti sosial.

Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, khususnya KPLB yang terus prihatin kepada masalah dan kepentingan rakyat. Antaranya bagi tahun 2019, kerajaan telah melaksanakan kerja baik pulih di kawasan Sabak Bernam dan menurap jalan, menaikkan padang bola dan membina pondok. Pembangunan luar bandar bukan sahaja melibatkan pembangunan prasarana dan infrastruktur, tetapi juga pembangunan insan seperti keusahawanan dan modal insan selain kesejahteraan dan kebajikan rakyat sentiasa mendapat perhatian saya, termasuk projek membaik pulih pagar dan sebagainya.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Sabak Bernam ini mempunyai lebih daripada 4,600 orang. Daripada jumlah itu, hanya 2,300...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, bersedia untuk gulung ya?

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Akhirnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri. Tuanku dalam titah baginda menyentuh aspek keselamatan negara meliputi aspek geopolitik *maritime* dan juga kemasukan pendatang tanpa izin (PATI) menyumbang kepada masalah daripada aspek ekonomi, sosial dan sebagainya.

Akhir kata, Tuanku menyatakan semua pihak perlu menjamin dan mengekalkan keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara. Tuanku juga merayu agar pemimpin-pemimpin

memainkan peranan agar rakyat mematuhi ajaran agama dan nilai-nilai murni serta meningkatkan integriti tadbir urus dan kedaulatan undang-undang.

Akhir kalam, saya dan rakan-rakan Kerajaan Perikatan Nasional beriltizam akan berganding bahu ibarat '*aur dengan tebing*'. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**4.49 ptg.**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan penggal Parlimen ini. Di dalam ucapan saya hari ini, saya berniat ataupun bercadang untuk membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan pembentukan kerajaan baharu baru-baru ini di dalam bulan Mac tahun ini yang telah pun menggantikan kerajaan dulu yang dipilih oleh rakyat iaitu Pakatan Harapan di dalam Pilihan Raya Umum yang lalu iaitu Pilihan Raya Umum Ke-14.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Mac tahun ini kami telah pun digemparkan— saya akan memakai perkataan ini, 'dengan pengkhianatan' beberapa Ahli Parlimen yang dulunya bersumpah menyokong Kerajaan Pakatan Harapan yang direstui oleh rakyat dalam pilihan raya umum yang lalu. Hari ini, saya nampak Ahli-ahli Parlimen tersebut duduk di sebelah sana tanpa rasa sebarang malu tetapi sebaliknya menyokong kerajaan baharu ini yang terdiri daripada pengkhianat-pengkhianat yang dilahirkan dalam bulan Februari tahun ini, iaitu di dalam apa yang sekarang kami merujuk ataupun dikenali sebagai 'Langkah Sheraton' ataupun '*The Sheraton Move*'.

Persoalan yang timbul Tuan Yang di-Pertua adalah, apa yang telah pun menyebabkan pengkhianat-pengkhianat tersebut melakukan apa yang mereka lakukan. Adakah tindakan khianat mereka disebabkan mereka ditawarkan jawatan-jawatan oleh Perdana Menteri...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Betul.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** ...Sebagai manfaat untuk membentuk satu kerajaan yang baharu. *Is that the reason* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua? Saya, dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua mengambil kesempatan untuk merujuk kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam hal ini, oleh sebab baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua satu rakaman audio telah dibongkar yang mana suara di dalam rakaman tersebut mirip suara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Suara tersebut bercadang agar beberapa Ahli Pakatan Harapan (PH) pada masa itu keluar daripada Pakatan Harapan untuk membentuk satu kerajaan yang baharu dengan memberi mereka tawaran jawatan-jawatan yang tertentu, tawaran-tawaran jawatan Menteri, tawaran-tawaran jawatan GLC dan sebagainya.

*Now*, sekiranya apa yang terkandung di dalam rakaman tersebut adalah benar Tuan Yang di-Pertua, maka adalah jelas bahawa satu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 telah pun



dilakukan. Oleh sebab jawatan kepada ataupun tawaran jawatan kepada mana-mana pihak, *the offeror and the receiver* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, telah pun melakukan satu kesalahan.

Jadi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, beberapa laporan polis juga laporan-laporan kepada SPRM telah pun dibuat, salah satu daripadanya oleh seorang bernama Eric Teh Hoong Keat iaitu Setiausaha Kebangsaan Pemuda Sosialis Parti DAP. Lapornya adalah Laporan Petaling 005230/2000. Beliau juga telah pun membuat satu surat kepada SPRM yang mengadu perkara yang sama pada 1 Jun tahun ini. Saya difahamkan dan saya percaya bahawa terdapat banyak lagi laporan polis yang telah pun dibuat, laporan MACC yang juga telah pun dibuat oleh pihak-pihak lain.

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri apakah status— *what is the status of these reports?* Ini kerana, seperti mana yang telah pun saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah amat penting dan amat mustahak oleh sebab sekiranya didapati elemen rasuah di dalam tawaran-tawaran orang di dalam rakaman audio tersebut kami tidak tahu orang tersebut itu merupakan siapa. Akan tetapi, saya telah pun menimbulkan persoalan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di dalam soalan lisan saya di mana saya telah pun bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada suara di dalam rakaman audio tersebut merupakan suara beliau. *Is it his voice? Was it him? It is because if it was, then with respect* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *an offence might have been committed, perhaps even committed.*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas – walau bagaimanapun sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, soalan tersebut telah pun ditolak atas alasan ia melanggar Peraturan Mesyuarat 23(1)(h) iaitu, *“sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tujuan hendak mendapat buah fikiran atau hendak mendapat penyelesaian berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masalah atau kerana hendak mendapat jawapan dalam perkara yang dimisalkan sahaja”*.

Ini adalah amat mengelirukan, pelik. Ini kerana, soalan yang ditimbulkan tersebut adalah ditujukan kepada orang yang disyaki bercakap di dalam rakaman audio tersebut. *It was directed* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *directly to the Prime Minister himself. So, it is not a question or an opinion on his part. All he has to do* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *is to confirm whether or not it is his voice. Once he does that, the matter can be further investigated. If it is not his voice, he can say so in Parliament. But if it is his voice, he should also confirm the same.*

Jadi dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah perlu untuk kita mengetahui apa yang dikatakan di dalam rakaman audio tersebut secara mendalam. *It is important that we note what was stated or what was offered in the said recording. Recording* tersebut seperti yang saya akan mainkan sekarang. Tuan Yang di-Pertua, adalah seperti yang berikut. *[Memainkan rakaman audio]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Bawah perintah mana untuk mainkan audio visual itu Yang Berhormat?

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *I am playing the recording.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Under which Standing Order?*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *There is no Standing Order which prohibits me from doing so.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *No, Yang Berhormat. Yang Berhormat tengah berbahas.*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yes. Ini adalah salah satu sebahagian daripada perbahasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Under which Standing Order Yang Berhormat?*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya telah pun menimbulkan isu ini. Saya telah pun bertanya secara soalan lisan isu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, *can you please show me* bawah perintah mana.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *No, there is no order which prohibits me from doing so. It has been done in the past.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Can you show me which Standing Order? Then, can you show me which Standing Order allows you?*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *There is no Standing Order which prohibits me.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *As far as I am concerned, I have never heard.*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *It has been done in the past.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Can you please show me...*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *It has been done in the past in fact, if I may explain Tuan Yang di-Pertua. In the past it has been done in the case of the former Chief Justice Tun Zaki Azmi who was alleged to have made bribes to certain court officials in Sarawak. I believe it would have been maybe around year 2007 if I am not mistaken, where the former Bukit Gelugor MP as well had done the same, played a video or audio recording in Parliament for the purpose of ataupun bagi tujuan untuk memaklumkan kepada Dewan apa yang*

dinyatakan. *It is because it is part of my speech.* Ini adalah sebahagian daripada apa yang saya ingin menyatakan dalam perbahasan saya.

Jadi apa yang saya buat sekarang, *I am giving the Dewan the best evidence* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *I am actually playing the recording itself...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yes, Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** ...*Instead of me repeating or reading from it.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yes, yes. Yang Berhormat ada dua perkara di sini. Satunya, tidak ada masa sekarang untuk melihat kepada bukti Yang Berhormat mengatakan bahawa...

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *No, it is only two minutes.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekejap, saya tahu. *But,* Yang Berhormat mengatakan bahawa *there is a precedent.*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Okey, sekarang ini *I'm taken by surprise* sebab saya tidak ada sistem yang saya boleh *check that precedent on that particular manner that you have raised, with all due respect,* nombor satu.

#### ■1700

Nombor dua Yang Berhormat, Yang Berhormat perlu juga memaklumkan ataupun Yang Berhormat perlu juga memaklumkan kepada Dewan –*maybe you could have given an early notice* ke apa. Ini sebab di sini disebabkan saya agak terperanjat. Yang keduanya ini bukan mahkamah, ini adalah perbahasan.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya faham Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Maknanya tidak ada isu *hearsay*. Kalau mahkamah, kemungkinan Yang Berhormat mahu menarik audio video itu sebagai membuktikan bahawa adanya suara *but can I assume that is your intention?*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *No. If I may,* Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Jadi, saya faham mungkin *on hearsay* tetapi *this is a debate* Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ini bukan berkenaan *hearsay* dan sebagainya. Ini isu di dalam isu ini. *The issue here...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yes?

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Adalah sama ada suara itu adalah suara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, memandangkan keadaan tersebut adalah penting untuk Dewan mendengar suara tersebut. *It is not so much the content. The content is one, yes. But the actual delivery of the recording. Whose voice was it?* Itu adalah penting dan Dewan *has a right to hear it.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat...

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ini bukannya di mahkamah, *it is not sub judice.*

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** *Point of order, point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *It is not sub judice.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Kimanis. Ini di bawah peraturan mana?

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. *Point of Order* 36 (6) okey. Cara Yang Berhormat Bukit Gelugor melakukan atau menyatakan cara ini saya ingat lebih kepada sangkaan jahat. Kalau benar apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor, dia boleh buat laporan di luar. Kita ada proses undang-undang. *Just follow, we are* negara yang menjunjung undang-undang. *Rule of law*, bukan menggunakan Dewan ini hanya untuk membangkitkan perasaan sangkaan jahat kepada seseorang. Ini menyalahi *Order* 36(6) ya.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Atas peraturan yang sama...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Tidak. Tidak. Saya minta *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada ingin meneruskan ataupun tidak kerana lebih kepada sangkaan jahat.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya perlu jawab Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekejap ya. Yang Berhormat Kimanis, saya ucap terima kasih lah sebab Yang Berhormat Kimanis mahu menggunakan elemen sangkaan jahat tetapi di sini saya hendak menyelesaikan isu tentang *the source* iaitu di manakah kebenaran di bawah peraturan mesyuarat untuk membawa *audio voice*...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan kuasa budi bicara, membenarkan atau tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Betul. Saya tahu, saya tahu. Yang Berhormat Kimanis, *you do not have to teach me how to do my job. I am quite aware. thank you so much...*

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Speaker, speaker...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Biar saya respons kepada...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Kejap, kejap. *Let me settle one by one. I have got only eight minutes over.* Yang Berhormat...

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *my speech, I have only got eight minutes left.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yes. But Yang Berhormat, *this is what I blame you because this is supposed to be a debate. Not for you to put audio and there is no notice kepada Dewan.*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *The audio is part of the debate.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *I am not going to allow it Yang Berhormat. I am taken by surprise, unless I have been informed there is an audio...*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *But can I at least respond to Yang Berhormat Kimanis?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *No, no. Okay, you respond first on the evidence of the proof...*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *I can...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Your precedent, I do not have a copy.*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *What is the fear of playing this recording in Parliament? What is the problem?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *There is no such fear Yang Berhormat. You are a practicing advocate and solicitor.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Speaker, we want to hear the recording.*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *No, no. Apa masalah kita mainkan dalam ini...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Yang Berhormat Jelutong, duduk Yang Berhormat Jelutong. I am not done. Yang Berhormat Jelutong, I am not inviting you to speak.*

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** *Sangkaan jahat dari Yang Berhormat Bukit Gelugor.*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Tidak ada masalah.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Saya dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor –Yang Berhormat Kimanis, duduk.*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Tiada apa tindakan diambil. That is why I am raising it. Laporan telah pun dibuat, I have just mentioned nombor laporan tersebut.*

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** *Ya, tetapi sekarang budi bicara Tuan Yang di-Pertua... [Tidak jelas]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Yang Berhormat boleh sambung perbincangan tak payah pakai audio video. Yang Berhormat boleh buat any other creative ways but not on audio video. I will not going to allow. I am sorry, saya sudah buat petua I am not going to allow. You can continue.*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Very well, I will read out what he said* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, sila. *You can continue your way but not in audio sound.* Silakan. Lapan minit lebih.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Jadi ini apa yang dinyatakan Tuan Yang di-Pertua di dalam *recording* tersebut. Saya akan bacakan tapi itu bukan suara saya. *I just want to make that very clear, that is why...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *This is your floor.*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *The Dewan has been deprived of the best evidence, I wonder why? I think Yang Berhormat Kota Bharu can confirm this is the best evidence. He is a lawyer. Boleh? Inilah evidence yang terbaik, why am I being deprived of raising it in Parliament?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *No, Yang Berhormat. Yang Berhormat debate, biarlah Yang Berhormat Menteri jawab nanti...*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Itulah saya hendak tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Kalau dia hendak jawab, biar dia jawab. Akan tetapi *the point is that...*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya boleh tanya dia sekarang. *He is a lawyer.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *But this is your floor. You can do, you can say –you got seven minutes.* Silakan.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Very well. I will read out what was in the speech* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Speaker, atas isu peraturan yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Okey, yang mana peraturan dia Yang Berhormat?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. Saya ingin tahu adakah itu suara Yang Amat Berhormat Pagoh? Dewan perlu tahu. Kalau tidak, ia merupakan satu sangkaan jahat. Jadi, saya minta Yang Berhormat Bukit Gelugor untuk mainkan *recording* itu supaya kita tahu sama ada itu adalah suara Yang Amat Berhormat Pagoh yang ada dalam rakaman tersebut. *You should allow him to play the recording, so we can find out whether it is Yang Amat Berhormat Pagoh is speaking.*

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Speaker sudah buat keputusan dia tak benarkan.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Betul Tuan Yang di-Pertua. Isunya *is whether it is his voice...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Jelutong, saya sudah jawab kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. *No I am not going to allow any audio. He has got no element of the audio recording in this perbahasan.* Bila Yang Berhormat Menteri boleh jawab ataupun hendak jawab ataupun tak nak jawab kah, Yang Amat Berhormat Pagoh sendiri hendak jawab –*as far as I am concerned* sekarang ini untuk Yang Berhormat Bukit Gelugor sambung perbahasan dan perbahasan ini terpulang kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor lah *on what point you want to raise after this.* Silakan.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *That is the issue.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *The point* Yang Berhormat, silakan.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Jadi memandangkan *ruling* Tuan Yang di-Pertua yang saya menyesali. *With the greatest of respect,* saya terpaksa membaca dari suara saya apa yang saya dapati daripada rakaman-rakaman tersebut. Akan tetapi Dewan ini tidak dapat menentukan siapakah suara di dalam rakaman tersebut. Ini adalah yang dikatakan, antara lain Tuan Yang di-Pertua, di dalam rakaman tersebut:

*“Saya katakan ada 30 lebih yang UMNO sekarang ini, boleh tak kita jumpa dan cakap dengan mereka, “Hei! We are going to form the government”. “Jadi kalau Bersatu sudah 41 campur 10 daripada UMNO sudah 40, kita adalah parti terbesar. Ini scheme of things. I am sorry to say you don’t follow but I thought that could be done. Kalau kita ambil seorang-seorang mungkin ada di antara mereka terutama kalau mereka ada tawaran-tawaran tertentu, why not.”*

*“Apa beza hendak join Bersatu, apa beza hendak kekal dalam UMNO. Jadi usaha sebagai kalau kita buat mungkin sebahagian daripada mereka akan join jadi Bersatu. Dah adapun daripada mereka dah jadi Bersatu, jadi Bersatu jadi the largest party, imagine. Dengan 40 yang ada, we are the single largest Malay ruling party in the the country. Ya, ini scheme of things. Sorry to say brother even saya sakit saya buat kerja. Tiap-tiap malam saya cakap dengan orang, can we not do it. Hari itu saya cakap dengan Hamzah, “Teja why don’t we talk? You pun boleh Rafiq, cakap seorang dua tiga empat lima kalau tambah seorang dua tiga.”*

*“...Hey! kalau dia tahu kerajaan baharu hendak terbentuk, UMNO masuk why don’t you come in now? Why don’t you join us rather than you join later. Saya fikir kalau itu kita lakukan sebahagian besar mungkin kita akan anggota 10, 20 dengan Najib dan puak-puak dia dan kita bagi jawatan. Tak jadi Menteri, jadi Chairman of GLC.”*

Ini adalah antara kandungan rakaman audio tersebut dan saya katakan dalam Dewan ini, suara itu memanglah suara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *That is his voice, he has not answered.* Dia tidak menjawab soalan saya, sama ada itu adalah suara dia dan apa yang telah pun saya baca tadi jelasnya menunjukkan bahawa *there is* dengan izin, *an element of*

*enticement on the part of the Prime Minister in enticing Members of Parliament from the then Pakatan Harapan, Tuan Yang di-Pertua into joining what we now called Perikatan Nasional.*

Bukankah ini tindakan khianat yang paling besar. *Isn't this the greatest of betrayal. Some people there are smiling, only three months ago they were on this side. Only three months ago they were on this side* Tuan Yang di-Pertua. Jadi apakah, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri di dalam hal ini, apakah tindakan yang telah pun diambil terhadap laporan polis yang telah pun saya rujuk pada tadi oleh Teh Ong Kiat pada 1 Jun 2020. Adakah pihak polis telah menentukan sama ada itu adalah suara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam rakaman audio tersebut? Sama ada MACC ataupun SPRM akan mengambil tindakan untuk menuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah Akta SPRM tersebut?

■1710

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Peraturan mesyuarat berapa Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Peraturan 36(6). Ini Yang Berhormat orang yang bercakap ini dia bercakaplah, dia nak bercakaplah apa dia bercakap. Akan tetapi ada lagi satu ini kita akan— kita juga akan buat laporan polis kerana ia melibatkan *Watergate scandal* mengintip parti-parti yang lain sebagai contoh. Ini kita akan buat juga laporan polis *but* apa hak mereka untuk mengintip, apa hak kita untuk pasang *tape* masa orang lain berbincang. Itu nombor satu.

Nombor dua, kita tahu bahawa ini ialah perancangan, perancangan macam ada juga parti pembangkang yang merancang berbaik-baik dengan gerakan haram bawah tanah dan sebagainya. Itu ialah perancangan dan polis boleh membuat siasatan tentang perkara tersebut dan hak polis untuk menyiasat tetapi apakah boleh orang awam ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Mencuri rahsia-rahsia orang. Keduanya dia bukanlah— ini adalah perancangan. Dia bukan buat, dia baru niat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, tak apa Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua. Dia baru niat! Dia bukan buat lagi!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, Menteri ada, Menteri boleh jawab. Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya bagi bentang mesyuarat saya boleh tak boleh sebab menuduh seseorang itu pengkhianat adalah satu perbuatan yang— musibah yang luar biasa.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tak apa Yang Berhormat. Biarkan Yang Berhormat Bukit Gelugor teruskan. Menteri ada. Tak apa Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya— Tuan Yang di-Pertua atas peraturan yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Peraturan berapa?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan 36(6). Saya cuma ingin dapatkan panduan dan nasihat Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak mendengar rakaman itu dimainkan, Tuan Yang di-Pertua tidak boleh membuat sebarang *ruling*. Kalau kata suara itu bukanlah suara Yang Berhormat Pagoh, maka betullah Tuan Yang di-Pertua boleh buat *ruling* untuk tidak memainkan rakaman tersebut. Akan tetapi tanpa kita dengar rakaman itu dimainkan, kita tidak boleh datang kepada satu keputusan.

So, saya minta supaya kalau rakaman itu dimainkan juga oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor supaya kita dapat tahu adakah itu benar-benar suara Yang Berhormat Pagoh. *Without which Speaker will not be able to make a decision*. Terima kasih. Pohon...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Jelutong...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya sudah buat keputusan, saya takkan respons kepada isu sangkaan jahat sebab saya sudah buat keputusan dan saya sudah beritahu Yang Berhormat Bukit Gelugor. Apa lagi Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini— aik? Itu soalan itu tak betul itu bukan apa lagi ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yalah, ya Yang Berhormat Arau. Peraturan mana Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya kata 36(12) Tuan Yang di-Pertua tak dengar tadi 36(12)...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yalah macam mana saya hendak dengar Yang Berhormat Arau kalau semua hendak bercakap serentak.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia mengelirukan Dewan, dia mengelirukan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Arau peraturan berapa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Peraturan 36(12).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Okey, silakan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, dia mengelirukan Dewan. Ini bukan mahkamah untuk hendak bawa *tape* hendak tanggung tilam. Ini bukan mahkamah, ini Dewan

Rakyat kita berbincang tentang polisi dan sebagainya. Kalau hendak pergi mahkamah, bawa *tape*, tanggung bawa...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tambah sikit, tadi Yang Berhormat Langkawi sebut ini bukan mahkamah. Yang Berhormat Langkawi sebut tadi ini bukan mahkamah. Tadi Yang Berhormat Langkawi sebut. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Langkawi sebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Baling duduk Yang Berhormat Baling.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong bawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Arau, saya sudah buat keputusan saya kata jangan bawa. Saya kata Yang Berhormat Menteri boleh jawab pembentangan. Saya sudah buat keputusan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey bagus terima kasih. Tuan Yang di-Pertua yang bagus, terbaik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah pun menyimpulkan ataupun habis dengan isu tersebut.

Isu saya seterusnya adalah berkenaan dengan parti *hopping* yang mana juga isu ini merupakan satu isu yang juga penting yang mana parti *hopping* ini yang dibenarkan di bawah Perlembagaan Persekutuan khususnya artikel ataupun Perkara 10(1)(c) yang membenarkan *the right to association of association*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, telah pun mengakibatkan apa yang telah pun berlaku dalam bulan March tahun ini.

Jadi, persoalan yang saya ingin tahu sama ada Kerajaan Perikatan Nasional bersedia untuk mengambil langkah yang perlu untuk meminda Perlembagaan Persekutuan iaitu Artikel 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan agar melarang parti *hopping* yang telah pun menjejaskan ataupun boleh menyebabkan ketidakstabilan sesuatu kerajaan seperti yang telah berlaku kepada kerajaan dulu iaitu Pakatan Harapan.

Saya berharap Menteri di dalam Jabatan Perdana Menteri akan memberi satu jawapan yang memuaskan oleh sebab ini merupakan satu perkara yang amat penting. Ada banyak isu yang lain tetapi memandangkan masa suntuk...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat merujuk Perlembagaan Perkara 10(c), *am I right?*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Perkara 10(1)(c).

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Perkara 10(1)(c) ini ialah semua warganegara mempunyai hak untuk membentuk pertubuhan, bukan ada lompatan parti? Tak sebut sini.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *No, you got to understand.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Ya, ya. I understand. Sometimes...*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Anyway* Tuan Yang di-Pertua, saya tak benarkan. Ini buang masa. Akan tetapi apa yang penting *is* ada isu lain. *My time has been wasted...*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia jelaskan Perkara 10(1)(c), perelaskan 10(1)(c) apa dia. Kalau dah pandai sangat pakar undang-undang terangkan 10(1)(c) apa dia. Jangan sebut secara umum macam itu.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membenarkan. Saya ada 40 saat. *If* Tuan Yang di-Pertua *give more time, I got no problem. We can carry on. I only have 30 seconds.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Gulung Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya diberi satu minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *No*, gulung.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *just to* menggulung. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua adalah bahawa Perlembagaan Persekutuan dipinda dan ini merupakan satu langkah yang baik.

Terakhir sekali saya ingin timbulkan Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan IPCMC. Ini adalah satu cadangan yang telah pun ditimbulkan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan tetapi ditangguhkan bacaan kedua dan ketiga. Saya berharap bahawa perkara ini akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh sebab pada masa itu Menteri Dalam Negeri iaitu Perdana Menteri sekarang juga telah merestui penubuhan IPCMC ini yang juga yang sudah tentunya akan meningkatkan murni badan polis.

Saya berharap *we will see the IPCMC materialized*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua *in the near future*. Itu sahaja perbincangan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat daripada Igan. Silakan Yang Berhormat.

**5.16 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang serta kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Demi amanah yang dipertanggungjawabkan dan mewakili rakyat kawasan Parlimen Igan saya merasa amat sukacita dan terharu kerana diberikan peluang untuk menyuarakan suara hati dan nadi rakyat terutama di kawasan Parlimen yang saya wakili khususnya dan Sarawak pada umumnya di dalam persidangan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di awal mukadimah ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada petugas-petugas barisan hadapan di seluruh

negara yang sehingga kini masih bertungkus-lumus mengawal penularan wabak COVID-19. Semangat dan pengorbanan seluruh barisan hadapan atau *frontliners* atau seluruh rakyat di negara ini telah membolehkan kita berdepan cabaran getir penularan wabak COVID-19.

Namun seperti pesanan pucuk kepimpinan negara, kita semua tidak harus lalai dan leka. Marilah kita bersama-sama terus mematuhi SOP ditetapkan sepanjang masa kerana Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ini, kita semua menanggung bertanggungjawab sebagai *frontliners* dan memikul tanggungjawab untuk memastikan kita akan menang dan kita mesti menang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada Kerajaan Perikatan Nasional pimpinan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin kerana kepimpinan cemerlang beliau bersama seluruh barisan anggota Kabinet dalam mendepani cabaran penularan wabak COVID-19 ini melalui langkah-langkah bijak, berani dan berhati-hati sehingga Malaysia diiktiraf antara negara yang amat berjaya di dunia dalam mengawal dan mengurus wabak COVID-19.

Bukan sahaja dari sudut kesihatan yang menyaksikan langkah-langkah pengawalan dan membendung penularan wabak yang dianggap antara yang terbaik di dunia ini. Pada masa yang sama langkah proaktif turut diambil dari sudut kesejahteraan dan kebajikan seluruh lapisan rakyat. Bagi menangani impak besar kepada ekonomi dan rakyat, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang bernilai RM250 bilion telah diumumkan di peringkat Persekutuan, diikuti Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang bernilai RM35 bilion yang diyakini akan dapat membantu usaha pemulihan ekonomi negara yang terjejas teruk akibat wabak yang melanda seluruh dunia ini.

#### ■1720

Kejayaan dan kecemerlangan Perikatan Nasional sebagai gabungan politik baharu yang turut mendapat sokongan Gabungan Parti Sarawak (GPS), tiada siapa dapat menafikannya. Ketika negara bergelut ancaman COVID-19 dan cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu, Kerajaan Perikatan Nasional telah mengurus negara dengan begitu baik dan rata-rata rakyat juga berpuas hati, termasuk di kawasan yang saya wakili di Parlimen Igan.

Tambah melegakan rakyat Sarawak, khususnya apabila pendekatan prihatin rakyat turut menjadi pendekatan Kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS), sentiasa berpegang kepada prinsip Sarawak *first*, dengan izin, atau utamakan Sarawak. Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang Abdul Rahman Zohari Tun Openg telah mengumumkan 3 Pakej Bantuan Khas Sarawak Ku Sayang yang keseluruhannya berjumlah RM2.6 bilion.

Kini semua ahli politik dan seluruh lapisan rakyat harus meletakkan kepentingan rakyat dan negara mengatasi segala-galanya. Ini bukan masanya untuk kita terus menggugat kestabilan negara dan terus-terusan bermain politik seperti berlaku sebelum pandemik COVID-19 melanda negara. Semua kita harus memperlihatkan kematangan dan kebijaksanaan sebagai orang budiman dalam politik. Kebudiman politik harus mengatasi kerakusan politik kuasa. Ini kerana kestabilan kerajaan dan kestabilan politik negara adalah teras kepada segala-galanya.

Tanpanya, Malaysia bakal terjerumus ke dalam kemelut politik dan ekonomi tidak berkesudahan yang akhirnya akan merugikan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*, dengan Kerajaan Perikatan Nasional mengamalkan pendekatan prihatin rakyat tanpa mengira negeri diterajui parti kerajaan mahupun pembangkang. Rakyat Sarawak kini merasa lega kerana sudah muncul kembali sinar harapan untuk kami di Sarawak mendapatkan sokongan dan kerjasama padu daripada Kerajaan Persekutuan dalam usaha memajukan projek-projek infrastruktur asas di kawasan luar bandar terutamanya.

Rakyat Sarawak meletakkan harapan yang tinggi terhadap Kerajaan Persekutuan dan kita yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Sri Muhyiddin bin Md. Yassin di peringkat Pusat dan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang Abdul Rahman Zohari Tun Openg di peringkat negeri Sarawak, nasib dan masa depan rakyat Sarawak akan lebih terbela.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat Sarawak ditekan dengan banyak projek-projek rakyat untuk Sarawak dibatalkan ketika zaman pemerintahan Pakatan Harapan bukan lagi satu cerita dongeng. Terpapar di media elektronik dan cetak, pengumuman demi pengumuman oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini yang tidak meneruskan peruntukan projek demi projek untuk Sarawak, termasuk Projek Jambatan Igan untuk penduduk di kawasan yang saya wakili. Selain Projek Jambatan Igan, peruntukan bagi projek Jambatan Batang Lupar dan Jambatan Batang Rambungan juga telah dibatalkan oleh kerajaan sebelum ini. Walaupun peruntukan ini sudah diluluskan oleh kerajaan terdahulu sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 pada tahun 2018.

Namun, kita amat bersyukur kerana atas keprihatinan pucuk kepimpinan Gabungan Parti Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg telah bersetuju untuk mengambil alih pembinaan ketiga-tiga jambatan berkenaan dengan dana ditanggungkan oleh kerajaan negeri. Kerajaan GPS juga mengotakan kesungguhan dan komitmennya agar majlis pecah tanah bagi Projek Jambatan Rambungan telah pun disempurnakan akhir tahun lalu dengan kos pembinaan RM98.5 juta.

Selain itu, penduduk Igan turut berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana meluluskan peruntukan untuk Projek Pembinaan Jambatan Muara Lasak bernilai RM 597.5 juta yang mana majlis pecah tanah telah berlangsung pada 8 September tahun lalu. Projek jambatan sepanjang 2.43 kilometer itu adalah sebahagian daripada jalan pesisir yang dibina dengan kos RM11 bilion oleh kerajaan negeri dalam memastikan penduduk luar bandar di Sarawak tidak terpinggir daripada arus perdana pembangunan.

Sebelum kerajaan negeri mengambil alih pembinaan 3 jambatan yang tidak diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, Kerajaan Persekutuan yang terdahulu pernah meluluskan peruntukan masing-masing RM300 juta untuk Jambatan Igan, RM100 juta untuk Jambatan Rambungan dan RM500 juta untuk Jambatan Batang Lupar menerusi Jabatan Kerja Raya. Kos pembinaan Jambatan Batang Lupar ketika itu dianggarkan RM1 bilion dan Kerajaan Persekutuan bersetuju menanggung 50 peratus kos. Manakala 50 peratus lagi akan ditanggungkan oleh kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Kerajaan Persekutuan kini diterajui oleh pucuk kepimpinan yang lebih prihatin rakyat di bawah Perikatan Nasional, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan, dengan izin, *reimburse* atau membayar balik kos yang sama bagi pembinaan ketiga-tiga jambatan berkenaan kepada kerajaan negeri. Oleh kerana mengambil kira pelaksanaan ketiga-tiga jambatan berkenaan adalah janji yang pernah dilafazkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada rakyat negeri Sarawak. Ini penting bagi membolehkan peruntukan berkenaan dimanfaatkan untuk projek pembangunan lain, terutama bagi membangunkan kawasan luar bandar di Sarawak yang masih jauh ketinggalan dari segi infra rakyat dan infra sosial berbanding negeri-negeri di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, infra khususnya sistem rangkaian jalan raya yang baik adalah keperluan asas yang utama. Jika dibandingkan antara keadaan di Sarawak dan Semenanjung, jurang perbezaan masih amat ketara. Bukan sahaja dari segi panjang jajaran jalan raya yang sedia ada, malah jarak jalan raya berturap dan berkualiti untuk kemudahan rakyat. Berdasarkan angka terkini, jarak jalan Persekutuan dan negeri di seluruh Semenanjung kini adalah sepanjang 188,896 kilometer, berbanding di Sarawak hanya 32,552 kilometer dan Sabah 23,718 kilometer. Ini tidak termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan sepanjang 333 kilometer.

Justeru, saya ingin menggesa supaya Projek Lebuh raya Pan Borneo Sarawak yang tergendala dan tertangguh akibat tindakan membatalkan perjanjian rakan pelaksana projek (PDP) diteruskan segera. Saya juga percaya dengan adanya Perdana Menteri ke-8 yang prihatin rakyat dan Menteri Kanan dari Sarawak sendiri, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah Bin Yusof kembali menerajui Kementerian Kerja Raya. Harapan rakyat Sarawak untuk melihat Pan Borneo Sarawak diteruskan dan disiapkan kini kembali cerah.

Tuan Yang di-Pertua, isu sekolah daif juga pernah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini pada persidangan tahun lalu. Sepanjang 22 bulan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, Sarawak turut ditekan dari segi pelaksanaan Projek Sekolah Daif dengan peruntukan RM1 bilion yang diberikan Kerajaan Sarawak sebelum PRU14, tidak diteruskan sebaik Pakatan Harapan mengambil alih kepimpinan negara.

Sebaliknya, peruntukan diberikan untuk Sarawak hanya RM100 juta pada tahun 2019 sehingga menyaksikan Kerajaan Gabungan Parti Sarawak pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang Johari menawarkan bayaran kontra melalui kaedah mempercepatkan bayaran hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1 bilion yang perlu digunakan untuk pembinaan sekolah daif di Sarawak. Kerajaan Sarawak telah pun menunaikan janji dan membayar RM1 bilion kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Kerajaan PH sebelum ini dan kini keadaan sudah semakin baik dengan Kerajaan Perikatan Nasional menerajui negara.

Saya juga merasa sukacita dengan pengumuman Menteri Kanan Kerja Raya baru-baru ini bahawa bayaran pertama RM350 juta daripada RM1 bilion, sebanyak 41 sekolah kini sudah pun dalam pembinaan dan sebahagiannya dalam proses perolehan. Manakala 52 lagi dalam fasa kedua dengan peruntukan RM350 juta dan kini dalam proses pra-tender. Bagi fasa ketiga pula menerusi baki RM300 juta, ia sedang dimuktamadkan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima

kasih kerana 3 daripada sekolah di kawasan Parlimen Igan telah dimasukkan dalam fasa kedua pelaksanaan sekolah daif di bawah peruntukan RM1 bilion berkenaan iaitu Sekolah Kebangsaan Kampung Tebaang, Sk Kampung Pergau dan SK Bawang Tian.

■1730

Tiga sekolah di Parlimen Igan ini adalah di antara 33 sekolah yang masih dalam peringkat penyediaan lukisan terperinci dan dokumen tender. Manakala 19 lagi sekolah yang diletakkan dalam fasa dua masih menunggu kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melantik juru ukur.

Terdapat banyak lagi sekolah yang berada dalam keadaan daif dan mendukacitakan di kawasan Parlimen Igan. Ini saya perlu sebut satu persatu untuk didengarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan iaitu sekolah SK Ulu Daro, SK Kuala Matu, SK Kampung Pangtray, SK Kampung Nangar, SK Orang Kaya Sergunim, SK Orang Kaya Selair, SK Kampung Sawai, SK Sekaan Kechil, SK Bruan Mapal, SK Sungei Passin, SK Batang Lassa, SK Kampung Sok, SK Nanga Semah dan SK Sabena.

Keadaan sekolah-sekolah ini amat menyedihkan, amat kritikal, sudah berusia lebih 30 tahun dan struktur pembinaannya dibuat daripada kayu sudah pasti menyediakan suasana pembelajaran tidak kondusif.

Justeru, saya ingin memohon kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Menteri Kanan Pendidikan supaya mempertimbangkan untuk memasukkan sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi dalam fasa tiga peruntukan berjumlah RM1 bilion itu dan menyegerakan pelaksanaannya.

Saya juga mohon supaya peruntukan tambahan diberikan bagi pelaksanaan sekolah daif di Sarawak supaya semua sekolah daif yang dikenal pasti dapat dibina semula dan pada masa sama pembinaannya haruslah dipercepatkan tanpa melalui terlalu banyak kerenah birokrasi. Ini kerana malang tidak berbau dan kita tidak mahu sehingga berlaku kejadian tidak diingini menimpa guru dan murid sekolah barulah tindakan hendak diambil.

Tuan Yang di-Pertua, alang-alang bercakap soal sekolah, mewakili suara penduduk di Parlimen Igan juga, saya ingin bertanya lagi status projek pembinaan semula Sekolah Menengah Kebangsaan Matu ataupun SMK Matu. Jika merujuk jawapan yang saya terima pada persidangan Dewan Rakyat tahun lalu, sekolah ini akan dibina dalam *rolling plan* Rancangan Malaysia Ke-11. Saya mohon supaya pembinaannya dapat diberikan keutamaan dan disegerakan demi keselamatan dan kesejahteraan guru dan pelajar di sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, biar ada suara nakal yang mendakwa perjuangan bagi memenuhi Perjanjian Malaysia 1963 terhenti sejak kerajaan bertukar pada Mac lalu. Namun, semua rakyat Sarawak tahu akan kesungguhan Kerajaan Gabungan Parti Sarawak dalam memperjuangkan hak-hak Sarawak. Kita juga gembira kerana Kerajaan Perikatan Nasional komited menghormati hak Sarawak dan Sabah dalam MA63 dengan pelantikan seorang Menteri dan Timbalan Menteri untuk menjaga hal ehwal Sabah dan Sarawak.

Begitu juga dalam isu melibatkan pertikaian antara Kerajaan Negeri Sarawak dan Petronas yang tercetus di zaman Pakatan Harapan memerintah. Ianya telah berjaya diselesaikan dengan cara yang baik. Kami di Parlimen Igan menyambut baik penubuhan jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof dan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz bagi memastikan penyelesaian isu-isu berbangkit di antara Petronas dan Sarawak berhubung cukai jualan ke atas produk petroleum.

Seperti diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, Petronas telah bersetuju untuk membayar cukai jualan kepada Sarawak dan menggugurkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang memerintahkan ia membayar cukai berkenaan. Moga jawatankuasa ini dapat mempercepatkan proses rundingan dan menyelesaikan segera apa juga isu berbangkit demi mencapai misi menang-menang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menafikan dakwaan dan fitnah oleh orang-orang tertentu di Sarawak bahawa jawatankuasa ini mengadakan rundingan mengenai pembayaran cukai jualan negeri terhadap produk petroleum dari Petronas. Saya ingin menafikan tuduhan ini dan dengan tegas mengatakan bahawa tiada rundingan mengenai kadar pembayaran SST ini. Petronas dikehendaki membayar SST berdasarkan Ordinan Cukai Jualan Negeri. Ini adalah tuduhan memfitnah yang tidak berasas sama sekali.

Apa yang dibincangkan ialah berkaitan dengan hak perundangan tentang cari gali minyak, menambah ekuiti hasil daripada jualan minyak dan gas yang diproses di Sarawak serta menambah pelaburan dan penglibatan Sarawak dan Petros dalam aktiviti minyak dan gas. Dalam masa yang sama, Sarawak ingin supaya lebih banyak syarikat-syarikat dari Sarawak terlibat secara langsung di dalam industri minyak dan gas.

Jadi, sekali lagi, bahawa rundingan di antara Sarawak dan Petronas dan Petronas adalah konteks komersial yang akan memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak dalam situasi menang-menang.

Dengan komitmen padu kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan kini juga adalah menjadi harapan saya supaya isu pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan yang berlandaskan MA63 juga tidak harus dilengah-lengahkan lagi dan perlu diselesaikan segera. Begitu juga semua perkara berkaitan hak dan tuntutan Sarawak melibatkan MA63. Ianya hendaklah dipercepatkan supaya rakyat Sarawak mendapat kembali hak-hak mereka yang telah lama terhakis sama ada secara sengaja ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, selain isu sekolah daif seperti yang saya sebutkan di atas tadi, saya juga ingin membangkitkan isu keperluan mesin pengeluaran wang automatik ataupun mesin ATM di kawasan saya. Dengan ini, saya ingin mencadangkan supaya cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) perlu dibuka segera di Pekan Daro bagi memenuhi keperluan penduduk Daerah Daro dan Matu yang kian bertambah.

Saya juga memohon supaya mesin ATM ini ditempatkan juga di Kampung Igan untuk kemudahan penduduk di kawasan berkenaan yang jauh di luar bandar. Malah keperluan itu



semakin mendesak berikutan ramai penduduk dari Pulau Bruit juga datang ke Daro untuk berurusan. Perkara ini pernah saya bangkitkan pada sesi Parlimen tahun lalu dan saya ulangi permintaan yang sama pada kesempatan ini dengan harapan suara rakyat Igan ini akan didengari Kerajaan Perikatan Nasional yang lebih prihatin.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Kerajaan harus mengambil kira bahawa populasi penduduk di Daerah Matu dan Daro akan terus bertambah dan ramai penduduk dari kawasan Pulau Buruit juga datang berurusan di Daro dan Matu. Saya sendiri telah melihat kesukaran rakyat di kawasan saya yang terpaksa beratur panjang dari jam 7 pagi hingga 7 petang menunggu berjam-jam lamanya untuk membuat transaksi di Agro Bank di Daro semasa tempoh PKP yang lalu. Mohon Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi perhatian kepada perkara ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, dengan serangkap pantun,

*Harapan rakyat saya suarakan,  
Kerajaan prihatin mohon dengari,  
Perikatan Nasional dan GPS jalinannya rakan,  
Permohonan Igan mohon didengari.*

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Igan. Sebelum saya panggil pembahas seterusnya, ingin saya umumkan senarai pembahas-pembahas bakinya untuk hari ini. Selepas ini ialah Yang Berhormat Simpang Renggam, diikuti oleh Yang Berhormat Kuala Krai, kemudiannya Yang Berhormat Kota Belud, disusuli Yang Berhormat Kimanis, kemudiannya Yang Berhormat Lembah Pantai, selepas itu Yang Berhormat Kota Samarahan dan kemudiannya Yang Berhormat Bakri dan akhir sekali Yang Berhormat Ranau ya.

Saya persilakan Yang Berhormat Simpang Renggam.

**5.38 ptg.**

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Saya ingin memulakan perbincangan ini dengan memetik seperenggan pesan dari pendeta Zaaba. *“Kalau kamu menjadi pohon kayu, jadilah pohon kayu yang tumbuh gagah di rimba. Kalau kamu menjadi sebutir bintang, jadilah sebutir bintang timur yang boleh menentukan arah perjalanan.”*

Tuan Yang di-Pertua, 18 Mei yang lalu di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, antara tonggak penting yang ditekankan Baginda adalah keperluan meningkatkan akses dan kesaksamaan pendidikan dalam memacu revolusi industri 4.0. Kita sedia maklum dunia berubah hampir dari segenap segi dan penekanan terhadap isu pendidikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda harus diangkat dan diberikan tumpuan.

Realitinya, lima bulan memerintah, kita belum lagi mendengar apa-apa polisi baharu dari Kementerian Pendidikan mahupun dari Kementerian Pengajian Tinggi. Saya ingin menggesa kedua-dua kementerian ini menyatakan dengan jelas apakah hala tuju baharu sistem pendidikan kita kerana titah Duli Tuanku Agong amat jelas menekankan perihal perubahan pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebelum ini mengambil keputusan untuk menggabungkan dua kementerian di bawah satu bumbung setelah melihat perlunya *continuity*, dengan izin, atau kesinambungan dalam perubahan berskala besar sistem pendidikan negara.

#### ■1740

Saya berikan contoh, salah satu perkara penting yang dapat kita laksanakan ialah dasar '*Single Window, Single Offer*' iaitu penyelarasan secara menyeluruh terhadap tawaran-tawaran yang dikemukakan kepada lepasan pelajar-pelajar tingkatan lima. *Policy 'Single Window, Single Offer'* dengan izin ini di antara lain akan menyelesaikan beberapa isu pokok.

Antaranya ialah tawaran bertindih yang merugikan banyak pihak sejak sekian lama, tahun lalu sahaja, sepertimana tahun-tahun sebelumnya juga sebanyak lebih kurang 10,000 tempat di IPT tidak diisi berikutan ramai pemohon menerima tawaran bertindih. Ini sangat merugikan kerana pada yang sama terdapat permohonan atau terdapat pemohon yang langsung tidak menerima tawaran. Polisi '*Single Window, Single Offer*' ini adalah satu dari puluhan contoh mengapa penyelarasan di antara KPM dan KPT boleh dilakukan dengan segera dan berkesan apabila kedua-duanya duduk sebumbung.

Demikian juga halnya apabila kerajaan sebelum ini telah melancarkan Tabung Penyelenggaraan Sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam sebagai platform untuk rakyat turut menyumbang demi menyelenggarakan kemudahan institusi pendidikan. Ini berketepatan dengan gagasan yang dibawa oleh kementerian sebelum ini iaitu sekolah untuk komuniti dan universiti untuk masyarakat.

Selain daripada itu, antara kepentingan penggabungan kedua-dua kementerian ini ialah untuk merealisasikan projek Data Raya ataupun dengan izin *Big Data* KPM yang telah di inisiatifkan sejak tahun 2019 yang menghimpunkan data para pelajar dari sekolah rendah sehinggalah ke peringkat universiti untuk membantu para pelajar memilih kursus yang sesuai dengan mereka di IPT nanti dan juga bidang yang mereka pilih di menengah atas.

Seterusnya, untuk memilih kerjaya yang selari dengan kecenderungan dan kemampuan mereka sedari awal persekolahan lagi. Ini semua boleh dilakukan pada zaman ini, dengan banuan kepandaian buatan ataupun dengan izin *artificial intelligence* demi mengelakkan *mismatching* dengan izin dan juga *misplacement* dengan izin.

Projek Data Raya KPM ini melalui JK Data Raya telah dirancang semenjak tahun 2019. Projek ini akan membawa sistem pendidikan kita ke tahap yang baru serta berteraskan IR4.0 selari dengan hasrat Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Selepas kerajaan bertukar, kementerian ditukarkan semula kepada dua kementerian dan kekhuatiran saya ialah segala polisi ini terencat memandangkan wujudnya kelompangan dari segi pelaksanaan tindakan barisan pelaksana.

Saya ingin mendapatkan komitmen pihak Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pengajian Tinggi, apakah polis-polisi baik ini akan diteruskan? Sekiranya ya, saya ingin mencadangkan agar diwujudkan satu jawatankuasa kerja antara kedua-dua kementerian ini untuk membolehkan polis-polisi yang baik ini terus dilaksanakan dengan lancar dan berkesan demi masa depan dan kepentingan anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bertukar dalam keadaan beberapa perubahan penting sedang tergantung. Bulan Jun 2018 kerajaan telah melantik 13 ahli Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKD) yang terdiri daripada pelbagai kepakaran yang bersifat *non-political* dengan izin. Tujuannya, untuk mengkaji semula dasar pendidikan negara secara menyeluruh.

Setahun kemudian, bulan Jun 2019 JKD ini telah berjaya mengumpul lebih 10,000 pandangan orang awam dan kesemua pandangan ini diteliti, di bincang dan dibengkelkan secara tersusun sehingga akhirnya JKD ini telah menggariskan 308 syor perubahan yang perlu diutamakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kesemua 308 syor ini menyentuh kesemua aspek pendidikan, termasuk pendidikan awal, pendidikan wajib 12 tahun ataupun (K12), kurikulum, profesionalisme perguruan, kualiti IPT, model baru pendidikan ataupun dengan izin *new education model* serta yang paling penting ialah isu perpaduan di sekolah dan juga di universiti.

Persoalannya, saya telah terima jawapan daripada KPM pagi tadi berdasarkan soalan lisan dan juga jawapan bertulis berkaitan usaha KPM sepertimana yang telah dijawab untuk membuat analisis berkaitan laporan tersebut. Soalan saya kepada KPM, apakah *time frame* untuk keputusan analisis ini? Tuan Yang di-Pertua, antara dasar KPM pada kerajaan lalu yang menjadi tunjang pentadbiran ialah Dasar Penolakan Sifar ataupun dengan izin *Zero Reject Policy*.

Berkali-kali kita bicarakan di Dewan yang mulia ini. Kita meyakini bahawa pendidikan untuk semua ataupun dengan izin, *education for all* dan pendidikan merupakan hak setiap warga dan kanak-kanak. Melalui tersebut, anak-anak warga yang tidak berdokumen di sekolah dan akan dibantu untuk mendapatkan dokumen sah dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara.

Kita merayu agar usaha bersepadu ini diteruskan dengan usaha sama KPM, KPWK dan yang paling penting ialah KDN. Melalui dasar *Zero Reject Policy* ini dengan izin juga, murid-murid berkeperluan khas ataupun OKU juga diterima masuk ke sekolah tanpa syarat dan segala prasarana untuk menerima mereka ke sekolah akan diusahakan oleh pihak sekolah. Saya ingin meminta kepastian apakah dasar inklusif berkaitan murid berkeperluan khas ataupun MBK ataupun dikenali sebagai anak-anak OKU akan diteruskan oleh KPM di waktu ini?

Ini kerana sehingga kini isu berkaitan Murid Berkeperluan Khas seperti tidak mendapat tempat di dalam bicara-bicara Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan KPM mutakhir ini, seakan-akan mereka dipinggirkan sepi tidak bertuan. Bersamalah kita menghayati kata-kata hikmat tokoh OKU yang terkenal seluruh dunia, Helen Keller yang mengatakan dengan izin, "*Although the world is full of suffering, it is also full of the overcoming of it*".

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui baru-baru ini kerajaan mengumumkan Pakej Bantuan Prihatin Nasional. Saya memuji dan menyokong penuh keprihatinan yang diberikan

sementelah negara kita sedang diuji dengan ujian yang sangat besar dan amat mencabar ini. Namun, kita lihat keprihatinan ini tidak sampai kepada satu kelompok yang sangat penting di dalam masyarakat iaitu guru. Guru yang sentiasa berada di dalam hati dan jiwa saya.

Pengumuman KPM berkenaan pindaan takwim persekolahan seperti memendekkan cuti hujung penggal sesi tahun 2020 ternyata jelas mengabaikan kebajikan para guru. Selain doktor, jururawat, polis, tentera dan lain-lain yang juga menjadi petugas barisan hadapan ataupun dengan izin *frontliners* tetapi jarang terdendang adalah para guru yang merupakan obor hemah masyarakat dan juga adiwira masyarakat. Hakikatnya mereka juga bergelut dan bertungkus-lumus sepanjang PKP untuk memastikan pendidikan anak-anak kita, anak-anak watan diteruskan walaupun wabak ganas melanda.

Fakta ini tidak boleh kita ke sampingkan, tidak boleh sekali-kali kita ke sampingkan. Para guru tidak boleh dikesampingkan di dalam agenda kerajaan. Justeru, saya menggesa dan merayu di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri harus rujuk semula keputusan yang telah dibuat ini, saya menggesa agar Yang Berhormat Menteri kembalikan cuti hujung tahun seperti sedia kala sepertimana yang telah diutarakan oleh NUTP.

Tuan Yang di-Pertua, sasterawan negara, Allahyarham Shahnon Ahmad pernah berkata, "*Dan bila kebenaran telah berkembang, segala kepalsuan akan terhapus*". Pada bulan Disember 2018 yang lalu, Dewan yang mulia ini telah mencatat sejarah negara kerana pindaan terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti ataupun AUKU 1971 melalui pemansuhan seksyen 15(2)(c) diluluskan sebulat suara oleh Ahli Dewan sekalian.

Namun, ia bukan segala-galanya ia hanyalah satu permulaan. Di dalam kad laporan pencapaian KPM tahun 2019 telah dinyatakan laporan akhir Program Pemantapan Sistem Tadbir Urus dan Pengharmonian Akta Pendidikan Tinggi sedang dalam proses diteliti dan dilaksanakan. Laporan itu terkandung banyak saranan perubahan dalam agenda reformasi pengajian tinggi demi meletakkan Malaysia setaraf dengan negara-negara maju yang lain.

#### ■1750

Antaranya ialah fungsi kerajaan dalam menentukan hala tuju pendidikan tinggi termasuklah meletakkan had kuasa Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi terhadap institusi-institusi pengajian tinggi di dalam negara. Selain itu juga, disentuh soal autonomi kewangan dan formula baharu pendanaan yang lebih mapan termasuklah yang dibincangkan juga ialah keperluan wujudnya organisasi pemaparan bebas antara kerajaan dan juga IPT yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyorot ini semua untuk membentangkan bagaimana banyak usaha perubahan sistem dan urus kendali sedang giat berjalan, malah ia berada dalam fasa terakhir untuk dilaksanakan sebelum kerajaan bertukar. Antaranya ialah penambahbaikan Akta 605 untuk ahli akademik di universiti. Akta 605 jelas melarang mereka menyatakan pandangan secara terbuka sebagai semakimbang kepada pendirian kerajaan.

Usaha pihak kementerian sebelum ini telah sampai ke peringkat pengetahuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu agar beliau menggunakan kuasa yang diletak

hak oleh undang-undang untuk membuat pengecualian fasal tertentu bagi membolehkan para pensyarah dan akademia kita tidak dikongkong oleh penguasa serta mendukung penuh universiti sebagai medan intelektual terbuka.

Dalam hal ini, penambahbaikan Akta 605 untuk anggota akademik bukan hanya sekadar isu kebebasan akademi semata-mata Tuan Yang di-Pertua, ia juga menyentuh isu integriti, isu plagiarisme serta isu gangguan seksual yang selama ini banyak dikesampingkan. Kata kuncinya ialah kebebasan cendekiawan berteraskan ilmu dan integriti.

Apabila kita berbicara mengenai AUKU, kita juga ingin bertanya, apakah pendirian kerajaan terhadap pilihan raya kampus yang telah mula dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar bermula tahun 2018? Begitu juga usaha penubuhan semula *student's union* di semua universiti kita? Usaha menempatkan wakil pelajar – Maaf, ke senat universiti, program sasterawan di fakulti - Maaf Tuan Yang di-Pertua. Program sasterawan di fakulti demi mengabung eratkan sasterawan-sasterawan negara kita dengan menara gading.

Penggemblengan penggunaan kepandaibuatan ataupun dengan izin, *artificial intelligence* untuk peningkatan daya saing pekerjaan para graduan dan juga untuk meningkatkan sitasi para pensyarah kita. Kempen membaca ataupun dengan izin, *reading at the faculty* dan yang paling penting, ke manakah arah tuju Dasar Inklusif OKU di IPTA yang merupakan satu dasar yang julung-julung kali telah berjaya kita wujudkan pada masa yang lalu demi memastikan golongan OKU tidak terpinggir dan menjadi sebahagian daripada agenda negara.

Apakah dasar-dasar dan program-program *ground breaking* dengan izin, tersebut dan lain-lain lagi yang telah diusahakan semenjak Jun 2018 akan terus kekal wujud ataupun akan diberikan noktah pengakhirannya? Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri yang terlibat menyatakan pendirian, apakah usaha-usaha ini akan diteruskan? Sekiranya tidak, saya memohon Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi membentangkan di Dewan yang mulia ini perancangan alternatif yang menyeluruh dan mencapai maksud yang sama iaitu untuk terus memperkukuhkan institusi pengajian tinggi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, 13 Julai baru-baru ini, Yang Berhormat Sik telah meminta Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap cadangan *two-state solution* dengan izin, serta pelan di '*Deal of the Century*' dengan izin, yang dianggap sebagai jalan pintas Israel dan Amerika Syarikat menormalisasi untuk merampas tanah Palestin keseluruhannya.

Sangat jelas dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri yang menyebutkan, Malaysia terus berpegang kepada pendirian bahawa penyelesaian dua negara ataupun *two-state solution* berdasarkan garis sempadan 1967 dengan Baitulmuqaddis sebagai ibu kota Palestin adalah satu-satunya jalan penyelesaian terhadap konflik Palestin dan Israel. Saya kira itulah dasar yang telah diambil oleh kerajaan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar, apakah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan Kabinet telah berunding dengan rakan-rakan daripada Parti Islam Se-

Malaysia (PAS), khususnya dengan Yang Berhormat Marang yang juga merupakan Duta Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Timur Tengah berhubung isu *two-state solution* ini?

Umum mengetahui bahawa PAS mempunyai pendirian tersendiri dalam isu ini. Yang Berhormat Marang misalnya sejak tahun 2017 lagi dengan keras, tuntas dan konsisten membantah keras *two-state solution* ini. Dengan pendirian terkini kerajaan, terang-terang dilihat bercanggah dengan pendirian Yang Berhormat Marang sebagai Duta Khas Kerajaan ke Timur Tengah. Saya khawatir jika tiada sebarang konsultasi dan libat urus dibuat, Duta Khas Malaysia ke Timur Tengah nanti mungkin tidak dapat mempertahankan Dasar Luar Negara kita dalam isu ini apabila beliau mewakili Malaysia ke Timur Tengah nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menutup perbahasan dengan memetik kata-kata tokoh pemenang Nobel Loureate dari negara India, Rabindranath Tagore. Beliau mengatakan, "*Facts are many, but the truth is only one*". Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Kuala Krai untuk memperbahaskan usul ini. Silakan.

#### **5.54 ptg.**

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang dan peluang kepada saya bagi bersama-sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang amat kita kasihi ini.

Pertama sekali, saya ingin mentakzirkan ucapan menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas titah baginda dalam Dewan Yang Mulia ini yang sudah tentu menjadi panduan kepada kita dalam mengurus dan mentadbir negara tercinta ini. Saya juga merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua dan timbalannya. Semoga Dewan yang mulia ini akan menjadi tempat yang terbaik untuk kita semua menyampaikan hasrat rakyat.

Umum mengetahui pada 18 Mei yang lalu di dalam Dewan yang mulia ini, Tuanku Yang di-Pertuan Agong dalam titahnya menerangkan kepada kita kronologi serta naratif bagaimana kerajaan baharu hari ini terbentuk. Ternyata, kebijaksanaan Tuanku dalam mengurus situasi menjernihkan segala resah, menungakai gegak polemik nian terserlah terus tegak bertakhta. Sebagai payung rakyat, sebuah kerajaan yang selayak-layaknya adalah Kerajaan Perikatan Nasional.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin atas pelantikan sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Ke-8. Walaupun kerajaan hari ini tiada berdiri dengan manifesto-manifesto yang muluk-muluk, namun kerajaan ini mengampuhkan dengan prakarsa-prakarsa gemilang jauh lebih baik jika dibandingkan kerajaan terdahulu yang sering tergelincir, malah kadangkala mencurangi manifesto yang mereka sendiri teriakkan.

Tuan Yang di-Pertua, poin saya yang pertama ialah jasa dan budi *frontlines*, dengan izin. Tahniah kepada barisan hadapan. Seluruh jantung dunia terhenti seketika apabila wabak pembunuh COVID-19 menyebarkan virus mautnya ke segala pelosok dunia menatijahkan kelumpuhan ekonomi yang maha dahsyat bukan sahaja negara kita, malah adi kuasa dunia seperti China, Amerika serta Eropah tersungkur rebah bersurut jatuh tiada bermaya.

*Alhamdulillah*, setelah hampir enam bulan, Malaysia dapat mengawal wabak ini sewaktu keadaan banyak negara lain masih terkapai-kapai menduga mencari-cari azimat penawarnya. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada barisan hadapan yang berhempas pulas menjadi benteng utama dalam mengekang wabak ini. Tahniah kerana anda telah menjadi wira yang sangat diperlukan.

Perkara yang kedua ialah berkaitan dengan makanan negara. Krisis COVID-19 ini telah menyerlahkan kepentingan untuk negara mengutamakan aspek rantai dan keselamatan makanan negara. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu memainkan peranan penting untuk melaksanakan Revolusi Hijau Malaysia. Perubahan tumpuan utama terhadap penanaman komoditi berskala besar kepada penanaman, penternakan dan penghasilan bahan makanan berskala besar untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada import bahan makanan.

#### ■1800

Penerokaan kajian-kajian terhadap baka, benih, baja, kawalan penyakit termasuk mengadaptasi Revolusi Industri 4.0 dalam industri pertanian dan pengeluaran bahan makanan perlulah dijadikan agenda utama.

Seterusnya Program Bank Makanan yang telah dibuat sebelum ini di bawah KPDPHEP. Program Bank Makanan ini adalah usaha yang baik namun sepatutnya merangkumi butiran yang lebih besar berbanding sekadar menjadi tempat untuk menyimpan dan mengagihkan bekalan makanan kepada golongan yang memerlukan. Justeru, saya mencadangkan Program Bank Makanan ini perlu memberikan tumpuan terhadap iaitu:

- (i) kadar pengeluaran tanaman makanan;
- (ii) keselamatan bekalan makanan;
- (iii) pembekalan benih dan baja yang berkualiti tinggi;
- (iv) aplikasi Revolusi Industri 4.0 (penggunaan teknologi dan robotik dalam pertanian, makanan dan sebagainya);
- (v) memastikan bekalan makanan Malaysia sentiasa cukup sama ada semasa krisis ataupun tidak krisis;
- (vi) menyediakan perancangan untuk menjadikan sektor industri tanaman makanan Malaysia sebagai antara sumber hasil eksport negara; dan
- (vii) menyediakan Malaysia sebagai pemain utama dunia industri halal global.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga ialah berkaitan dengan hutang negara. Berbicara persoalan hutang dan defisit, kerajaan perlu mengurangkan kebergantungan negara terhadap

Petronas dan hasil minyak. Kesilapan kerajaan sebelum ini adalah berundur ke zaman 80-an dan 90-an dengan kebergantungan sepenuhnya kepada hasil bumi petroleum semata-mata. Seharusnya, kerajaan mempelbagaikan sumber pendapatan baharu dan mengurangkan kebergantungan terhadap hasil minyak, sedikit demi sedikit. Ternyata kerajaan sebelum ini tidak kreatif dalam mentadbir kewangan negara. Perkara mudah yang terfikir, jual sahaja aset dan kepentingan negara. Jual, jual dan terus jual.

Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan secara terperinci iaitu:

- (i) senarai aset negara yang telah pun dijual bermula Jun 2018 sehingga Februari 2020; dan
- (ii) jumlah harga penjualan dan pemilik baharu serta ke manakah hasil penjualan aset ini dibelanjakan.

Saiz aset negara semakin mengecil tanpa mempunyai pelaburan strategik baharu, ini pastinya merugikan negara untuk jangka panjang. Yang Berhormat Langkawi misalnya ketika itu mengatakan penjualan aset ini adalah untuk membantu kerajaan membayar hutang yang ditinggalkan kerajaan terdahulu. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita semua ketahui hutang negara terus melonjak sehingga sebanyak RM810 bilion berbanding sejumlah RM686 bilion pada akhir tahun 2017.

Begitu juga halnya dengan nisbah hutang kerajaan. Ia terus meningkat daripada sejumlah 48.7 peratus pada suku pertama tahun 2018 kepada sejumlah 52.7 peratus pada September 2019. Prinsipal hutang 1MDB dan hutang langsung negara juga tidak berkurangan. Jadi, apakah rasionalnya penjualan aset negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya Malaysia sangat kerugian apabila berada di dalam pemerintahan kerajaan terdahulu yang tidak kompeten selama 22 bulan, kita tewas dua perkara, iaitu aset itu sudah tiada dan kita perlu mencari alternatif lain untuk menanggung beban hutang yang meningkat pada zaman kerajaan terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keempat ialah berkaitan dengan dunia maya. Penularan COVID-19 juga akan mendorong kelahiran semula pelbagai industri bagi menilai dan membayangkan semula kaedah rantai bekalan, penggunaan, interaksi dan produktiviti. Pasca COVID-19 adalah merupakan ujian pertama ke arah mantera ekonomi digital. Ini boleh dilihat daripada perubahan dari transaksi tunai kepada transaksi digital yang semakin meningkat.

Selain itu, trend bekerja berlandaskan digital, *Bring Your Own Device* juga mula mengambil tempat melalui penggunaan aplikasi seperti *Zoom*, *Microsoft Team* dan sebagainya. Kita juga telah melihat bukan sahaja sektor swasta beralih kepada penggunaan teknologi dan aplikasi ini, bahkan sektor awam turut sama berubah. Banyak mesyuarat atau siri perbincangan dilaksanakan melalui aplikasi sebegini. Perusahaan yang merancang untuk menggunakan sepenuh potensi, *cloud computing* tidak akan mengalami tekanan pasca pandemik. Perusahaan terus beroperasi dengan cepat dan selamat dengan menyediakan akses aplikasi perusahaan kepada pekerja yang bekerja dari rumah.



Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan ketahanan jangka panjang pula, teknologi automasi robotik atau *artificial intelligent* (AI) boleh diguna pakai dalam rantai bekalan fenomena yang dinamai dengan takrif pergeseran paradigma, *the unprecedented paradigm* dengan izin seperti mana yang dibahaskan oleh Klaus Schwab dalam bukunya '*The Fourth Industrial Revolution* (4IR)'. Peluang terbaik untuk kita muncul sebagai kuasa ekonomi ASEAN bila mana Malaysia di antara negara terawal yang berjaya mengawal lengkung penularan wabak dengan nafas fundamental ekonomi dan infrastruktur yang baik, kita boleh teroka ekonomi digital ini dengan tuntas sebagai satu lagi cabang KDNK negara.

Kerajaan sudah mula beralih kepada transaksi tanpa tunai melalui insentif *e-wallet*, cumanya perlu diluaskan lagi penggunaannya dan bagaimana kita boleh usahakan dengan lebih baik dan banyak lagi agar kita boleh menjadi pemain utama teknologi dan digital ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu Tol Gombak. Di kesempatan ini juga saya ingin menyentuh tentang Tol Gombak yang saya sentiasa konsisten dalam isu ini kerana ia menyangkut kepentingan rakyat Pantai Timur. Makanya Tol Gombak perlu dinilai semula keberkesannya, mungkin sudah sampai masa kutipan tol ini tidak lagi dikenakan walaupun asalnya janji tol *free* ini adalah daripada Pakatan Harapan. Paling tidak pun, uruskan lah masalah kesesakan yang berlaku di tol tersebut, duduk soal yang tiada pernah berpenghujung, setiap hujung minggu dan mencapai puncak setiap kali musim perayaan menjengah khususnya yang terdekat ini Hari Raya Aidiladha.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pemerintahan saksama. Perlu diakui Kelantan merupakan negeri yang dipinggirkan sejak dahulu lagi. Royalti yang merupakan hak milik rakyat dan negeri Kelantan telah lama dinafikan. Begitu juga dengan prasarana lain termasuk lebuhraya, air dan serba *makneka* lagi. Kerajaan Kelantan dan Kerajaan Pusat kini adalah boleh diumpamakan sebagai satu badan. Oleh itu, saya sangat berharap kemajuan yang tertangguh sebelum ini akhirnya akan dapat dikecapi oleh rakyat Kelantan. Sudah 30 tahun kita menderita, inilah masa yang terbaik untuk segala hak rakyat dan negeri Kelantan diberikan kembali. Saya yakin pengharapan dan doa seluruh rakyat Kelantan bakal dimakbulkan tidak lagi lama, *insya-Allah*.

Keenam dan seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan air Kelantan. Ehwalnya, saya menyambut baik pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air berkait masalah air di Kelantan. Alhamdulillah, peruntukan sebanyak RM7 bilion yang disediakan sedikit sebanyak menampakkan sinarnya dalam upaya menyelesaikan masalah air di Kelantan. Jadinya, saya yakin Kerajaan Perikatan Nasional ini akan mampu menyelesaikan masalah ini sedikit masa lagi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua adalah berkaitan dengan lebuhraya dan penambahbaikan jalan-jalan di Kelantan. Yang Berhormat Menteri Ekonomi dalam pengumannya pada 28 Jun 2020 berkata, Lebuhraya Kota Bharu–Kuala Krai dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2024, manakala Lebuhraya Kuala Krai–Gua Musang akan dimasukkan dalam RMKe-12. Ternyata berita gembira ini meruntun jiwa setiap rakyat Kelantan.

Saya sangat berharap khususnya projek Lebu Raya Kuala Krai–Machang dimulakan secepat mungkin kerana di sinilah punca utama kesesakan terutama musim perayaan. Seandainya Lebu Raya Kuala Krai–Machang ini siap, saya yakin kesesakan akan mampu berkurang kerana perantau yang pulang setiap kali musim perayaan akan terkandas di Kuala Krai sebelum mereka berpecah di Machang untuk ke Pasir Puteh, Tanah Merah dan juga ke Kota Bharu.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, dalam menunggu siap pembinaan lebu raya ini, saya memohon kerajaan memperelok juga jajaran yang sedia ada yang mana jalan yang berlubang serta garisan putih yang hilang sangat mengganggu pemanduan terutama bila waktu malam dan hujan. Ia pastinya akan mengundang bahaya para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Krai ialah di antara kawasan-kawasan Parlimen yang tidak memiliki pusat pengajian tinggi. Oleh itu Kuala Krai terdapat satu kawasan ataupun pusat latihan kemahiran lepasan SPM. Di Kuala Krai terdapat sekeping tanah di Sungai Durian seluas 60 ekar yang asalnya dicadangkan untuk Institut Latihan Perdagangan (ILP). Saya berharap kerajaan dapat mewujudkan sebuah institusi pengajian tinggi di Kuala Krai sebagaimana yang terdapat di kawasan-kawasan lain di Kelantan. Saya yakin dengan kewujudan ILP ataupun sebagainya di Kuala Krai bakal menjadikan Kuala Krai lebih maju serta menaikkan ekonomi penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu Tabung Haji. Saya tidak ingin menyentuh tentang Tabung Haji sebagaimana yang telah disentuh oleh sahabat-sahabat Ahli Parlimen yang lain tetapi saya ingin sentuh berkaitan dengan maklumat yang saya terima ialah terdapat sejumlah 16 buah cawangan dan pusat perkhidmatan Tabung Haji yang ditutup ataupun bakal ditutup termasuklah di Kuala Krai.

■1810

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkait isu ini, khususnya cawangan Kuala Krai yang telah ditutup, hanya tinggal pusat perkhidmatan sahaja. Itu pun terdapat ura-ura juga turut akan ditutup. Saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, terpaksa berulang-alik ke cawangan Machang beberapa minggu lepas untuk membuka akaun anak saya dan terpaksa berurusan dengan *main* TH Community di tengah panas terik matahari pada 7 Julai yang lalu untuk mendaftar haji anak-anak saya. Ini contoh saya bagi.

Hal ini kerana cawangan dan pusat perkhidmatan yang tidak lagi beroperasi. Ini contoh saya sendiri yang mengalaminya bukan aduan daripada orang lain. Jadi, saya sarankan agar perkara ini dinilai semula oleh pihak kerajaan, khususnya Yang Berhormat Menteri Agama dan cawangan Kuala Krai khususnya dan lain-lain cawangan dapat dibuka semula dengan operasi penuh sebagai cawangan penuh bagi memudahkan rakyat Kuala Krai berurusan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu ECRL. Kerajaan PH sepanjang pemerintahan singkat mereka terlalu sibuk bermain dengan persepsi. Antaranya mereka memberi persepsi bahawa mereka dapat menyelamatkan wang rakyat dalam projek ECRL. Walhal pengurusan kos ini

hanyalah semata-mata kerana beberapa stesen ECRL dibuang dari pelan asal dan rangkaian *rail* kereta api dipendekkan.

Akibatnya, rakyat Kelantan amnya dan Tumpat khususnya, terus menjadi mangsa. Stesen Pengkalan Kubu dan Wakaf Baru yang dikeluarkan dari perancangan asal merupakan stesen yang penting dan kritikal untuk pembangunan ekonomi rakyat setempat dan negara. Kedudukan stesen Tumpat yang bersempadan dengan negara Thailand bakal melonjakkan ekonomi Tumpat dan juga mengeratkan hubungan antara dua negara.

Saya mengharapkan kerajaan hari ini tidak terikut-ikut bermain wayang seperti Kerajaan PH terdahulu dengan mengembalikan projek ECRL ini ke pelan asal sebelum Kerajaan PH memerintah. Saya sangat percaya dengan mengembalikan projek ECRL ini seperti pelan asal akan memberi manfaat besar kepada seluruh rakyat di negeri Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu pemandu mabuk. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan minggu lepas bahawa kerajaan sudah bersetuju untuk meminda undang-undang dalam sidang kali ini dan jika ia diluluskan hukuman yang berat terhadap pemandu mabuk ini, denda akan dikenakan sehingga RM150 ribu serta penjara sehingga 20 tahun serta lesen akan ditarik.

Dalam masa yang sama, saya juga berharap kerajaan tidak melupakan kepada keluarga mangsa yang meninggal tersebut akibat dilanggar oleh pemandu mabuk ini. Adalah menjadi satu ketidakadilan seandainya mangsa dan keluarga yang dilanggar ini tidak mendapat apa-apa, akibat kecuaiannya pemandu mabuk tersebut. Dalam isu ini, dalam Islam terdapat bayaran *diyat* yang mana keluarga mangsa diberi pampasan. Saya mohon kerajaan memasukkan bersekali bayaran *diyat* ini agar keluarga mangsa juga turut terbela.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu PTPTN, saya mengusulkan PTPTN bukan sahaja perlu mengkaji semula mekanisme bayaran balik dan kaedah memastikan pinjaman pendidikan yang diberikan dilunaskan semula oleh peminjam, agar ia langsung tidak membebankan. Graduan yang tergolong dalam golongan pendapatan isi rumah B40 dan bawah M40 seharusnya layak mendapat pendidikan percuma dengan tidak perlu membayar pinjaman tersebut.

Bukan sahaja pelajar yang mendapat keputusan cemerlang, PTPTN harus menuju kepada pendidikan percuma bersasar kepada golongan tersebut. Saya sangat berharap isu PTPTN yang tidak dapat diselesaikan oleh Kerajaan PH terdahulu, dipandang dengan penuh bijaksana oleh Kerajaan Perikatan Nasional pada hari ini kerana ia melibatkan golongan muda yang bakal mencorakkan masa depan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berharap kerajaan hari ini menjadi kerajaan yang mempermudah urusan dan mengurangkan kerenah birokrasi. Dalam menyelesaikan masalah rakyat, menurut hemat saya, ia dapat menjadi cetusan utama agar iltizam dan inisiatif anjuran kerajaan dapat pula dirasai denyutnya oleh rakyat. Semoga akhirnya yang boleh untung tetap berpulang pada rakyat jua.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan isu Allahyarham Adib. Saya menyambut baik penegasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang pada 21

Jun yang lalu terhadap kematian Allahyarham Adib ini. Saya berharap kematian Allahyarham Adib ini akhirnya mendapat pembelaan yang sepatutnya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan ini dengan sepotong ayat Al-Quran, Al-Kareem [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikan mu khalifah di bumi. Maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan benar dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana yang demikian itu akan menyesatkan mu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal disebabkan mereka melupakan itu.*”

Tuan Yang di-Pertua, saya panjatkan doa, moga-moga kerajaan baharu ini akan menjadi kerajaan yang cakna rakyat, cakna amanah dan cakna kepada tanggungjawab yang diberikan. Terus tegak sebagai sebuah kerajaan yang meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan. Saya juga mendoakan negara kita terus aman serta makmur dan berada dalam rahmat Allah SWT.

Akhir sekali saya akhiri dengan pantun.

*Kuala Krai bermuara indah lagi mendamai,  
Sejahtera gemilang dalam restu lindungan Tuhan,  
Biarpun mendatang gemuruh, gelora, ribut dan badai,  
Malaysia ku nan tercinta akan tetap kita pertahankan.*

Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim* saya menyokong usul junjung kasih atas Titah Yang di-Pertuan Agong. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Kota Belud untuk menyampaikan perbincangan beliau.

**6.18 ptg.**

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua. Harapan saya semoga dapat menjalankan amanah ini dengan baik sekali, demi kesejahteraan rakyat Malaysia, *insya-Allah.*

Di sini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih terhadap peluang yang diberikan untuk membahaskan titah Diraja ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, walaupun tertangguh, namun kita mendapat masa yang agak panjang untuk memahami Titah Diraja yang pada hemah saya tetap memfokuskan kepada kesejahteraan dan keselamatan rakyat walaupun dalam menghadapi wabak COVID-19.

Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, akan meneruskan mempertahankan hak-hak rakyat yang kini berhadapan dengan pelbagai cabaran ekonomi berikutan pandemik yang melanda seluruh dunia. Tuan Yang di-Pertua, dengan cabaran ekonomi dan juga membiasakan diri

kepada norma baharu, saya berharap agar pembangunan infrastruktur asas akan terus disalurkan terutama di Sabah dan Sarawak. Memandangkan terdapat jurang perbezaan pembangunan yang sangat besar di antara Sabah dan Sarawak berbanding negeri-negeri Semenanjung yang lain.

Perkara yang saya ingin sebutkan ini mungkin agak *cliche* dengan izin dan sering menjadi topik hangat jika membincangkan tentang pembangunan di negara ini. Akan tetapi sebagai wakil rakyat yang diberi mandat untuk membawa suara mereka di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengetengahkan perkara ini untuk diberi perhatian agar tidak berlaku layanan berbeza dari segi pembangunan kerana Sabah dan Sarawak membentuk Malaysia mempunyai hak yang sama seperti negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak yang kami mahukan kerana terlalu banyak kesusahan rakyat Sabah dan Sarawak hadapi terutamanya dalam meneruskan kehidupan harian, meningkatkan taraf ekonomi berikutan infrastruktur asas yang masih jauh ketinggalan. Saya ingin membawa Dewan ini untuk merasai derita kami di Kota Belud pada 27 Jun 2020 yang lepas, di mana Kota Belud mengalami banjir besar yang menyebabkan beberapa rumah musnah. Ada yang hanyut di bawa arus deras, ada juga beberapa buah rumah yang terbakar akibat litar pintas selepas banjir.

Manakala beberapa jalan yang terputus akibat hakisan tanah. Malah jalan utama juga tidak dapat dilalui beberapa hari kerana paras air yang tinggi. Jalan-jalan ini Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja jalan utama bagi Daerah Kota Belud, tetapi juga menghubungkan daerah-daerah yang lain seperti Kota Marudu, Kudat, Tandek dan Pitas.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat Kota Belud masih lagi menerima laporan kerosakan daripada penduduk. Manakala Jabatan Pertanian menganggarkan kerugian untuk penanaman padi sahaja lebih kurang RM2.4 juta melibatkan 570.75 hektar keluasan kawasan dan ini tidak termasuk kerosakan infrastruktur akibat banjir.

#### ■1820

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, banjir di Kota Belud menjadi signifikan semenjak kejadian gempa bumi pada tahun 2015 yang meragut 18 nyawa warganegara dan juga pelancong asing menyebabkan sungai-sungai di Daerah Kota Belud menjadi cetek. Untuk rekod, Kota Belud mengalami 86 kali banjir pada tahun 2017 melibatkan enam kali pemindahan. Manakala pada tahun 2018 dan tahun 2019, masing-masing merekodkan lapan kali banjir dan empat kali banjir kerana kita mengalami musim panas yang panjang.

Walau bagaimanapun, untuk tahun 2020 ini Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja kita menginjak bulan Julai tetapi angka-angka semakin kritikal. Trend banjir di Kota Belud juga berubah. Hujan sahaja air sudah naik dan melimpah ke jalan raya. Mengikut rekod, banjir di Kota Belud setakat ini sudah dua kali melibatkan banjir besar dan melibatkan dua kali pemindahan. Kita tahu hujan akan berterusan hingga hujung tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa permohonan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak RM90 juta. Cuma yang diluluskan hanya RM50 juta pada tahun 2017. Menurut JPS, satu tender berkenaan kajian kemungkinan *feasibility study* bersepadu sumber air dan tebatan banjir di Kota Belud telah dipanggil pada September 2019.

Namun, dukacita keputusan tender yang dikeluarkan pada April 2020 tiada penender yang layak. Hasil daripada keputusan tender ini, saya difahamkan dua tindakan lanjut yang perlu dilakukan. Pertama, perlu kerja pengukuran sungai semula. Kedua, panggilan tender semula selepas siap kerja-kerja pengukuran.

Saya ingin bertanya di Dewan yang mulia ini. Pertama, adakah kajian ini akan ditender semula? Kedua, sekiranya kajian ini ditender semula selepas kerja pengukuran sungai dilakukan, bilakah projek tebatan banjir ini dilaksanakan sedangkan kerja mengukur sungai pun belum bermula sampai sekarang.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, keadaan banjir di Kota Belud ini selalunya akan lebih teruk menjelang hujung tahun. Kami sudah tidak mampu mendengar alasan yang sama. Kajian, kajian dan kajian. Kajian pun belum pun lagi dimulakan, inikan pula permohonan Rancangan Malaysia Ke-12 daripada JPS Sabah untuk pengorekan muara Sungai Abai, muara Sungai Kawang Kawang dan muara Sungai Tempasuk yang masih menunggu kelulusan peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian pelan induk sudah pun ada sejak tahun 2008 lagi. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk beri keutamaan tentang isu banjir di Kota Belud. Kalau sekadar kita mengharapkan kepada pengorekan pasir semata-mata, ia tidak akan pernah menyelesaikan masalah banjir. Tebatan banjir perlu dilaksanakan dengan kadar segera ataupun mungkin cadangan untuk membuat terusan. Mohon Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab untuk beri keutamaan kepada Kota Belud tentang isu banjir ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika bercakap tentang pembangunan di negeri Sabah kami masih bercakap tentang *basic necessity* iaitu pembinaan jalan raya, keadaan jambatan dan jambatan gantung yang masih banyak belum dilaksanakan. Begitulah juga yang terjadi di Kota Belud. Justeru, saya ingin bertanya tentang status pembinaan jalan di kampung-kampung di Kota Belud yang sepatutnya dilaksanakan segera kerana sebelum ini telah disenaraikan sebagai *top priority*, dengan izin.

Namun, jalan-jalan ini masih belum berturap sehingga kini sedangkan penduduk kampung memerlukan pembangunan jalan ini memandangkan mereka menjalankan ekopelancongan secara komuniti. Inilah sumber pendapatan mereka. Jalan-jalan yang saya maksudkan adalah:

- (i) Jalan Kampung Talungan-Terintidon-Sayap;
- (ii) Jalan Kampung Gendukut-Tengkurus-Lahanas;
- (iii) Jalan Kampung Mengkulat-Pinolobuh-Podos;
- (iv) Jalan Kampung Taboron; dan

- (v) jambatan kenderaan yang menyeberangi Sungai Kadamaian ke Kampung Kaung, Lobong-Lobong, di mana sekolah dan kebanyakan penduduk tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar pembangunan jalan ini diberi keutamaan kerana inilah impian kami sejak dahulu lagi. Kalaulah *priority*nya telah pun diletakkan pada RMKe-12, mohon berilah seawalnya kepada peringkat pelaksanaan. Janganlah ditangguh-tangguhkan lagi. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan khabar gembira kepada kami kelak.

Selain daripada itu, saya kira sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah, soal isu sekolah daif memang isu biasa yang selalu dibahaskan. Cuma untuk bahas Titah Diraja kali ini saya ingin fokus pula tentang Tabika Kemas yang sangat daif. Perkara yang merisaukan adalah keselamatan kanak-kanak kecil ini terutamanya pada waktu sekarang musim hujan yang hampir setiap hari kami hadapi.

Di kesempatan ini saya ingin merekodkan di Dewan yang mulia ini bahawa ada beberapa Tabika Kemas di Kota Belud yang saya lawati sudah tidak selamat pada pandangan saya terutamanya pada musim banjir ini. Saya berharap agar peruntukan dapat disalurkan secepat mungkin untuk mengelakkan sebarang kemalangan:

- (i) Tabika Kampung Marabau. Bangunan bekas balai raya kampung yang digunakan untuk Tabika Kemas sekarang ini separuh siling sudah tidak ada. Lantai dapur menuju ke tandas yang sudah ranap, manakala atapnya juga bocor;
- (ii) Tabika Kampung Bangkahak Sumsu. Bangunan yang dipinjamkan tetapi tidak mempunyai tandas. Bayangkan sekiranya anak-anak ini berkeperluan, mereka terpaksa meminjam rumah-rumah jiran yang bersebelahan dengan tadika mereka;
- (iii) Tadika Kampung Siudon. Zink yang sudah bocor dan *even* ada sebahagian daripada bangunan ini terpaksa dipasang dengan *red tape* kerana lantainya sudah roboh dan kerisauan para guru kerana pendawaian elektrik yang tidak selamat; dan
- (iv) Tadika Kampung Labuan. Bangunan tadika asal telah hangus dijilat api sekitar tahun 2017 dan sampai sekarang kanak-kanak ini terpaksa menumpang di balai raya kampung tersebut.

Banyak lagi Tabika Kemas yang dalam keadaan daif Tuan Yang di-Pertua di Kota Belud seperti di Kampung Ranggalau, Kampung Sumsu, Kampung Siasai Tamu dan beberapa lagi. Saya percaya, anak-anak ini adalah aset negara dan kita perlu menjaga keselamatan mereka ketika menimba ilmu di pra sekolah. Saya memohon Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan segera demi keselamatan anak-anak ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu belia juga salah satu perkara yang ingin saya sebutkan di Dewan ini kerana sudah semestinya sukar untuk memberikan peluang pekerjaan kepada golongan muda terutamanya kita masih bertarung dengan pandemik yang mencabar. Namun,

pihak kerajaan perlulah ada inisiatif atau hala tuju untuk memastikan nasib-nasib belia terutamanya di luar bandar terbela.

Dalam menghadapi norma baharu ketika ini, belia di pekan dan bandar boleh berniaga secara *online* atau bekerja dari rumah. Akan tetapi bagaimana dengan nasib belia di luar bandar yang prasarananya dan kemudahan asas tidak menyebelahi kami? Apakah bentuk bantuan atau dana yang kita boleh berikan untuk anak-anak muda di luar bandar yang cenderung kepada bidang perniagaan seperti penjualan produk, perusahaan kecil, pertanian ataupun mungkin inovasi digital yang kita boleh lihat untuk diberikan kepada mereka untuk memiliki pendapatan sendiri tanpa mencari kerja dalam norma baharu seperti ini?

Saya percaya belia-belia mempunyai potensi yang sangat besar untuk *contribute* dengan izin, kepada kemajuan negara. Namun kekangan belia di luar bandar adalah keadaan geografi yang mencabar dan kemajuan infrastruktur asas yang ketinggalan jauh. Ketika negara menghadapi wabak sebegini, saya percaya kerajaan tidak akan mampu memberikan ikan kepada setiap belia dalam jangka masa yang panjang. Maka kerajaan juga perlu mencari jalan untuk memberikan joran kepada mereka agar dapat memancing sendiri ikan untuk santapan seisi keluarga.

Saya percaya, kerajaan perlu mencari jalan dalam memperkasakan belia agar menjadi penyumbang kepada ekonomi negara dengan hasil dan dengan produk yang mereka ketengahkan. Inisiatif dan pelaksanaan daripada pihak kerajaan haruslah dibuat secara holistik iaitu mengambil kira semua keadaan agar tidak ada belia yang ketinggalan dalam pelan yang akan dilakukan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ini adalah ucapan pertama saya dalam perbahasan Titah Diraja semenjak dipilih sebagai wakil rakyat, saya ingin merekodkan pendirian saya berkenaan Perjanjian Malaysia 1963. Saya terbaca dalam laporan akhbar Berita Harian pada 11 Mac 2020 bahawa Perdana Menteri Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin akan mengadakan mesyuarat dengan parti-parti dari Sabah dan Sarawak berkenaan hal ini untuk memenuhi kehendak rakyat Sabah dan Sarawak seperti termaktub dalam perjanjian berkenaan.

#### ■1830

Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini cuba meminda Perkara 1(2) Perlembagaan pada 9 April tahun lalu tetapi gagal mendapati majoriti dua pertiga untuk diluluskan di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara tersebut telah mengecewakan ramai orang Sabah, mungkin juga rakyat Sarawak sendiri. Maka dengan itu, sekiranya pindaan ini dibentangkan semula dalam masa terdekat, saya berharap penantian yang sudah sekian lama ini berakhir dengan berita yang menggembirakan. Kita berharap agar Perdana Menteri akan mempercepatkan perkara ini agar Jawatankuasa Khas Kabinet untuk pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) bukanlah satu kerja yang sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kita membangga-banggakan kemajuan pesat selepas hanya lima dekad membentuk sebuah negara, amatlah menyedihkan sebahagian besar dari negara yang dibentuk pada 1963 ini sebenarnya masih merayu-rayu meminta pembangunan jalan raya



berturap, merayu meminta penggunaan air bersih, merayu-rayu meminta bekalan elektrik. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan di wilayah Sabah dan Sarawak berbanding negeri-negeri di Semenanjung selama ini bukanlah masa depan yang diharapkan ketika negara dibentuk pada 16 September 1963.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ketidaksamarataan pembangunan asas yang dihadapi ketika ini bagaimanakah kita boleh berdiri sama tinggi duduk sama rendah sedangkan kita ibarat bermain di padang yang berbeza. Jika kita mahu melahirkan rakyat yang boleh menjadi *job creators instead of* makan gaji, dengan izin janganlah sekali-kali mensia-siakan potensi di Sabah dan Sarawak. Dengan sumber yang sangat banyak jika wilayah Sabah dan Sarawak dibangunkan dengan holistik dan lestari, tidak keterlaluan jika saya katakan Sabah dan Sarawak boleh menjadi wilayah yang menyediakan peluang pekerjaan kepada seluruh rakyat Malaysia kelak.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa perkara mustahak Sabah dan Sarawak yang perlu diambil tindakan segera. Saya selaku Ahli Parlimen muda dari Sabah, saya juga punya impian untuk bercakap tentang perkara-perkara yang sofistikated, hal-hal baharu yang diuar-uarkan oleh anak muda zaman ini tetapi malangnya saya terpaksa mengambil langkah ke belakang kerana kedudukan kami yang masih ketinggalan. *We are not on par progressive with Semenanjung. They are talking about renewable energy, artificial intelligence and all those cool stuffs that we are way behind.*

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi yang saya ingin bahaskan hari ini. Selaku anak muda yang inginkan perubahan untuk Kota Belud untuk Sabah yang lebih baik. Namun kita dahulukan perkara yang lebih penting dan perkara yang lebih perlu segera diselesaikan pada waktu ini.

Sebelum saya mengakhiri bahas Titah Diraja saya pada hari ini, saya ingin memetik satu *quote* daripada Simon Sinek yang berbunyi, "*Leadership is not about the next election, leadership is about the next generation*". Sekali lagi saya bagi pihak Kota Belud ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang untuk berbahas Titah Diraja ini. Saya juga ingin merakamkan kepada semua *frontliners* yang telah bertungkus-lumus menjaga keselamatan kita semua. *If we are given great power, we should be capable enough to handle it and use it with fair and square.* Sekian, *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kota Belud, menjunjung kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Belud. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Kimanis, 20 minit.

**6.34 ptg.**

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk turut serta membahaskan Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya juga seperti rakan-rakan yang lain ingin mengambil kesempatan untuk turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Azhar bin Harun yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang baharu. Demikian juga kepada Yang Berhormat Pengerang kerana telah mencatat sejarah sebagai wanita pertama dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai ucapan sulung saya di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan terima kasih yang setinggi-tingginya dengan penuh insaf dan penghargaan kepada seluruh rakyat di Parlimen Kimanis dan seluruh pengundi di Kimanis kerana telah meletakkan saya dan menghantar saya ke Dewan yang mulia ini. *Insyallah*, dengan amanah yang digalas ini *insyallah* saya akan melakukan yang terbaik demi rakyat Kimanis yang dikasihi khususnya dan rakyat Sabah amnya, *insyallah*.

Hari ini kita masih lagi berada dalam situasi berperang dengan pandemik COVID-19. Terlalu banyak kesan, implikasi... [*Tidak jelas*] dan juga *ibrah* daripada pandemik ini yang cukup mendalam bagi kita semua. Walau apa pun keadaannya, saya bagi pihak seluruh rakyat Kimanis mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Yang Amat Berhormat Pagoh sebagai Perdana Menteri kita serta seluruh pasukannya kerana telah melakukan yang terbaik dan sehingga Malaysia telah diiktiraf sebagai salah satu sebuah negara terbaik di dunia dari segi pengurusan dalam menangani pandemik COVID-19 ini.

Sementara kita terus fokus untuk terus mengurus COVID-19 ini, saya merayu agar kerajaan ini melihat kepada isu yang besar yang ada di negeri Sabah iaitu hak dan kepentingan negeri Sabah dan juga Sarawak sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan yang terbit daripada Perjanjian Malaysia 1963.

Saya tidak bermaksud untuk merujuk kepada banyak perkara yang tersebut di dalam Perlembagaan Persekutuan ataupun MA63. Cuma saya ingin merujuk kepada satu-dua perkara sahaja. Antaranya soal *revenue right* yang termaktub dalam Perkara 112C Bahagian IV Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan yang dengan jelas menggariskan dan menyatakan tentang hasil yang diperolehi daripada Sabah, yang mana 40 peratus hendaklah diberikan dan dikembalikan kepada negeri Sabah oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membina sebuah tamadun yang hebat di Malaysia ini, kita harus meletakkan *foundation* yang jelas tentang konsep keadilan dan konsep ihsan berbuat-buat baik dan menjaga kebajikan rakyat dan seluruh negeri yang ada di negara ini. Allah berfirman, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Jelas konsep keadilan dan juga ihsan ini yang harus kita terapkan dan kita laksanakan sebagai asas dan juga *foundation* untuk kita melaksanakan apa juga amanah yang diberikan oleh rakyat kepada kerajaan yang ada pada hari ini.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan dan kerajaan khususnya melalui Kementerian Hal Ehwal Sabah untuk memperkenalkan satu pendekatan yang lebih meyakinkan rakyat. Saya yakin kerajaan sentiasa berusaha untuk melaksanakan apa juga tuntutan-tuntutan yang termaktub dalam MA63. Oleh itu, dalam memastikan pelaksanaan itu

berjalan dengan lebih jujur dan ikhlas, saya mencadangkan Kerajaan Perikatan Nasional dapat memperkenalkan satu *legal commitment*, dengan izin di antara Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri Sabah dan juga mungkin Kerajaan Negeri Sarawak.

Di dalam *legal commitment* itu nanti dinyatakan dengan jelas perincian, pelaksanaan termasuk tempoh-tempoh pelaksanaannya sekali. Saya yakin perkara ini dapat dilaksanakan dengan baik dan juga tuntas kerana Yang Berhormat Menteri yang diamanahkan mengemudi Kementerian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak ini adalah seorang pejuang tulen hak-hak Sabah yang sangat komited sekali. Saya mendoakan semoga beliau cepat sembuh, sihat seperti sedia kala.

Sabah adalah sebuah negeri yang makmur dan kaya dengan sumber alam semula jadinya seperti minyak dan lain-lain. Kita mengalu-alukan kepada Kerajaan Pusat untuk terus menerokai kekayaan negeri Sabah. Ambil sahaja kekayaan kami tetapi ingat kembalikan hak kami. Berikan hak kami yang ada di negeri Sabah. Ambil-ambil semua tetapi ikutlah perjanjian yang telah termaktub di dalam MA63 dan juga Perlembagaan Persekutuan.

*Insyallah* jika banyak diterokai hasil mahsul negeri Sabah ini, maka akan lebih banyak juga kemajuan dan pembangunan kepada negeri Sabah akan dibawakan. Itu yang kami harapkan dan apabila Sabah maju Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga akan dilihat maju kerana statistik kemajuan negeri Sabah juga akan menjadi statistik kemajuan Malaysia.

#### ■1840

Justeru, sebagai seorang Ahli Parlimen daripada Sabah, saya ingat tidak sah kalau saya tidak menyentuh isu yang cukup besar iaitu isu pendatang tanpa izin. Kita faham isu ini sangat kompleks dan sudah lama menyelubungi negeri Sabah. Saya mengharapkan ada satu penyelesaian yang tuntas dan meyakinkan rakyat di negeri Sabah. Buatlah dan perkenalkanlah mekanisme dan apa jua jenis dokumen pun asalkan ia tidak akan menggadaikan nasib anak negeri Sabah dan rakyat Sabah seluruhnya.

Jangan lupa, Tuan Yang di-Pertua, PRK Kimanis merupakan manifestasi penolakan dan amaran keras oleh rakyat Kimanis khususnya dan seluruh rakyat Sabah amnya terhadap pendekatan kerajaan dalam mengatasi isu PTI dengan memperkenalkan Pas Sementara Sabah (PSS) baru-baru ini.

Kenapa PSS itu dibantah dan ditolak oleh rakyat Sabah? Ia adalah kerana cara ini tidak mampu menyelesaikan isu PTI di Sabah. Mana boleh PSS ini diperbaharui tanpa tempoh had minimum. Sahabat saya Yang Berhormat Sepanggar selaku mantan Timbalan Menteri KDN, katanya boleh pegang selama 10 tahun, boleh pegang selama 20 tahun, selama 30 tahun bahkan sampai 100 tahun pun boleh pegang PSS ini.

Kita tahu, apabila seseorang itu memegang PSS dalam tempoh yang cukup lama, kita tahu mereka boleh berada di negeri ini, mereka boleh berada di Malaysia, di Sabah dan pastinya mereka juga boleh memohon sebagai warganegara. Ini yang rakyat Sabah tidak boleh terima, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bukan hendak membenci sahabat saya ini. Ini sahabat baik saya Yang Berhormat Sepanggar. Akan tetapi saya ingin memberitahu bahawa PSS ini sudah menjadi *trigger*, dengan izin, yang negatif bagi seluruh rakyat Sabah. Ini merupakan kebimbangan bersama kita. Kita harus sedar bahawa rakyat Sabah inginkan penyelesaian yang tuntas. Jadi maknanya apa? Maknanya kita kena berhati-hati.

Saya bilang kerajaan yang ada pada hari ini lebih berhati-hati jika ingin memperkenalkan apa jua mekanisme yang difikirkan sesuai untuk menyelesaikan masalah PTI di negeri Sabah. Asalkan apa? Kedaulatan dan nasib anak negeri Sabah serta seluruh rakyat negeri Sabah tidak dicabuli dan digadaikan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk kepada Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh soal Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Baginda menyebut ia adalah pencetus kepada hala tuju baharu pembangunan negara. Untuk menjayakan wawasan ini, ia memerlukan satu tekad baharu, Tuan Yang di-Pertua, cara baharu dan norma baharu.

Bagaimana kita memperkenalkan satu tekad baharu dan norma baharu itu ialah bahawa— saya bagi contoh. Untuk Sabah, saya mencadangkan mengenai penurunan kuasa Kerajaan Pusat kepada negeri Sabah. *Devolution of power*, dengan izin. Saya mencadangkan agar pengagihan bajet pembangunan tahunan yang diperuntukkan kepada negeri Sabah haruslah dibuat dalam bentuk tunai dan bukan dalam bentuk projek. Ini norma baharu.

Kita harus melihat di Malaysia ini kita ada tiga wilayah. Kita ada Semenanjung Malaysia, kita ada Sabah dan kita ada Sarawak. Kita laksanakanlah dengan norma baharu saya minta, saya mencadangkan setiap tahun nanti bajet pembangunan itu biarlah diberikan dalam bentuk *cash*. Saya bagi contoh umpamanya barangkali projek pada tahun hadapan berjumlah RM10 bilion umpamanya.

Berikan sebanyak RM10 bilion itu kepada negeri Sabah duit itu dalam bentuk *cash* dan terserahkan kepada negeri Sabah untuk memikirkan dan merancang apa jua projek-projek yang diperlukan oleh rakyat. Saya ingat ini adalah satu norma baharu yang harus kita lihat secara lebih realistik, lebih mewujudkan apa yang dikatakan oleh Baginda, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah, kita mempunyai kabinet yang lengkap dalam Kerajaan Negeri Sabah. Kita mempunyai kementerian kewangan sendiri, kita mempunyai kementerian infrastruktur sendiri, kita mempunyai kementerian pembangunan luar bandar sendiri, kita mempunyai kementerian pertanian sendiri dan dari segi pentadbiran juga, kita di Sabah mempunyai jabatan-jabatan tertentu, pengarah-pengarah jabatan kita ada, setiausaha-setiausaha tetap kementerian kita ada dan kakitangan-kakitangan kementerian yang cukup ramai. Dalam erti kata yang lain, Sabah mampu menjalankan semua kerja perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pematuhan tadbir urus kewangan, *insya-Allah*.

Dengan cara ini, Sabah akan dapat melaksanakan projek mengikut cita rasa dan keperluan Sabah sendiri. Ini sekali gus boleh mengurangkan kos pentadbiran, Tuan Yang di-

Pertua. Kerajaan Pusat melalui para pegawainya daripada Putrajaya tidak lagi perlu berulang-alik ke negeri Sabah hanya untuk mengendalikan sesuatu projek. Jika ini dapat dilaksanakan, maka inilah yang dinamakan sebagai penurunan kuasa atau *devolution of power*, dengan izin, yang Sabah dan Sarawak idam-idamkan selama ini. Inilah juga dinamakan sebagai satu autonomi yang lebih bermakna bagi kita.

Kita pernah buat ini, bukan tidak pernah. Kementerian Pelajaran pun sudah pernah kita perturunkan kuasa kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Pernah kita buat. Kenapa tidak kita lebarkan konsep ini kepada semua kementerian-kementerian yang lain untuk kita lebih memberikan kuasa kepada negeri Sabah? Jadi, saya melihat perkara ini memang satu perkara yang baharu tetapi kita kena buat dalam satu semangat dan norma baharu dalam era Malaysia baharu pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Diraja juga, baginda ada menyebut soal COVID-19 yang telah memberikan impak yang cukup signifikan dan cukup dahsyat kepada industri pelancongan dan juga perusahaan kecil dan sederhana di negara ini. Kita ada Majlis Tindakan Ekonomi, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat berjumlah RM260 bilion bagi melindungi rakyat dan menyokong industri serta perusahaan kecil dan sederhana negara. Inilah yang harus kita selami kebimbangan keprihatinan Baginda.

Saya ada satu sumber dari PERKESO negeri Sabah. Industri sektor yang paling terkesan yang ramai dibuang pekerjaannya ialah sektor pelancongan. Sebanyak 58 peratus individu-individu, pekerja-pekerja dibuang itu adalah daripada sektor pelancongan.

Saya punya ramai anak-anak muda yang kebanyakannya bekerja di industri pelancongan sebagai *tour guide* dan sebagainya. Pada hari ini mereka sudah kehilangan pekerjaan dan sebagainya. Jadi, inilah yang saya minta supaya kerajaan dapat melihat bagaimana dapat membantu anak-anak muda ini yang sebahagian besarnya bekerja dalam sektor pelancongan dan juga IKS ini.

Baginda juga menyebut dalam Titah Diraja tentang pentingnya revolusi industri 4.0 ini. Saya menyebut dalam Dewan yang mulia ini pada beberapa hari lepas tentang seorang pensyarah yang terpaksa naik ke bumbung, ada juga anak muda yang naik ke pokok kayu hanya kerana untuk mencari jalur lebar internet tetapi tidak jumpa-jumpa. Bahkan inilah yang menjadi kekangan dan masalah kami di Sabah, Tuan Yang di-Pertua. Pagi tadi pun saya sempat mengutarakan soalan yang sama tetapi jawapannya kurang meyakinkan kami.

Jadi, saya minta kementerian yang terlibat lihat isu ini dengan serius. Tanpa internet, tanpa jalur lebar yang kuat dan hebat, maka ia akan merencatkan kesaksamaan pembangunan di semua sektor yang ada di Sabah ini.

#### ■1850

Tuan Yang di-Pertua, baginda juga menitahkan bahawa bagi meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat dan merapatkan jurang pembangunan di Sabah dan Sarawak, baginda bertitah perlu diambil langkah menerusi pelaksanaan projek-projek infrastruktur kritikal. Di Sabah yang ada pada hari ini projek meganya ialah pembinaan Lebuh raya Pan Borneo.

Saya ingin menyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, semasa pemerintahan Barisan Nasional projek ini dibina dengan cukup baik dan teratur, lancar dan ikut jadual. Akan tetapi apabila pertukaran Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pembinaan ini sudah dilihat tidak berbayar, terbengkalai, lesu dan terlalu lambat. Dibatalkan juga *Project Delivery Partner* (PDP) yang diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada waktu itu untuk menjamin kelancaran pembinaan Pan Borneo itu. Kenapa dibatalkan PDP itu?

Jadi, saya minta kepada kementerian terlibat, adakah kementerian bercadang untuk melihat dan mengembalikan konsep PDP ini? Begitu juga apa sudah jadi dengan baki pakej-pakej yang belum lagi dianugerahkan projek itu kepada syarikat-syarikat yang layak dan yang berkompeten?

Kedua, berkaitan juga dengan Lebuhraya Pan Borneo ini. Dari Kota Kinabalu Tuan Yang di-Pertua, melintasi Kinarut di Papar sampai ke Kumanis. Saya lihat terlalu banyak kelemahan yang berlaku dari segi penyediaan tanda-tanda keselamatan. Saya hendak bagi tahu dalam Dewan yang mulia ini, saya sudah *lost count* dengan izin, tidak terkira berapa ramai sudah yang terbunuh di sepanjang jalan itu kerana apa, kurangnya pemantauan dan kurangnya ciri-ciri keselamatan yang harus disediakan oleh pihak syarikat dan pemantauan oleh JKR Negeri Sabah, tidak ada.

Saya lihat banyak dipantau secara terus oleh JKR Negeri Sabah pada hari ini Tuan Yang di-Pertua. Apabila kerajaan Warisan di Sabah ini memerintah dan menjaga projek ini, mereka seolah-olah tidak faham dan tidak mengerti cara macam mana untuk mengendalikan projek mega ini. Ini bukan pembinaan jalan desa atau jalan kampung di bawah KKLW tetapi ini projek mega rakyat. Maka lakukanlah yang terbaik. Ikut peraturan yang betul. Saya minta kepada kementerian yang terlibat, lihat perkara ini dengan serius. Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal kawasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, rumuskan Yang Berhormat. Ada satu minit lagi.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kumanis]:** Jalan Bukit Manggis, saya minta cepat dibina, Jalan Viging cepat dibina, Jalan Pinopok-Membakut harus cepat dibina. Bagi menyahut seruan anak muda, saya agak bersalah kalau saya tidak sebut bahawa mereka juga memohon supaya tempoh moratorium itu dilanjutkan juga sampai ke hujung tahun ini sekurang-kurangnya kerana ingin memberi mereka peluang untuk bernafas sedikit sebelum mereka mencari pekerjaan-pekerjaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin kalau saya tidak sebut ini isteri saya marah. Penghargaan khusus kepada *frontliners*. Orang rumah saya seorang doktor pakar di hospital kerajaan. Beliau memang banyak membantu di hospital. Saya ingin nyatakan bahawa saya ini sudah biasa berminggu-minggu dasingkan tempat tidur saya dengan isteri saya, dasingkan tempat makan dengan anak-anak saya, kerana apa? Dia bekerja di hospital memang terdedah dengan risiko-risiko COVID-19.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Kuota ada lagi.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** *[Ketawa]* Akan tetapi, kami reda. Saya reda dan saya terima ini semua cabaran demi untuk rakyat yang tercinta, jaga keselamatan rakyat. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, sama-sama kita berdoa kepada Allah SWT semoga para pemimpin kita akan dapat melaksanakan tugas demi rakyat dan mengangkat martabat Malaysia ini menjadi negara yang hebat *baladun thayyibatun wa rabbun ghafur, amin ya rabbal alamin*. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Kimanis mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai diikuti oleh Yang Berhormat Kota Samarahan. Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

### 6.35 ptg.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong doa]* Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada Lembah Pantai agar turut membahaskan usul menjunjung kasih dan semestinya perkara pertama yang ingin saya lontarkan adalah berkenaan dengan isu COVID-19. Ramai di kalangan kita yang telah ucapkan tahniah buat *frontliners*, mereka yang bekerja di barisan paling hadapan tetapi pada masa yang sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Port Dickson terdapat mungkin kumpulan-kumpulan yang perlu kita beri penelitian seperti mereka yang merupakan pembersih, para *cleaners* dengan izin yang membantu memastikan suasana ataupun tempat-tempat bersih.

Saya juga ingin membangkitkan isu elaun, elaun khas yang saya dengar daripada rakan-rakan mereka yang bekerja sebagai anggota polis yang mengadu mengatakan mereka terpaksa menghadapi pelbagai birokrasi hanya untuk mendapat elaun tambahan sedikit. Jadi, isu birokrasi ini adakah telah diselesaikan dan saya pohon Menteri yang berkenaan untuk menyatakan elaun khas berapa jumlah yang telah disampaikan? Apakah masalah yang telah dihadapi dalam menyampaikan elaun tersebut?

Tadi Yang Berhormat Kimanis dan ramai telah membangkitkan isu moratorium. Malah pagi tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan juga menyebut moratorium ini mungkin tidak akan diteruskan tetapi saya lihat ini akan menjadi satu perkara yang agak besar masalahnya memandangkan pada hari ini setakat bulan Mei maksudnya ada dua bulan *lag* kepada data berkenaan dengan pengangguran. Jumlah mereka yang kehilangan pekerjaan mencecah 826,000 orang, peningkatan mencecah 5.3 peratus daripada jumlah tenaga kerja bagi Malaysia.

Ini tidak melibatkan mereka yang telah terpaksa mengambil potongan gaji, 10 peratus, 20 peratus, 50 peratus ataupun mereka yang telah terpaksa mengambil cuti tanpa gaji. Persoalannya, apakah perancangan kerajaan bila tiba masa moratorium itu *lifted* dengan izin ya, tidak lagi terpakai sekiranya begitu ramai rakyat Malaysia terutama di kalangan B40 ataupun sekarang ini kita sudah ada PGK baharu, Pendapatan Garis Kemiskinan yang baharu, jumlah yang dianggap keluarga miskin ini mencecah 400,000.

Apakah yang akan berlaku, apakah langkah kerajaan untuk memastikan keluarga-keluarga yang paling akan terkesan bila moratorium ini tidak lagi dipakai untuk memastikan mereka tidak dihalau keluar daripada rumah mereka dan kereta mereka tidak diambil terutama mereka yang mungkin dalam bulan-bulan yang akan datang akan kehilangan pekerjaan. Kita tidak mahu perkara itu berlaku tetapi apakah perancangan kerajaan.

Menyentuh tentang isu PGK, saya ingin mendapat pandangan daripada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, salah satu perkara asas yang menjadi masalah bagi keluarga-keluarga miskin untuk mendapat bantuan daripada pihak kerajaan adalah agensi yang berbeza, mempunyai kayu ukur yang berbeza. Di Kuala Lumpur sahaja mereka yang mendapat bantuan daripada Baitulmal mempunyai kayu ukur yang berbeza berbanding dengan mereka yang mendapat bantuan daripada eKasih, mereka yang mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Maka apakah cadangan daripada pihak kementerian khususnya Menteri Hal Ehwal Ekonomi untuk memastikan penyelarasan dari segi data dan juga kayu ukur. Malah, sebenarnya agensi-agensi boleh dengan izin, *share the data*. Akan tetapi yang kita lihat kebanyakan daripada agensi mahu simpan data itu *for themselves*. Orang lain tidak boleh hendak guna ya ataupun agensi lain tidak boleh hendak guna ataupun kalau hendak guna, ikut – jadi ada masalah di situ.

Saya ingin menyentuh tentang isu komunikasi dan multimedia. Ramai rakan-rakan yang saya rasa sedar dan tahu ingat kisah saudari Veveonah Mosibin yang telah terpaksa masuk ke dusun untuk mendapat internet dan ini bukan satu kes terpencil tetapi masalahnya bila *viral*, maka tindakan cepat yang dilakukan. Kalau kita tidak tahu, kalau dia bukan seorang *vlogger* yang ada tarikan, adakah masalah yang dihadapi di kawasan itu akan diselesaikan? Malah dalam jawapan Menteri Komunikasi dan Multimedia kepada saya berkenaan dengan isu capaian internet, didapati negeri Sabah dan Sarawak mempunyai capaian yang paling rendah untuk jalur ataupun untuk kemudahan 4G.

#### ■1900

Kalau dilihatkan berbanding dengan negeri-negeri lain, Sabah dan Sarawak mencatatkan peratus liputan LTE hanya sebanyak 71.7 peratus dan 71.1 peratus. Wilayah Persekutuan Putrajaya 100 peratus, Johor 94 peratus, Melaka 95.5 peratus. Jadi, persoalan yang saya ingin bangkitkan kepada Menteri adalah, apakah yang diusahakan untuk memandangkan kita mempunyai dana pemberian perkhidmatan sejagat atau *universal service provider* (USP) yang saya difahamkan pada 20 Jun 2018, Menteri pada waktu itu Yang Berhormat Puchong telah meminta satu audit dijalankan.

Apakah perancangan pihak kementerian untuk menggunakan dana USP ini untuk menyelesaikan masalah ini? Masalah yang kita tidak mahu masalah ini berterusan. Dana itu ada. Saya difahamkan mungkin dana itu agak besar, malah saya memohon agar Menteri mempertimbangkan membawa maklumat tentang audit tersebut sekiranya telah disiapkan – bawa ke Dewan yang mulia ini agar kita semua dapat lihat bagaimana dana itu yang telah diwujudkan sebelum ini dan mungkin bernilai berbilion Ringgit, sumbangan daripada syarikat telekomunikasi. Apakah yang telah digunakan dengan dana ini? Ke arah mana?



Saya juga ingin memohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan isu spektrum 5G, khusus spektrum 700MHz, 900MHz dan 2,600MHz yang pada 3 Jun, Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan 18 instrumen yang menyerahkan spektrum ini kepada sekian-sekian syarikat ditarik balik. Jadi, bilakah spektrum-spektrum ini akan dijual ataupun diberikan? Berapakah yang akan diperoleh pihak kerajaan sekiranya usaha itu dilakukan secara tender terbuka? Kita difahamkan melalui 18 instrumen yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri, kita tidak tahu sama ada sebarang fi dikenakan kepada syarikat-syarikat telekomunikasi. Maka, saya mohon Menteri memberikan sedikit jawapan dalam isu ini.

Saya ingin menyentuh tentang isu lesen dokumentari yang disebut sebelum ini, *Al Jazeera* tidak mempunyai lesen dokumentari untuk membuat dokumentari. Maka, saya mohon Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan. Berapa banyak syarikat media, contohnya *TV3* yang ada rancangan seperti *Majalah 3*? Berapa banyak syarikat yang mempunyai lesen dokumentari ini? Berikan penjelasan. Adakah seperti *Majalah 3* mempunyai lesen dokumentari? *History Channel* pada suatu ketika dulu mereka membuat dokumentari tentang Malaysia, adakah mereka mempunyai lesen dokumentari? Berikan penjelasan.

Saya juga memohon agar Menteri memberi pertimbangan untuk mewujudkan satu majlis media. Saya difahamkan ada satu jawatankuasa tetapi mereka belum lagi mendapat masa untuk bertemu dengan Yang Berhormat Menteri. Saya mohon disegerakan. Sekiranya ada *media council* ini atau majlis media ini, maka beberapa masalah ataupun isu, termasuklah cara mungkin wartawan membuat liputan dan sebagainya, boleh dibincangkan dan ditangani bersama.

Saya memohon Yang Berhormat Menteri juga untuk memberikan sedikit perkembangan status pembangunan di Angkasapuri dalam kawasan Lembah Pantai. Adakah projek tersebut untuk membina *media city* di kawasan Angkasapuri telah siap? Apakah statusnya sekarang? Saya difahamkan mungkin masih ada lagi beberapa masalah, termasuk dengan perolehan beberapa perkakas atau peralatan.

Saya juga mohon Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan, memberikan kelengkapan internet yang lebih elok dalam Parlimen ini. Tengah hari tadi saya buat *speed test*, dengan izin dan saya dapati *download ratenya* hanyalah 17 mbps. Jadi, kita sebagai Parlimen dan institusi yang tersohor, seharusnya kita mempunyai mungkin 10 kali ganda lebih tinggi internetnya. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Speaker boleh pertimbang, bincang tapi saya minta Yang Berhormat Menteri untuk berikan sedikit pandangan tentang isu ini.

Saya ingin menyentuh isu seni dan budaya. Saya mohon Yang Berhormat Menteri Pelancongan Seni dan Budaya untuk memberikan sedikit penjelasan sama ada Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang pernah diumumkan pada 6 Januari 2020, adakah akan diteruskan? Apakah statusnya? Bolehkah dibentangkan, bolehkah dibincangkan di kalangan kami Ahli-ahli Parlimen di sini? Memandangkan pada tahun 1970-an, Dasar Kebudayaan Negara pada waktu itu telah dibawa dan dijemput pelbagai penggiat seni, artis, termasuklah P. Ramlee untuk membentangkan kertas dan berbincang secara satu komuniti sebelum ditetapkan satu dasar kebudayaan.

Saya juga mohon sama seperti bagi rakan-rakan media, bagi penggiat seni diwujudkan satu majlis seni negara. Ini penting memandangkan rakan-rakan penggiat seni, mereka yang telah lama berkecimpung dalam bidang ini tidak mempunyai satu badan yang khusus memandangkan pelbagai aliran seni dan budaya ini dijaga oleh kementerian berbeza. Sebagai contoh, bagi mereka yang merupakan pemuzik dan mengharapkan royalti, maka itu adalah di bawah bidang KPDPHEP. Mereka yang merupakan sasterawan, Perpustakaan Negara, di bawah Kementerian Pendidikan. Kita lihat, malah institusi seperti ASWARA sendiri di bawah Menteri Pelancongan. Jadi, saya harap dengan adanya satu majlis seni negara, maka isu-isu yang berkaitan *cross jurisdiction* boleh dibincangkan dan diatasi bersama.

Malah tempoh hari, saya telah terserempak dengan *the Indie Wonder queen of Malaysia*, Yuna di sini, beliau telah bertemu dengan Menteri Komunikasi dan beliau pun menyebut masalah yang dihadapi melibatkan pelbagai kementerian yang berbeza. Seharusnya kita lihat hasil karya seni ini boleh dibawa, dieksport ke luar negara, malah mereka seperti Yuna dan juga banyak daripada pelukis-pelukis seperti Syed Ahmad Jamal dan begitu ramai membawa produk-produk mereka keluar negara. Jadi, seharusnya satu usaha yang bersepadu melalui satu majlis seni negara perlu diusahakan.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kuala Lumpur. Yang Berhormat Menteri ada menyebut baru-baru ini tentang cadangan untuk meletakkan 5,000 CCTV di seluruh Kuala Lumpur. Kita sedar masalah asas bukan untuk meletakkan tapi memastikan ia berfungsi dengan baik.

Saya bagi contoh, kalau kita pergi ke mana-mana PPR, mungkin setiap lif itu ada CCTV tapi selepas beberapa bulan, mungkin CCTV itu sudah tidak berfungsi. Jadi, kalau kita hendak berbelanja besar 5,000 CCTV, semestinya bukan satu perkara yang kosnya rendah, maka apakah perancangan yang ada di pihak kementerian untuk memastikan satu, CCTV ini tidak dibazirkan, tidak menjadi satu projek '*white elephant*', dengan izin? Adakah ia sebenarnya menyelesaikan masalah? Itu persoalan yang ingin saya lontarkan.

Pada masa yang sama, adakah pemberian ataupun kontrak tersebut akan diberikan secara tender terbuka atau pun tender terhad ataupun rundingan terus? Saya difahamkan ada beberapa kontrak yang dulu diberi di bawah pentadbiran Barisan Nasional secara tender terhad ataupun rundingan terus. Sewaktu Pakatan Harapan masuk, dasar pada waktu itu adalah tender terbuka, dibatalkan beberapa kontrak dan dibuat secara tender terbuka. Saya difahamkan, di kementerian atau di bawah DBKL sekarang dasar itu telah diputuskan kembali kepada tender terhad ataupun rundingan terus. Adakah ini benar? Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan tentang isu ini.

Saya mendengar ramai Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan isu tentang Sabah dan Sarawak dan saya ingin menyentuh perkara ini. Ada yang menyebut tentang keperluan untuk memastikan jumlah kerusi di Dewan yang mulia ini, Sabah dan Sarawak jumlahnya sepertiga daripada jumlah kerusi yang ada.

## ■1910

Bagi saya, saya sendiri tiada halangan dan itu sebenarnya satu langkah yang baik dan perlu kita alu-alukan. Akan tetapi, pada masa yang sama saya mengharapkan agar isu dengan izin *malapportionment*. Kita ada beberapa kawasan Parlimen yang mempunyai jumlah pengundi yang begitu besar. Saya bagi contoh, Bangi pada PRU ke-14 mempunyai sebanyak 178,790 pengundi. Damansara sebanyak 164,322 pengundi dan bandingkan dengan rakan-rakan di Sabah dan Sarawak.

Contohnya, Batang Sadong sebanyak 23,213 pengundi. Lubok Antu sebanyak 20,801 pengundi dan Igan yang mungkin merupakan kawasan Parlimen dengan jumlah pengundi terkecil sebanyak 19,592 pengundi. Maka, yang perlu kita lihat bukan sahaja agihan kerusi atau jumlah kerusi bagi Sabah dan Sarawak yang bagi saya ia adalah satu keadilan untuk memberikan lebih kerusi kepada Sabah dan Sarawak. Akan tetapi, pada masa yang sama masalah *malapportionment* ini perlu kita lihat dan kita teliti. Saya gesa pihak kerajaan malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membawa Laporan Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya atau pun *Electoral Reform Committee*.

Laporan tersebut bentangkan di Parlimen. Benarkan kami untuk lihat, beri pandangan, beri maklum balas dan saya rasa ia adalah satu perkara yang melibatkan masa depan negara dan satu prinsip keadilan bukan sahaja di kalangan kami Ahli-ahli Parlimen ataupun di kalangan negeri-negeri tetapi juga kepada pengundi. *This is a question of morale*. Satu persoalan moral yang boleh kita pertimbangkan. Saya ingin menyentuh seperkara lagi— masa pun tidak banyak dan saya rasa mungkin tidak sempat sampai ke Yang Berhormat Bakri. Maaf. *[Ketawa]*

Berkenaan dengan Keretapi Tanah Melayu. Ibu pejabatnya di Lembah Pantai dan saya terpanggil untuk membangkitkan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memberi status terkini projek-projek *Klang Valley Double Track* fasa 1 dan 2. Apakah statusnya sekarang? Apakah syarikat yang telah diberikan kontrak tersebut melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan telah menyiapkan. Apakah statusnya? Apakah usaha untuk melaksanakan pembangunan semula khususnya adakah pihak kementerian dan juga KTM dan juga Perbadanan Aset keretapi berniat untuk membangunkan semula mana-mana kuarters KTM.

Contohnya, di Lembah Pantai ada dua. Di Lengkok Abdullah dan juga di Bangsar Utama. Ini kerana para pekerja KTM, mereka merasakan terpisah daripada keputusan yang dibuat oleh mereka yang duduk dalam *the board room*, dengan izin dan mereka tertanya-tanya apakah nasib mereka, masa depan mereka. Mereka telah lama berkhidmat dan mereka tidak mahu suara mereka dipinggirkan. Jadi, saya pohon sekiranya ada usaha untuk membangunkan semula mana-mana terutamanya kuarters bagi para pekerja KTM akan dibincangkan juga dan dicari penyelesaian yang baik bersama-sama dengan para pekerja KTM. Jadi, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Satu minit setengah lagi Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ya. Jadi, saya akan cuba rumuskan. Isu asas kita pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, adalah isu kemiskinan. *That is the*

*morale question of the moment.* Itulah persoalan moral pada waktu, pada saat dan pada ketika ini. Di kala kita melihat kesan ekonomi yang membengkak dan juga ramai yang kehilangan pekerjaan dan hala tuju ekonomi negara terbantut.

Saya kadang-kadang berjalan bercakap dengan kawan-kawan yang bekerja di Parlimen. Ada yang menyatakan mereka berbisik, respons tentang isu politik. Kestabilan itu. Apa yang disebut tadi, “*telur di hujung tanduk*” ataupun tanduk di hujung telur. [*Ketawa*] *Depends on how you want to see it.* Jadi, kalau kita lihat— pada hemat saya, *in a very near future*, dalam masa yang cukup terdekat ini, kita perlu pertimbangkan satu perkara yang agak serius. Saya harap satu konfigurasi yang baik dapat diusahakan bersama. Bukan sahaja demi kestabilan politik negara tetapi juga masa depan nusa dan bangsa.

Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Ahli Yang Berhormat sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Samarahan. 20 minit.

#### 7.15 mlm.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama menyertai perbahasan pada hari ini. Saya ingin menzahirkan rasa penghargaan dirgahayu serta menjunjung kasih Titah Diraja oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersempena Istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 pada 18 Mei 2020 yang lalu. Mewakili rakyat jelata di Kota Samarahan, patik mendoakan kesejahteraan buat Tuanku agar kekal berdaulat dan terus memayungi rakyat jelata. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Perikatan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin, Perdana Menteri Malaysia kerana berjaya menerajui kerajaan dan mentadbir dengan penuh baik sekali khususnya sepanjang berlakunya pandemik COVID-19.

Hal ini terbukti dengan keberanian pimpinan Kerajaan Perikatan Nasional dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta mewujudkan Pakej Rangsangan Ekonomi bagi menghadapi pandemik iaitu mewujudkan Pakej Prihatin Nasional (PRIHATIN), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Plus dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara dengan perbelanjaan lebih sejumlah RM250 bilion menerusi lebih 80 inisiatif untuk rakyat semua.

Sudah tentu keputusan yang dibuat ini amat sukar namun syukur ke hadrat Allah SWT. Tuhan mempermudah segala urusan kita. Dengan perbelanjaan besar ini saya berharap agar tiada sesiapa yang tertinggal khususnya penduduk di kawasan pedalaman dan luar bandar dapat direalisasikan sesuai dengan matlamat pakej bantuan berkenaan. Saya menyambut baik jawapan terhadap pertanyaan saya di Dewan ini pada minggu lalu oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri dengan menyertakan maklumat mengenai penubuhan unit LAKSANA bagi memastikan semua yang berkecukupan menerima bantuan yang diberikan.

Walau bagaimanapun, saya meminta agar pihak kerajaan memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk di luar bandar dan pedalaman yang sangat memerlukan pertolongan khususnya daripada unit LAKSANA ini.

Saya telah dimaklumkan bahawa ramai penduduk di luar bandar telah tercicir, tertinggal dan tidak berkesempatan untuk memohon sebahagian pakej Prihatin Nasional akibat daripada kaedah permohonan atas talian yang menyebabkan sebahagian besar penduduk luar bandar tertinggal akibat kekangan rangkaian telekomunikasi dan pengetahuan IT yang kurang.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan ataupun *frontliners* yang bertugas dengan penuh komitmen dan pengorbanan sehingga kita menikmati kestabilan dan kesejahteraan daripada penularan wabak COVID-19.

Sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac yang lalu, Malaysia merupakan antara negara yang terbaik dalam mengawal penularan wabak COVID-19. Syabas diucapkan khususnya kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah yang turut mendapat pengiktirafan dunia sebagai doktor terbaik dunia dalam mengawasi situasi COVID-19 dan sudah tentu disokong penuh oleh seluruh warga Kementerian Kesihatan Malaysia. [*Tepuk*]

Saya juga ingin memanjangkan penghargaan ini kepada petugas-petugas kesihatan di Hospital Umum Sarawak dan pusat-pusat kuarantin di seluruh negeri Sarawak terutamanya di Klinik Kesihatan Kota Samarahan.

#### ■1920

Sebagai makluman, mereka berupaya menjalankan saringan dan pengawalan wabak ini dengan begitu baik dan kreatif walaupun dalam menghadapi kesukaran akibat *facility* yang terhad, peruntukan yang terhad dan kawasan klinik yang agak sempit. Berikutan itu, saya mohon agar pihak Kementerian Kesihatan mengambil kira situasi ini dalam menyejajarkan cadangan menaik taraf Klinik Kesihatan Kota Samarahan yang menampung perkhidmatan populasi hampir 56,000 penduduk di Daerah Samarahan dengan kapasiti klinik yang agak sederhana sehingga tidak ada ruang dan mengalami masalah tempat letak kereta.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga setinggi-tinggi penghargaan diucapkan ke atas tindakan dan keprihatinan Kerajaan Negeri Sarawak dalam memberi sokongan terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dalam mendepani wabak COVID-19. Pelbagai pakej bantuan telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak seperti Bantuan Khas Sarawakku Sayang yang merupakan pakej bantuan hasil inisiatif kerajaan negeri di bawah kepimpinan Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg.

Pakej ini merupakan pakej bantuan tambahan kepada pakej sedia ada iaitu PRIHATIN dan PENJANA yang diperkenalkan di peringkat nasional. Dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri Sarawak terbukti berjaya memainkan peranan dengan baik

sekali menerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (SDMC) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Perikatan Nasional kerana menghormati keputusan Kerajaan Negeri Sarawak dalam mengenakan Cukai Jualan Petroleum sebanyak lima peratus kepada Petronas. Hal ini jelas dengan penubuhan satu jawatankuasa khas antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menyelesaikan tuntutan pembayaran cukai berkenaan yang dipengerusikan bersama Menteri Kewangan dan juga Menteri Kanan Kerja Raya dan juga dianggotai oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan yang mewakili Sarawak.

Maklum balas positif daripada Petronas yang kita terima adalah sangat baik dan perkara ini amat dihargai oleh warga Sarawak. Kami berharap perkara ini dapat disegerakan demi melaksanakan lebih banyak projek-projek pembangunan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Cukai Jualan Petroleum, saya juga menggesa pihak Kerajaan Persekutuan untuk menyemak semula pemberian khas di bawah peruntukan Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak. Walaupun kadar pemberian khas sudah dinaikkan daripada RM16 juta kepada RM32 juta setahun, namun terdapat beberapa perkara, antaranya kaedah pengiraan atau formula yang perlu diambil kira dalam memastikan pemberian khas ini benar-benar mendatangkan impak dan hasil yang memuaskan.

Kerajaan Persekutuan perlu telus dan mengambil perhatian serius dalam soal pembayaran khas ini memandangkan ia tidak pernah dinaikkan selama lebih 50 tahun iaitu sejak tahun 1968, walhal Sarawak masih memerlukan banyak dana untuk membangunkan negeri dengan pesat, khasnya dalam menyediakan keperluan asas kepada rakyat seperti bekalan elektrik, bekalan air, perumahan, jalan raya dan sebagainya. Hal ini penting juga dalam usaha menjadikan Sarawak salah sebuah negeri maju pada tahun 2030.

Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Malaysia 1963 perlu dihormati oleh semua pihak kerana ia adalah bukti lahirnya negara yang bertuah ini. Dalam usaha menghormati perjanjian ini, semua pihak khususnya kerajaan digesa untuk berusaha mengembalikan hak-hak terkandung di dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IJC) report menerusi penurunan kuasa ataupun *devolution of power*.

Tahniah kepada Kerajaan Perikatan Nasional yang telah menunjukkan komitmen dan keprihatinan dalam usaha memastikan hak Sarawak dan Sabah dilindungi dan dikembalikan sebaiknya. Hal ini jelas dengan penubuhan Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak yang diterajui oleh Menteri dan Timbalan Menteri, masing-masing dari Sabah dan juga Sarawak.

Saya juga berharap agar Jawatankuasa Khas Kabinet (PEMANDU) untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 diwujudkan semula bagi memperolehi keputusan-keputusan yang dibuat baik dan saksama. Banyak lagi perkara-perkara yang perlu

dimuktamadkan, antaranya Akta Wilayah Laut 2012. Akta Wilayah Laut 2012 perlu dikaji semula secara mendalam supaya hak persempadanan negeri Sarawak tidak dinafikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal pendidikan khususnya melibatkan infrastruktur pendidikan di kawasan saya, Kota Samarahan. Setinggi-tinggi penghargaan juga kita maklumkan kepada Kerajaan Persekutuan kerana mengambil perhatian serius dalam usaha membaik pulih sekolah-sekolah daif di negeri Sarawak demi menyediakan tempat belajar yang selesa untuk anak-anak kami.

Sehubungan itu, saya ingin hendak bertanya mengenai status pelaksanaan projek baik pulih sekolah-sekolah daif di Sarawak yang dilaksanakan berdasarkan pembayaran kontra sebanyak RM1 bilion oleh kerajaan Sarawak. Selain isu sekolah daif di Sarawak, isu kepadatan murid dan pelajar di sekolah juga menjadi isu yang sangat mustahak untuk diselesaikan. Kebanyakan sekolah-sekolah yang sedia ada di Kota Samarahan kini beroperasi melebihi had kebiasaannya yang mana terpaksa menampung jumlah murid sehingga lebih 50 orang dalam satu kelas berbanding 35 ataupun 40 orang murid dalam kapasiti asal.

Hal ini didorong oleh pertambahan populasi di Kota Samarahan apabila lebih banyak taman-taman perumahan siap dibina. Di kawasan Parlimen Kota Samarahan Tuan Yang di-Pertua, mempunyai 27,767 orang murid dan pelajar yang terdiri daripada 57 buah sekolah, 51 buah sekolah rendah, enam sekolah menengah dan kira-kira 450 buah kelas. Daripada 57 buah sekolah, 38 daripadanya adalah dalam kategori sekolah daif.

Sehubungan itu, saya ingin hendak bertanya kepada pihak Kementerian Pendidikan, adakah cadangan pembinaan sekolah-sekolah baharu di kawasan Kota Samarahan, khasnya di kawasan Stakan, Bandar Baru Samarahan dan juga kawasan zon Empila. Selain daripada itu, saya juga mohon pencerahan daripada Kementerian Pendidikan mengenai status pelaksanaan ataupun status projek naik taraf SMK Muara Tuang yang kini dilihat begitu kritikal dengan bilangan pelajar yang luar biasa, di samping dengan keadaan yang uzur dan daif.

Saya juga ingin mendapatkan maklumat lanjut berkenaan status pembinaan Sekolah Kebangsaan Tambay, Samarahan. Mantan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi pada tahun 2018 telah melawat dan meluluskan peruntukan siling sebanyak RM10 juta dan saya dimaklumkan bahawa projek ini akan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Ke-12. Rancangan Malaysia Ke-12 bermula tahun hadapan. Oleh itu, saya mohon penjelasan dan pencerahan daripada pihak kementerian fasa ke berapakah sekolah ini akan dibina. Pada masa ini, apakah status dan laporan yang boleh diberikan berkaitan dengan Sekolah Kebangsaan Tambay.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya ingin hendak bawa di sini ialah soal keselamatan. Soal keselamatan dan ketenteraman awam merupakan salah satu isu yang mustahak yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Dengan jumlah penduduk Kota Samarahan melebihi 70,000 orang serta sering menerima pengunjung tetap setiap tahun yang terdiri daripada lebih 20,000 pelajar institut pengajian tinggi yang mendaftar di IPT sekitar Kota Samarahan. Sebagai makluman, waktu ini Kota Samarahan hanya mempunyai dua buah balai

polis iaitu Balai Polis Kota Samarahan dan Balai Polis Asajaya yang mengawal keselamatan seluas hampir 800 kilometer persegi.

#### ■1930

Lokasi Kota Samarahan yang berada di tengah-tengah bandar menjadikan rondaan keselamatan semakin sukar. Oleh hal yang demikian, saya memohon agar keanggotaan polis di daerah Kota Samarahan dan Asajaya ditingkatkan bersesuaian dengan populasi masa ini. Saya juga mohon pencerahan daripada Kementerian Dalam Negeri berhubung cadangan projek naik taraf Balai Polis Asajaya yang kini berada dalam tahap yang sangat uzur dan bangunannya sudah wujud zaman tahun 1950-an.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin hendak membawa isu berkaitan dengan pertanian. Dalam mendepani wabak COVID-19, para petani dan penternak harus merevolusikan kaedah cara kerja mereka sesuai kehendak Revolusi Industri 4.0. Kini tumpuan harus diberikan kepada pelaksanaan program pembangunan pertanian dengan kaedah pertanian moden seperti hidroponik ataupun fertigasi. Justeru itu, saya memohon kepada kerajaan supaya menyediakan lebih banyak geran-geran khas permulaan kepada petani-petani moden ini.

Dalam memastikan program-program pertanian berjalan dengan baik, sistem perparitan dan saluran harus diselenggarakan dengan baik mengikut jadual yang ditetapkan. Di Kota Samarahan parit-parit, benteng-benteng dan ban-ban kini amat uzur, usia melebihi 40 tahun berada dalam keadaan uzur dan kurang diselenggarakan. Oleh itu, saya memohon kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk menambah dana untuk tujuan penyelenggaraan parit dan ban-ban pertanian ini khasnya di kawasan pentadbiran pertanian di bawah IADA.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya membawa isu tentang isu kewarganegaraan. Isu kewarganegaraan perlu diselesaikan dengan sebaik mungkin kerana kita mahu tiada siapa-siapa yang terjejas kerana status kewarganegaraannya menjadi tanda tanya. Tanpa ada pengesahan terhadap kewarganegaraan, ada yang terpaksa berhenti sekolah kerana tidak dapat menduduki peperiksaan awam akibat ketiadaan kad pengenalan. Ada yang tidak berani ke hospital kerana tidak mampu memandangkan perkhidmatan perubatan kebanyakan di hospital ditanggung oleh kerajaan khas untuk warganegara.

Oleh yang demikian, saya menggesa pihak Kementerian Dalam Negeri untuk menghidupkan semula Jawatankuasa Khas Status Kewarganegaraan dan *task force* bagi negeri Sarawak yang bertanggungjawab menilai permohonan kewarganegaraan selaras peruntukan Perlembagaan 15A, Perlembagaan Persekutuan. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada tahun 2016 dan telah bermesyuarat sebanyak 23 kali.

Sebanyak 129 permohonan telah diluluskan daripada 723 permohonan dan ini telah mempercepatkan— jawatankuasa ini telah mempercepatkan proses permohonan kewarganegaraan. Oleh itu saya sekali lagi menggesa Kementerian Dalam Negeri untuk menghidupkan semula Jawatankuasa Khas Status Kewarganegaraan khas untuk memastikan proses kewarganegaraan ini dapat dilaksanakan dengan baik, cepat dan berkesan.



Tuan Yang di-Pertua, satu isu terakhir yang saya ingin hendak bahaskan di sini ialah daerah Samarahan ini merupakan bandar ilmu kerana sebahagian besar populasinya terdiri daripada pelajar-pelajar IPT, golongan profesional, penjawat awam dan penduduk-penduduk kawasan setempat. Oleh itu, perkhidmatan awam seperti hal ehwal imigresen bagi menguruskan pas perjalanan terhad, PTPTN, JPJ, perkhidmatan pembayaran bil dan utiliti dan lain-lain mendapat permintaan yang tinggi daripada penduduk Kota Samarahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Oleh itu saya mencadangkan agar pihak kerajaan mewujudkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Kota Samarahan khususnya di kawasan Summer Mall bagi memenuhi keperluan penduduk di Kota Samarahan khasnya bagi mendapatkan perkhidmatan selepas waktu pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin juga menyeru kepada kerajaan selaras dengan Revolusi Industri 4.0, Kota Samarahan berganjak ke hadapan dengan melihat potensi *digital economy* dengan menggalakkan jual beli secara atas talian khususnya menerusi inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak memperkenalkan *Sarawak Pay*. Malahan di Kota Samarahan pada masa ini terdapat taman tema maya ataupun *virtual team park* yang pertama di Kepulauan Borneo, baru sahaja di buka pada Mac 2020.

Oleh itu saya mencadangkan agar Kota Samarahan dilengkapi dengan *Arena eSport* bersesuaian dengan demografi penduduk yang rata-ratanya terdiri daripada para pelajar universiti, golongan profesional dan 56 peratus jumlah penduduk Kota Samarahan adalah golongan belia. Jadi kita merasakan Kota Samarahan berpotensi dijadikan sebagai hab ekonomi digital dan ekonomi digital pada masa ini merupakan trend penting dalam usaha menambatkan ataupun lonjakan ekonomi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya simpulkan, saya menyeru agar rakyat Malaysia terus memberi sokongan kepada kerajaan dalam berdepan situasi yang mencabar dewasa ini khususnya selepas berlakunya pandemik COVID-19. Pihak kerajaan juga dimohon untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat supaya dapat hidup dalam keadaan sejahtera dan bahagia selalunya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini Kota Samarahan menyokong Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Kalau ikut senarai, *next* dengan izin, ialah Ahli Yang Berhormat Bakri tetapi masa tidak mencukupi, jam telah menunjukkan 7.36 minit malam. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, esok Rabu, 22 Julai 2020.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.36 malam]**